





UNIVERSITI
MALAYA

LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI MALAYA

2016





RASIONAL KULIT BUKU

Reka bentuk kulit buku Laporan Tahunan 2016 Universiti Malaya melambangkan BUKU secara umumnya diiktiraf sebagai sumber pengetahuan. Mungkin tiada ikon lain dapat melambangkan universiti dengan lebih baik. Reka bentuk ini dipinjam dari lencana Universiti di mana buku ini dengan bangganya mengisytiharkan bahawa, 'Ilmu adalah Kunci Kejayaan'. Mesej reka bentuk yang ingin disampaikan bahawa pengetahuan dan ilmu adalah tidak mempunyai makna tanpa industri dan tanpa kita menggunakannya. Sementara Universiti boleh membekalkan ilmu tersebut kepada para pelajar maka terpulang kepada mereka untuk mengguna pakai ilmu tersebut dengan sepenuhnya.





Visi	iv
Misi	iv
Nilai-Nilai Teras	iv
Polisi Kualiti	v
Plagam Pelanggan	v
Matlamat Pendidikan	v
Canselor	06
Pro-Canselor	07
Lembaga Pengarah Universiti	08
Pengurusan Universiti	09
Penolong-Penolong Naib Canselor	10
Pegawai Utama Akademik	10
Pegawai Utama Bukan Akademik	11
Selayang Pandang	12

1. NAIB CANSELOR 15

1.1. Laporan Naib Canselor	16
1.2. Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan	21
1.3. Laporan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengurusan Dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC) 2016	22
1.4. Pusat Peningkatan Institusi / <i>Institutional Advancement Centre (IAC)</i>	24
1.5. Jabatan Penerbitan	24

2. PENDAFTAR 27

2.1. Laporan Pendaftar	28
2.2. Pembangunan Sumber Manusia	29
2.3. Seksyen Latihan dan Pembangunan Staf (STanD)	33
2.4. Istiadat Konvokesyen	34

3. AKADEMIK & ANTARABANGSA 35

3.1. Laporan Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa	36
3.2. Pengantarabangsaan	43
3.3. Pusat Pelajar Antarabangsa / <i>International Student Centre (ISC)</i>	45
3.4. Pusat Pemasaran & Pengambilan / <i>Marketing & Recruitment Centre (MRC)</i>	48
3.5. Hubungan Luar	53
3.6. Memorandum Persefahaman & Perjanjian	56
3.7. Pembangunan Akademik	64



4. PENYELIDIKAN & INOVASI

4.1. Laporan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	66
4.2. Penyelidikan dan Pembangunan	67
4.3. Pencapaian dalam Penyelidikan	75
4.4. Penyelidikan Berimpak Tinggi	78
4.5. Inovasi dan Pengkomersilan	80
4.6. Komuniti dan Kelestarian	81

5. HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

5.1. Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	84
5.2. Kemudahan Pelajar	85
5.3. Kewangan dan Biasiswa Pelajar	89
5.4. Hal Ehwal Perundangan Pelajar	90
5.5. Aktiviti Badan-badan Pelajar	91
5.6. Pengurusan Latihan Pelajar	92
5.7. Alumni	97

6. PEMBANGUNAN 103

6.1. Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)	104
6.2. Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)	105
6.3. Pusat Teknologi Maklumat (PTM)	116

65 7. PUSTAKAWAN 117

7.1. Laporan Ketua Pustakawan	118
7.2. Perpustakaan Universiti Malaya	119
7.3. Muzium Seni Asia	123
7.4. Galeri Seni Universiti Malaya	124

8. LAMPIRAN 125

Pencapaian Warga Universiti	126
-----------------------------	-----

83 9. KEWANGAN 127

9.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	128
--	-----



Visi

Untuk Menjadi Sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang Ternama di Peringkat Antarabangsa dalam Penyelidikan, Inovasi, Penerbitan dan Pengajaran.

Misi

Untuk Memajukan Ilmu Pengetahuan dan Pembelajaran Melalui Penyelidikan dan Pendidikan Berkualiti Untuk Negara dan Kemanusiaan.

Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikir Terbuka
- Kebertanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber terancang untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaian matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan sendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkomunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikir terbuka, kebertanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.





Canselor



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah



Pro-Canselor

▶ Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri
Hajjah Dr. Aishah Ong



◀ Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri
Siti Norma Binti Yaakob

▶ Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri
DlRaja Ramli Ngah Talib



Lembaga Pengarah Universiti



PENGERUSI
YBhg. Tan Sri Dato' Sri Profesor
Dr. Zakri Abdul Hamid



NAIB CANSOLOR
YBhg. Tan Sri Profesor Dr.
Mohd Amin Jalaludin

**DUA ORANG
PEGAWAI
DARIPADA
PERKHIDMATAN
AWAM**



◀ YBrs. Dr. Ahmad Nazri
Sulaiman
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Perancangan
Penyelidikan dan
Penyelarasan Dasar
Kementerian Pendidikan
Malaysia



◀ YBrs. Dr. Sivabalasingam A/L Veerasingam
Ketua Seksyen Ekonometrik, Bahagian
Ekonomi dan Fiskal
Kementerian Kewangan Malaysia



**SEORANG YANG MEWAKILI
MASYARAKAT DI TEMPAT
TERLETAKNYA UNIVERSITI ITU**
YBhg. Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin
Zainal Azim



**SEORANG PROFESOR UNIVERSITI
YANG DIPILIH OLEH SENAT DARIPADA
KALANGAN AHLI YANG DISEBUT DALAM
PERENGGAN 17(D)**
YBhg. Profesor Datuk Dr. Norma Mansor

**LIMA ORANG YANG TERDIRI DARIPADA
TIGA ORANG DARIPADA SEKTOR SWASTA,
SEORANG DARIPADA ALUMNI UNIVERSITI
DAN SEORANG LAGI DARI DALAM ATAU
LUAR UNIVERSITI YANG PADA PENDAPAT
MENTERI, MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN
PENGALAMAN YANG BOLEH MEMBANTU
LEMBAGA**



◀ Encik Hoe Kah Soon



◀ YBhg. Dato' Dr.
R. Thillainathan



◀ YBhg. Tan Sri Dr.
Lim Wee Chai



◀ YBhg. Datuk Seri
Panglima
Mohd. Annuar bin Zaini



◀ YBrs. Ar. Saifuddin bin
Ahmad



SETIAUSAHA
Encik Yusoff bin Musa



Pengurusan Universiti



NAIB CANSOLOR
YBhg. Tan Sri Profesor Dr. Mohd Amin Jalaludin



◀
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(AKADEMIK &
ANTARABANGSA)
Profesor Dr.
Awang Bulgiba
Awang Mahmud



◀
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR &
ALUMNI)
YBhg. Datuk Profesor Dr.
Rohana Yusof



◀
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PENYELIDIKAN &
INOVASI)
Profesor Dr.
Noorsaadah
Abd. Rahman



◀
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR
(PEMBANGUNAN)
Profesor Dr.
Faisal Rafiq
Mahamd Adikan



◀
PENDAFTAR
Encik Yusoff Musa



◀
BENDAHARI
Puan Haliza Harun



◀
KETUA PUSTAKAWAN
Dr. Nor Edzan Haji
Che Nasir



◀
PENGARAH,
PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI MALAYA
YM Profesor Dr. Tunku
Kamarul Zaman
Tunku Zainol Abidin

Penolong-Penolong Naib Canselor

Profesor Dr. Kamila Ghazali
PENOLONG NAIB CANSOLOR (AKADEMIK)

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim
PENOLONG NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN)

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
PENOLONG NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)

Pegawai Utama Akademik

DEKAN FAKULTI / INSTITUT

Profesor Madya Dr. Yahaya Ahmad
Fakulti Alam Bina

Profesor Dr. Stefanie Shamila Pillai
Fakulti Bahasa dan Linguistik

Profesor Dr. Noor Azina Ismail
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran

Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman
Fakulti Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Mariani Md. Nor
Fakulti Pendidikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Zainal Ariff Abdul Rahman
Fakulti Pergigian

Profesor Dr. Che Ruhana Isa
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman
Fakulti Perubatan

Profesor Dr. Zanariah Abdullah
Fakulti Sains

Profesor Dr. Abdullah Gani
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Hanafi Hussin
Fakulti Sastera & Sains Sosial

Profesor Madya Dr. Johan Samsuddin Sabaruddin
Fakulti Undang-Undang

Profesor Dr. Abrizah Abdullah
Institut Pengajian Siswazah

PENGARAH PUSAT

Profesor Madya Dr. Mohd. Nasir Hashim
Pusat Kebudayaan

Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed
Pusat Sukan

Profesor Madya Dr. Roslinda Ithnin
Pusat Asasi Sains

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mansor Md. Isa
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya

PENGARAH INSTITUT

Profesor Dr. Chua Yan Piaw
Institut Kepimpinan Pendidikan

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim
Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan

Profesor Dr. Azirah Hashim
Institut Asia-Eropah

Dr. Kamaruzzaman Noordin (Pemangku)
Institut Antarabangsa Polisi Awam & Pengurusan

PENGARAH AKADEMI

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff
Akademi Pengajian Islam

Profesor Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid
Akademi Pengajian Melayu



Pegawai Utama Bukan Akademik

PENGARAH

Dr. Evelyn Khor
Pejabat Hubungan Antarabangsa & Korporat

Supt. Fauzilan Abdul Aziz
Pejabat Keselamatan

Puan Zarina Zainol Abidin
Pusat Pelajar Antarabangsa

Profesor Dr. Suzeini Abd. Halim
Pusat Pengurusan & Penambahbaikan Kualiti

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
Pusat Inovasi & Pengkomersilan Universiti Malaya

Dr. David Asirvatham
Pusat Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken
Pusat Perancangan & Strategi Global

Encik Adam Wong Abdullah
Jabatan Penerbitan

Encik John Robertson
Pusat Peningkatan Institusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Azarae Haji Idris (Malaysia)
Encik Chen Zhong (China)
Institut Kong Zi

Ir. Hashbullishman Hashim (Pemangku)
Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda

Profesor Dr. Fauza Abdul Ghaffar
Pusat Pembangunan Akademik

Profesor Dr. Mohd. Ali Hashim
Penyelidikan Berimpak Tinggi

Profesor Dr. Noorzulaani Khalid
Pusat Komuniti & Kelestarian

Profesor Dr. Suhaiza Hanim Dato' Mohamad Zailani
Pusat Keusahawanan Universiti Malaya

KETUA

Puan Salwati Mohd. Aris (Pemangku)
Unit Perundangan

Encik Jalani Hassan
Seksyen Audit Dalaman & Integriti

Profesor Madya Dr. Siti Nurani Mohd. Noor
Pusat Pencetus Bakat & Latihan Industri

Puan Siti Salwa Md. Padzil
Bahagian Pentadbiran Pendaftar

Puan Rosmawati Mohd. Ali
Bahagian Latihan & Pembangunan Staf

Profesor Madya Dr. Zurainee Mohamed Nor
Student Empowerment and Research Unit

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN

Encik Mahamad Apanidi Khalib
Bahagian Sumber Manusia

TIMBALAN PENDAFTAR

Puan Robaayah Mohd Ghazali
Bahagian Sumber Manusia

Puan Zarina Zainol Abidin
Bahagian Akademik

Encik Yusof Harun
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Encik Puniamurthy A/L Krishnasamy
Pejabat Keselamatan & Kesihatan

KURATOR

Puan Hazlin Anita Zainal Abidin
Galeri Universiti Malaya

Puan Zahirah Noor Zainol Abidin
Muzium Seni Asia

SELAYANG PANDANG





Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 dari gabungan dua institusi iaitu *King Edward VII College of Medicine* (1905) dan *Raffles College* (1928).

Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1959. Dalam usaha memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara langsung mengiktiraf serta mengangkat martabat UM di Kuala Lumpur dari status cawangan kepada universiti kebangsaan.

UM secara rasminya bertapak kukuh sebagai universiti kebangsaan untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awal dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipat gandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, UM disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), 2 akademi, 12 fakulti, 4 institut dan 3 pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu UM telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaru dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan tertubuhnya pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha UM menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Bersandarkan kepada slogan “Peneraju dalam Penyelidikan dan Inovasi”, UM telah berjaya melahirkan lebih daripada 189,000 modal insan di negara ini. Pada 26 Januari 2012, UM telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Pada keseluruhannya, tahun 2016 merupakan satu lagi tahun kejayaan untuk Universiti Malaya. Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, UM terus memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia akademik. UM berada pada kedudukan ke-133 di dunia bagi QS *World University Ranking 2016/17* dan di tangga ke-27 bagi QS *Asian University Rankings 2016*. Di samping kejayaan tadi, staf UM juga telah menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah sepanjang tahun 2016 sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa. Penerima anugerah *UNESCO-Hamdani Bin Rashid Al Maktoum Prize for Outstanding Practice and Performance in Enhancing the Effectiveness of Teachers*; Penerima anugerah *International Day of Medical Physics (IDMP) Award* daripada *International Organization for Medical Physics (IOMP)*; Penerima anugerah *Outstanding ASEAN Women Award – 2016* daripada *National Council of Women of Thailand*; Penerima *Regional Distinguished Achievement Award for Petroleum Engineering* daripada *Society of Petroleum Engineers*. Di samping itu, kejayaan Fakulti Kejuruteraan menjalankan kerjasama dengan lima industri diharap akan memberi semangat kepada yang lain untuk membuat perkara yang sama. Kolaborasi penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan ini mensasarkan pendapatan dengan nilai sebanyak RM230 juta dalam tempoh lima tahun melalui produk yang akan dikomersilkan.

Sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan, Geran *High Impact Research (HIR)* telah diwujudkan pada Februari 2010 dan telah diperuntukkan sejumlah RM10 juta dana dalaman UM bagi menggalakkan penyelidikan fundamental yang mensasarkan penerbitan Tier 1 ISI/WoS. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta untuk Program UM-MoHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga Jun 2016.

Jawatankuasa HIR telah dibentuk bagi memastikan pelaksanaan HIR mencapai sasarannya pada tahun 2016 dan dibantu oleh beberapa saintis ulung yang dilantik bagi menganggotai Majlis Penasihat HIR. Ahli-ahli Majlis akan menasihati universiti dalam perkara yang berkaitan dengan bidang keutamaan penyelidikan berimpak tinggi termasuk menjalankan penyelidikan bersama di antara UM dan institusi mereka.

Sehingga kini, UM telah melantik empat Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka terdiri daripada Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Fisiologi atau Perubatan), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Fisiologi atau Perubatan), Felo Nobel Sir Dr. Richard Roberts (Fisiologi atau Perubatan), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperoleh akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya *Washington Accord, Institution of Chemical Engineers UK, Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects (RIBA), The Association of Chartered Certified Accountants, The Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practising Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England UK, Institute of Physics & Engineering in Medicine UK, Association of MBA, UK* dan banyak lagi. Di atas kejayaan UM dalam pengurusan penyelidikan, proses audit Malaysian Research Assessment Instrument II (MyRA II), Kementerian Pendidikan ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan UM sebagai '*the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks*' pada 1 Disember 2013. Satu lagi pengiktirafan UM di peringkat antarabangsa terbukti apabila telah menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi di negara ini yang mendapat penarafan 5 bintang oleh QS *Stars Ratings* pada 8 Mei 2014.

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan terkemuka di Malaysia, UM telah bersedia untuk menjadi pemain utama global dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Untuk beberapa tahun kebelakangan ini, UM ini telah menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berkualiti tinggi melalui dana penyelidikan yang diperolehi dari pelbagai sumber, termasuk pihak kerajaan dan swasta. Sepanjang tahun 2016 sahaja sebanyak RM81 juta geran penyelidikan baru dan aktif telah diterima. Bagi memenuhi aspirasi negara seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 tinggi, UM berazam dan komited untuk berada di kalangan *World Top 100 Universities*.

1. NAIB CANSELOR





1.1. LAPORAN NAIB CANSELOR

Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr.
Mohd Amin Jalaludin

Meskipun pada tahun 2016, Universiti Malaya berhadapan dengan **cabaran kewangan** apabila menerima potongan peruntukan tertinggi dari kalangan semua Universiti Awam, kita **terus melaksanakan agenda Universiti** menggunakan peruntukan yang diberikan dan juga sumber dalaman sendiri.

Alhamdulillah, pada tahun lalu Universiti Malaya berjaya meningkatkan kedudukannya dalam ranking dunia iaitu di tangga 133 daripada tangga 146 pada tahun sebelumnya. Di peringkat Asia pula kita meningkat ke tangga ke 27 pada tahun ini. Manakala berdasarkan subjek secara keseluruhannya kedudukan kita telah bertambah baik berbanding pencapaian tahun 2015 di mana *Development Studies* tersenarai di kedudukan ke 30 dunia dan *Engineering - Electrical and Electronic* pula berada di tangga ke 37 dunia.

1.1.1. Pelan Strategik Universiti Malaya 2016-2020

Bagi memastikan halatuju Universiti Malaya yang lebih berfokus ke arah kecemerlangan

di peringkat global dan menjadi peneraju pendidikan tinggi di peringkat lokal, Pelan Strategik Universiti Malaya 2016-2020 telah digubal. Ia mensasarkan Universiti Malaya 'Untuk menjadi sebuah universiti pilihan dan berpengaruh di peringkat global'. Melalui pelan yang baharu ini, beberapa sasaran utama telah diletakkan sebagai penanda aras bagi mengukur kejayaan pelaksanaannya menjelang tahun 2020:

1. Top 100 QS *World University Rankings*
2. Top 200 *Times Higher Education World University Rankings*
3. Top 250 *Academic Ranking of World Universities*
4. Top 20 QS *Asia University Rankings*
5. Top 50 bagi 5 subjek dalam QS *World University Rankings by Subject*



6. Top 100 dalam QS *Graduate Employability Rankings*
7. '5 stars plus' QS Stars Ratings
8. Top 50 UI *Green Metric Ranking*
9. Top 250 *Webometric World Ranking*
10. Nombor 1 penarafan MyRA, MyMOHES dan *Webometric*
11. Menjana 30% perbelanjaan operasi
12. Meningkatkan endowmen kepada RM6 bilion

1.1.2. Kebajikan Mahasiswa

Melunaskan tanggungjawab melahirkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing terus menjadi keutamaan Universiti Malaya. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) terus menjadi pemudah cara kepada mahasiswa dalam membantu mereka menjalani kehidupan di kampus. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh (HEPA) demi memastikan kebajikan mahasiswa terus terpelihara. Melalui agihan zakat, tabung kebajikan pelajar, bantuan biasiswa dan pinjaman, mahasiswa yang kurang berkemampuan terus dibantu.

Usaha meningkatkan prasarana untuk penyelesaian mahasiswa terus dijadikan agenda utama. Penubuhan konsortium Kolej-kolej Kediaman yang merupakan satu elemen keseragaman dan kebersamaan adalah bagi menyokong dan membantu usaha meningkatkan kualiti prasarana yang diberikan kepada pelajar. Melalui konsortium ini projek menaiktaraf kolej kediaman akan lebih mudah dan teratur untuk dilaksanakan.

1.1.3. Pencapaian Mahasiswa

Pengukuran mahasiswa yang hebat bukan setakat dari segi akademik sahaja malahan ia merangkumi sahsiah dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti luar Dewan Kuliah. Pada tahun 2016 sebanyak 1200 aktiviti telah dijalankan oleh mahasiswa Universiti Malaya. Pelbagai pencapaian yang membanggakan diraih di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara Anugerah Pemimpin Program Kesukarelawan Terbaik 2016 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Misi Bantuan Kemanusiaan Antarabangsa Kemboja dan *Volunteer Explorace*. Pelajar kita juga telah menjadi juara bagi pertandingan *Hachioji City 23 Universities Japanese Speech Contest for Foreign Student* serta johan dalam *ICRC International Humanitarian Law Mooting Competition 2016*.

Kejayaan Mahasiswa UM dari Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah yang telah mengharumkan nama Universiti dan mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBR) melalui Program Larian Gear UM 2016 sangat membanggakan kita. Program ini amat unik kerana telah merekodkan jumlah penyertaan teramai di mana seramai 1,319 orang peserta memakai kain batik dan kain

pelikat di sepanjang larian berkenaan. Kreativiti mahasiswa yang mencetuskan idea ini amat dipuji kerana pada masa yang sama mereka meletakkan budaya berkain pelikat sebagai tarikan umum.

Kegigihan dan kejayaan mahasiswa meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat ini sangat membanggakan kita. Diharapkan penglibatan dalam aktiviti dan meraih pelbagai kejayaan akhirnya dapat membiasakan diri mereka untuk menyumbang kepada Negara dan Bangsa apabila mereka menempuh alam kerjaya nanti. Banyak aktiviti mahasiswa boleh dilaksanakan bagi menyemarakkan dan memeriahkan kampus terutamanya di hujung minggu. Pada tahun 2016, Sukan Mahasiswa Universiti Malaya (SUKMUM) telah memperkenalkan jadual perlawanan baharu yang telah dipinda daripada hari biasa pada tahun-tahun sebelum ini kepada hujung minggu bagi membolehkan lebih ramai pelajar melibatkan diri dalam acara yang dipertandingkan.

1.1.4. Projek Penyelidikan

Warga kampus selalu diingatkan agar tidak hidup dalam kelompok mereka sahaja sebaliknya perlu keluar bagi melihat realiti kehidupan di luar sana. Usaha mendampingi masyarakat adalah selaras dengan hasrat UM untuk menjadikan penyelidikan di Universiti sebagai wadah bagi membangun dan memberi penyelesaian isu setempat demi kelestarian negara dan bangsa. Menyedari pentingnya memasyarakatkan Universiti, sebanyak 46 projek penyelidikan yang dijalankan oleh warga Universiti telah melibatkan masyarakat setempat. Antaranya, projek "*Training for Health Worker In Addiction Rehabilitation Program In Darul Makmur Medical Center (DMMC)*". Objektif program ini adalah untuk mengadakan satu program latihan klinikal dalam bidang perawatan penagihan menggunakan pendekatan perubatan dan psikososial. Projek ini telah memberi impak yang besar kepada komuniti sehingga tertubuhnya Pusat Rawatan Penagihan di Kuantan yang berjaya mengurangkan masalah penagihan di kalangan penagih baru dan penagih berulang.

Bagi mendokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mencapai sasaran 60% enrolmen dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau singkatannya STEM pula, Universiti Malaya telah melaksanakan *Knowledge Transfer Program* (KTP). Salah satunya adalah *Program Early Engineering: Training of Trainers* (TOT) Untuk Guru STEM Sekolah Rendah" yang telah dijalankan oleh Fakulti Pendidikan. Ia adalah untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru STEM di peringkat sekolah rendah di samping berkongsi kepakaran dan ilmu pengetahuan hasil penyelidikan universiti dengan pendidik

bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sains di sekolah. Program ini diharap dapat meningkatkan pencapaian dan minat pelajar terhadap matapelajaran Sains melalui pendekatan baharu dalam pembelajaran sekaligus mempertingkatkan kemahiran guru.

Diharapkan lebih ramai ahli akademik yang tampil menjalin kerjasama dengan sekolah-sekolah khususnya yang berdekatan dengan UM untuk membawa masuk pelajar ke dewan kuliah dan makmal. Ia bagi memberi pendedahan kepada mereka mengenai dunia pendidikan tinggi serta menimbulkan minat mereka untuk mempelajari subjek berkaitan STEM. Sumbangan sebegini bukan sahaja membawa manfaat kepada diri warga UM sendiri dan Universiti tetapi yang lebih penting kepada komuniti dan Negara.

1.1.5. UM Medical Centre

Sebagai Hospital Pengajar pertama di Malaysia, *UM Medical Centre* atau dulunya dikenali sebagai PPUM sentiasa komited untuk berada pada landasan yang tepat memacu kecemerlangan untuk terus kekal sebagai Peneraju Pengajaran Perubatan. Walaupun tiada pembangunan fizikal yang ketara pada tahun 2016, pencapaian dari sudut peningkatannya perkhidmatan di *UM Medical Centre* sentiasa menjadi keutamaan dan berterusan bagi menjamin keselesaan serta kepuasan pelanggan.

Pada 27 Oktober 2016, Unit Perkhidmatan Makmal Diagnostik *UM Medical Centre* secara rasminya menjadi makmal pertama seumpamanya yang memiliki Sistem Trek Automasi terpanjang di Malaysia. Dengan adanya sistem ini, tempoh proses pengasingan sampel ujian makmal menjadi lebih singkat dan mampu meningkatkan ketepatan hasil ujian akibat ralat manusia. Pada masa yang sama mempertingkatkan kecekapan pembuangan sisa ujian makmal.

UM Medical Center pada 9 Oktober 2016 juga diiktiraf sebagai pusat perubatan pertama di Malaysia yang menawarkan prosedur rawatan *Radiotherapy Intra-Operative* untuk barah payudara peringkat awal. *UM Medical Centre* merupakan antara sebilangan kecil hospital di Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan ini. Kecanggihan teknologi ini membolehkan Pakar Onkologi Klinikal dan Pakar Fizik Perubatan menilai saiz sel barah untuk menentukan tahap sinaran radiasi yang tepat dan bersesuaian. Ia dapat mengurangkan kadar radiasi berbahaya kepada pesakit, selain mengurangkan tempoh masa rawatan kepada penghidap barah payudara. Rawatan ini merupakan satu alternatif terbaik dan diharapkan lebih ramai golongan wanita tampil membuat pengesanan dan rawatan awal barah payudara, secara tidak langsung meningkatkan kualiti hidup.

Sebagai pelengkap kepada proses pemulihan pesakit, Jabatan Perubatan Pemulihan *UM Medical Center* pula menawarkan rawatan pemulihan intensif yang komprehensif dan terkini kepada pesakit yang mengalami kecederaan pada mana-mana bahagian anggota badan. Dengan kekuatan seramai lebih 200 orang jurupuluh perubatan anggota dan jurupuluh perubatan carakera, *UM Medical Centre* merupakan hospital pengajaran pertama di Malaysia dengan jurupuluh perubatan paling ramai dan menawarkan rawatan serta peralatan pemulihan paling intensif. Fasilitas dan persekitaran kondusif ini menjadi kekuatan kepada Jabatan Perubatan Pemulihan dan ia perlu diketengahkan serta disebarluaskan kepada masyarakat di luar sana supaya manfaat dapat diperolehi oleh masyarakat dengan lebih menyeluruh.

Pada tahun 2014 Universiti Malaya telah membelanjakan sebanyak RM8.9 juta untuk kos perubatan staf dan jumlah ini meningkat kepada RM9.0 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini adalah sesuatu yang perlu dipandang serius. Bagi membantu warga Universiti mengenalpasti tahap kesihatan mereka dari awal dan pada masa yang sama membuat pengesanan penyakit, *Wellness Programme* telah diperkenalkan sejak tahun 2008. Program ini membantu staf menjalani gaya hidup yang lebih sihat dan mengurangkan kebergantungan kepada ubat-ubatan. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi menggalakkan warga Universiti mengamalkan gaya hidup sihat dan menggunakan *Wellness Programme* sebagai platform untuk mendapatkan rawatan lebih awal.

Sebagai menghargai jasa dan bakti yang diberikan oleh warga Universiti Malaya, pada tahun 2016 pihak pengurusan *UM Medical Center* telah menyediakan wad khas untuk warga UM. Diharapkan kemudahan sebegini membolehkan staf Universiti mendapatkan rawatan yang terbaik daripada pakar-pakar perubatan kita.

1.1.6. Penubuhan *Institute Academic Advancement*

Bagi memastikan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran menjadi keutamaan, Universiti melalui portfolio TNC (A & A) telah dan sedang melaksanakan pelbagai agenda antaranya memperkukuh entiti akademik melalui penubuhan *Institute Academic Advancement* yang tidak hanya memperkasakan program-program akademik tetapi juga mempersiapkan ahli akademik dengan latihan yang bersesuaian supaya penyampaian ilmu kepada mahasiswa mencapai piawaian yang ditentukan.

Universiti Malaya sedang melihat peluang mengadakan lebih banyak kolaborasi dengan beberapa Universiti luar negara seperti *Guangxi University of Foreign Languages* dan *Guangxi University of Nationalities* daripada China untuk



mengadakan promosi program akademik bagi mendapatkan lebih ramai pelajar ke Universiti Malaya. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan bersama Kedutaan Kazakhstan untuk mendapatkan pelajar berpotensi dari negara berkenaan. Ini adalah antara usaha kita bagi mencapai kriteria pengantarabangsa yang diperlukan untuk penarafan.

1.1.7. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Bagi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 3, Universiti Malaya terus komited menyediakan akses kepada masyarakat bagi mendapatkan peluang pendidikan sepanjang hayat melalui *University of Malaya Centre for Continuing Education (UMCCed)*. Alhamdulillah pada tahun 2016 sebanyak 6 program yang ditawarkan oleh UMCCed telah mendapat Akreditasi Penuh dari MQA dan Pengiktirafan Kelayakan daripada KPT.

Berdasarkan pencapaian dan kejayaan yang memberangsangkan, UMCCed telah bermurah hati menyumbang sebanyak RM5 juta kepada Tabung Penyelidikan Naib Canselor yang akan dimanfaatkan sepenuhnya. UMCCed akan terus menjadi sumber dana kepada Universiti Malaya selain daripada entiti lain di UM seperti *UM Specialist Centre (UMSC)*, *UM Holdings* dan Unit Perundangan Universiti Malaya (*UPUM*).

1.1.8. Projek Penyelidikan Berimpak Tinggi

Projek Penyelidikan Berimpak Tinggi atau *High Impact Research (HIR)* yang dimulakan pada tahun 2011 dengan pembiayaan kerajaan telah pun sempurna kitaran pertama pada Jun 2016 yang lalu. Projek ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan antaranya, 3,623 atau 106.6% penerbitan dalam *Tier-1* telah berjaya dihasilkan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 3,400 penerbitan.

Melalui HIR seramai 4,503 orang termasuklah Pembantu Penyelidik, *Post-Doc* dan Penyelidik Kanan dari dalam dan luar negara telah dilatih. 1,200 orang merupakan pelajar pasca ijazah secara sepenuh masa di mana dari jumlah berkenaan seramai 612 orang telah berjaya menamatkan pengajian.

Hasil projek penyelidikan HIR sebanyak 297 IPR telah difailkan. Daripada jumlah tersebut, 42 adalah paten yang telah diluluskan (*granted*), 199 adalah paten dalam bentuk fail (*Patent Filed*) dan selebihnya dalam bentuk *Utility Innovation*, *Trademark*, *Copyright & Industrial Design*.

Projek penyelidikan HIR bercirikan inovasi sosial yang dijalankan oleh warga UM, telah digunakan oleh *United Nations Conference for Trade and Development*, dan *United*

Nations Development Programme dalam agenda mereka membangunkan ekonomi serta membentuk polisi untuk negara-negara membangun termasuk membentuk dasar-dasar perindustrian mereka. Universiti mensasarkan lebih banyak inovasi sosial dapat dihasilkan daripada penyelidikan untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Sesungguhnya projek HIR telah menyumbang kepada model *quadruple helix* dan memberikan impak yang signifikan dan positif kepada masyarakat dari pelbagai sudut kehidupan. Secara tidak langsung, ianya dapat memberi nilai tambah kepada perkembangan inovasi sosial bagi masyarakat Malaysia.

1.1.9. Output Penyelidikan

Beberapa output penyelidikan yang inovatif, berimpak tinggi telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. Projek *Green House* merupakan satu projek penyelidikan berasaskan *community engagement* di mana melalui penyelidikan yang dijalankan ia berjaya menghasilkan rumah kos rendah yang menggunakan teknologi hijau dengan kos tidak sampai pun RM20,000.00. Projek ini menggunakan sisa industri termasuklah *palm oil fuel ash*, *rice husk ash* dan *coal bottom ash* yang menggantikan bahan binaan konkrit. Prototaip projek ini telah berjaya dibina melalui kolaborasi Fakulti Kejuruteraan dengan syarikat pembinaan Perancis, *Vinci Construction*. Projek sebegini sudah pasti memberi alternatif kepada golongan yang memerlukan kediaman tetapi mempunyai sumber pembiayaan yang terhad.

Kredibiliti Universiti Malaya dalam penyelidikan terus menerima kepercayaan pihak industri apabila pelbagai industri tempatan dan antarabangsa tampil menjalin kolaborasi dengan UM. Salah satunya adalah kerjasama UM dan OSRAM *Opto Semiconductors (M) Sdn Bhd* melalui penyelidikan fundamental *High Impact Research* yang kemudiannya telah mencetuskan idea kerjasama pasukan *nobel laureate* daripada *University of California Santa Barbara* dan pihak CREST. Projek dengan pembiayaan geran LRGS RM3.5 juta ini telah menarik perhatian OSRAM untuk terlibat dalam 4 projek LED termaju yang secara keseluruhannya membawa pulangan dalam bentuk penghasilan modal insan dengan menghasilkan graduan sarjana dan PhD yang kemudiannya diserap untuk bekerja dengan pihak OSRAM. Melalui projek ini pihak *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)* juga telah mendapatkan pembiayaan kerajaan sebanyak 3 juta untuk pembelian peralatan dan peningkatan kemudahan di makmal *Low Dimensional Materials Research Centre (LDMRC)*.

Pada tahun 2016 Fakulti Alam Bina, UM telah dipilih oleh *ASEAN University Network*, untuk menjadi urusetia bagi *ASEAN Disability*

and Inclusive Policy Thematic Network. Melalui jaringan ini, *Nippon Foundation* telah memperuntukkan sebanyak RM4.8 juta bagi tempoh 5 tahun untuk Universiti menawarkan biasiswa kepada mahasiswa OKU yang terpilih. Pada tahun 2016 seramai 5 orang mahasiswa OKU yang mengikuti pengajian di INPUMA telah menerima biasiswa dan menamatkan pengajian. Manakala 3 orang lagi sedang dalam pengajian. Selain biasiswa, sumbangan *Nippon Foundation* ini juga akan digunakan bagi menjalankan penyelidikan yang bertajuk *Making People with Disabilities (PWDs) in Agricultural Development: Best Practices of ASEAN Countries*. Penyelidikan ini melibatkan dua orang staf OKU UM bersama penyelidik daripada enam Universiti ASEAN lain yang menganggotai *ASEAN University Network (AUN)*. Diharapkan banyak manfaat akan diperolehi khususnya oleh golongan ini di masa akan datang.

Satu lagi kejayaan Universiti Malaya telah tercipta melalui kolaborasi yang dijalinan oleh Fakulti Kejuruteraan dengan lima industri terkemuka. Makmal industri yang pertama di Malaysia ini dinamakan *engineering@UM Industrial Innovation Centre (eUM-IIC)*. Kolaborasi penyelidikan ini adalah bagi menghasilkan produk boleh dikomersilkan dengan nilai yang dianggarkan RM400 juta untuk tempoh lima tahun akan datang. Ia melibatkan penghasilan produk bernilai tinggi, paten dan *intellectual property* dengan menggunakan kemudahan peralatan makmal yang bernilai RM230 juta. Universiti Malaya merakamkan penghargaan kepada lima industri tersebut iaitu Daikin Malaysia Sdn. Bhd, Ossur, Rohde & Schwarz Malaysia Sdn. Bhd., Motorola Solution Malaysia dan Proton Holdings Berhad.

Peningkatan bilangan produk dihasilkan dan dikomersilkan melalui *UM-Spin Off Company* telah memberi petunjuk bahawa UM mampu menambah aset negara dengan produk dihasilkan dan pada masa yang sama menyumbang kepada kelestarian kewangan Universiti. Syarikat milik UM iaitu Flexilicate Sdn. Bhd. yang pernah memenangi *Rice Bowl Award* sebagai *The University Start-up of The Year* kerana telah berjaya memasarkan produk penyelidikan mereka pada tahun lalu dengan keuntungan mencecah RM100,000.00. Walaupun nampak kecil tetapi jumlah ini sangat memberangsangkan bagi sebuah syarikat yang baharu ditubuhkan. Pada tahun lalu juga, Flexilicate berjaya menerima geran Newton-Ungku Omar bagi tujuan pembangunan cip denggi.

Syarikat Zectron Sdn. Bhd. pula mencatatkan hasil jualan berjumlah RM849,000 pada tahun lalu apabila sekumpulan penyelidik daripada *Centre of Advanced Manufacturing and Material Processing (AMMP CENTRE)* berjaya menghasilkan produk yang direka

khas untuk mensimulasi perubahan suhu persekitaraan terhadap sesuatu sampel. Produk yang dinamakan *Automatic Thermocyclic Dipping Machine (ATDM)* ini dibangunkan dengan menggunakan sepenuhnya kepakaran kejuruteraan dengan mengambilkira pelbagai aspek termasuk kos, masa, keboleh upayaan proses pembuatan, pasaran komponen, ergonomi dan keboleh upayaan pemasangan. Ia dijual pada harga RM100,000 hingga RM292,000.00 mengikut jenis dan keperluan pelanggan.

1.1.10. Peranan Perpustakaan

Dalam menyuburkan penyelidikan dan pengajaran di Universiti, Perpustakaan tetap memainkan peranannya melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sumber maklumat yang terkini. Walaupun dalam era masa kini, pelbagai maklumat begitu mudah diakses di hujung jari, peranan Perpustakaan tetap relevan. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk membolehkan warga UM mendapat akses kepada sumber maklumat yang diperlukan. Bersempena dengan penubuhan 111 tahun UM, Perpustakaan telah berjaya mewujudkan lagi satu mercu tanda bagi UM dengan pelancaran Arkib UM pada 1 Jun 2016. Arkib UM ini adalah repositori bagi kesemua hasil karya warga UM serta dokumen dan artifak mengenai UM. Semua warga kampus boleh mengambil manfaat sepenuhnya dari kewujudan Arkib UM untuk lebih mendalam kisah di sebalik Universiti dan warganya ini. Walaupun di era dunia tanpa sempadan hari ini di mana semua maklumat mudah dicapai di hujung jari, perpustakaan terus menjadi destinasi kepada pencinta ilmu yang sangat signifikan kepada sesebuah menara gading.

1.1.11. Labyrinth 111 Maze

Universiti Malaya sentiasa mengalu-alukan projek yang memberi manfaat kepada bukan hanya warganya tetapi kepada komuniti luar lebih-lebih lagi berdasarkan konsep *Doing More With Less? Labyrinth 111 Maze* merupakan satu projek kerjasama antara sepasukan penyelidik berkaitan *Neuroscience* dan keupayaan memori daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda. Ia menggunakan kayu dan pintu terpakai. Dengan kepakaran tenaga dalaman UM, maze yang dibina ini boleh dikonfigurasi untuk penyelidik menilai kebolehan memori dan pencerapan ruang. Projek berkos rendah ini kini menjadi antara tarikan unik di Universiti Malaya yang memberi impak dalam penjenamaan dan penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti kampus. *Maze* ini sangat unik, tambahan lagi apabila ianya digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada ramai orang untuk beriadah. Kini *Labyrinth 111 Maze* menjadi satu daya penarik di UM.



1.1.12. Wakaf Pendidikan UM

Pada tahun 2016, Pengurusan Universiti Malaya telah meluluskan penubuhan Wakaf Pendidikan UM atau UM Awqaf dalam usaha mendapatkan dana daripada pihak luar bagi membiayai pelbagai aktiviti melibatkan warga UM. Penubuhan Wakaf Pendidikan UM adalah selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor pada tahun 2015 yang mahu Universiti Malaya diperkasakan melalui pembiayaan wakaf.

Pelbagai aktiviti dan kejayaan yang berjaya direalisasikan pada tahun 2016 tidak lain dan

tidak bukan adalah hasil kerja berpasukan dan kesepakatan warga Universiti Malaya. Tiada satupun agenda yang boleh dicapai sendirian. Semangat kebersamaan dan muafakat menjadikan Universiti Malaya terus berada di persadanya pada hari ini seterusnya menjadikan kita seiring dengan nama institusi terkemuka di dalam dan luar negara.

Pengakhir kata, Pengurusan Universiti Malaya mengiktiraf dan amat menghargai setiap bentuk sumbangan daripada warganya tidak kira grad jawatan dan peranan masing-masing dalam organisasi.

1.2. PENUNJUK KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN

Jadual 1.1. Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan

Perkara	Penunjuk Kecekapan		Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) (%)
	Tahun Sebelum (2015)	Tahun Semasa (2016)	
Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen.	78.9%	76.1%	96.45%
Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal berindeks dan prosiding	J=2,900 CP=209	J=3,756 CP=323	100%
Nisbah sitasi kumulatif oleh universiti	80,832	91,078	100%
Peratus penjanaan pendapatan daripada jumlah perbelanjaan mengurus UA	14.56% (RM101,256,109)	12.06% (RM76,782,014)	86.53%
Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam			
i. Sarjana Muda	122 (0.97%)	83 (0.67%)	100%
ii. Sarjana	372 (4.55%)	95 (1.32%)	100%
iii. PhD	132 (3.4%)	52 (1.48%)	100%
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT)			
i. Sarjana Muda	1341 (42%)	1229 (43%)	100%
ii. Sarjana	750 (44.5%)	812 (46.5%)	100%
iii. PhD	87 (20.4%)	100 (18.9%)	92.6%
Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) di IPTA	14,216 (59.3%)	13,732 (60.3%)	100% namun ia tidak berkaitan untuk UM
Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan QS Global Ranking. Pada kedudukan 200 teratas di QS Global Ranking.	146	133	100%
Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa			
i. Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	3406	2666	78.3%
ii. Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah	2643	2268	85.8%

1.3. LAPORAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) DAN JAMINAN KUALITI AKADEMIK PUSAT PENGURUSAN DAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI (QMEC) 2016

1.3.1 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

1. Audit Kualiti Dalaman UM Bil. 17/2016

- (a) Tempoh Audit: 9 – 20 Mei 2016.
- (b) Audit dijalankan pada semua PTj di kampus induk UM.
- (c) Objektif Audit: Memastikan kepatuhan terhadap keperluan SPK UM berdasarkan MS ISO 9001:2015.
- (d) Kriteria Audit:
 - Keperluan Luaran dan Dalaman.
 - Piawai MS ISO 9001:2015.
 - Dokumen Kualiti SPK UM.
 - Kerangka Kelayakan Malaysia.
 - Akta dan Enakmen.
 - Peraturan dan Pekeliling Kerajaan.
- (e) Skop Audit: 10 Proses Teras.
- (f) Kaedah/Tatacara Audit: Pendekatan Vertikal dan Horizontal berdasarkan persampelan.
- (g) Rancangan Tindakan Pembetulan pada 31 Mei 2016.
- (h) Penekanan diberi terhadap rancangan yang dapat mencegah masalah yang sama berulang.
- (i) Tarikh Penutupan NC pada 10 Jun 2016.
- (j) Wakil Pengurusan, Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud.
- (k) Ketua Auditor, Profesor Madya Dr. Amalina Muhammad Afifi
- (l) Bilangan dan Agihan Auditor 113 orang dari pelbagai PTj.
- (m) Rumusan penemuan audit iaitu Ketakakuran sebanyak 220, Pemerhatian 94 dan 4 Amalan Positif.

2. Audit Pemantauan UM MS ISO 9001:2008 Oleh Sirim QAS International Sdn.Bhd.

- (a) Universiti Malaya telah diaudit oleh pihak ketiga pada setiap tahun dalam MS ISO 9001:2008.
- (b) Audit Pemantauan Universiti Malaya telah dilaksanakan dan diaudit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk tahun 2016 bermula 28 November hingga 2 Disember.
- (c) Fokus audit adalah PT01- Pengajaran dan Pembelajaran, PT02 – Pengurusan Penyelidikan dan proses sokongan.
- (d) Universiti Malaya telah memperolehi empat (4) *Non Conformity* (NC) dan lapan (8) *Opportunities For Improvement* (OFI).

3. Peralihan MS ISO 9001:2008 Kepada MS ISO 9001:2015 dan Pengurusan Risiko UM

- (a) Standard baru MS ISO 9001:2015 telah dikeluarkan oleh SIRIM pada September 2015.
- (b) Tahun 2016, QMEC telah mengambil langkah awal dengan mengadakan Bengkel Penyelarasan Objektif Kualiti Proses Teras Dan Dokumentasi UM Bagi Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 pada 15 Mac 2016 selaras dengan KPI strategik UM (2016-2020).
- (c) Universiti Malaya berhadapan dengan pelbagai risiko. Risiko-risiko ini mempunyai potensi untuk mengganggu pencapaian objektif strategik dan operasi universiti. Universiti bertujuan untuk menggunakan pengurusan risiko untuk membuat keputusan yang lebih baik dan meningkatkan kebarangkalian mencapai objektifnya dalam Sistem Pengurusan Kualiti UM (SPK).
- (d) Beberapa siri perbincangan dengan Pemilik Proses Teras diadakan bertujuan bagi tujuan dokumentasi Daftar Pengurusan Risiko UM:
 - PT01 – Pengajaran dan Pembelajaran: 31 Mac 2016
 - PT02 – Pengurusan Penyelidikan: 5 Ogos 2016



- PT03 – Pengurusan Sumber Manusia: 28 Mac 2016
 - PT04 – Pengurusan Infrastruktur & Harta: 5 April 2016
 - PT05 – Pengurusan Kewangan: 20 April 2016
 - PT06 – Pengurusan Komersialisasi: 5 Ogos 2016
 - PT07 – Pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni: 12 April 2016
 - PT08 – Pengurusan Perpustakaan: 5 April 2016
 - PT09 – Pengurusan Kolej Kediaman: 12 April 2016
 - PT10 – Pengurusan Perkhidmatan Sukan / Kebudayaan: 12 April 2016
- (e) Bengkel dan taklimat berkenaan Pengurusan Risiko UM juga telah diadakan untuk tahun 2016 iaitu:
- Kursus Auditor Dalam (Baru) oleh SIRIM Training Sdn. Bhd.: 28-29 Januari 2016
 - Understanding and Implementing Risk Assessment of ISO 9001:2015 kepada Lead Auditor UM: 3 Februari 2016
 - Understanding and Implementing Risk Assessment of ISO 9001:2015 kepada Auditee PTj Akademik: 4 Februari 2016
 - Understanding and Implementing Risk Assessment of ISO 9001:2015 kepada Auditee Bukan Akademik: 17 Februari 2016
 - Mesyuarat Ketua Pasukan Audit: 8 April 2016
 - Taklimat Pemantapan Proses Audit dan Mesyuarat Auditor Dalam: 14 April 2016
- (f) Implementasi MS ISO 9001:2015 di UM bermula pada Mei 2016 Audit Kualiti Dalam UM Bil.17/2016.

1.3.2 Jaminan Kualiti Akademik

1. Pengakreditasi Program Akademik

- (a) Selaku Universiti berstatus Swaakreditasi, UM mengakreditasi program akademik bukan profesional yang ditawarkannya. Bagi tahun 2016, QMEC telah menerima sebanyak 6 permohonan akreditasi sementara dan 10 permohonan akreditasi penuh.
- (b) Salah satu syarat penganugerahan status swaakreditasi adalah UM dikehendaki menjalankan proses penilaian semula yang komprehensif terhadap program yang telah diakredit dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti program ini dapat dipertingkatkan. Sehubungan itu, UM telah menetapkan bahawa kesemua program sedia ada bukan profesional yang telah diakredit akan melalui proses pengakreditasi semula yang dijalankan sekali setiap lima tahun. Proses pengakreditasi semula dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016 sehinggalah kesemua program sedia ada didaftarkan semula dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQF).

1.3.3. Eksesais Semakan Kurikulum Program-Program Akademik

1. Proses semakan kurikulum dijalankan selaras dengan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UM untuk memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara dan mengikuti perkembangan semasa industri dan pasaran. Setiap program mesti melaksanakan semakan program mengikut tempoh yang ditetapkan.
2. Berikut adalah bilangan program yang telah selesai menjalankan eksesais semakan kurikulum dan telah diluluskan Senat:

Jadual 1.2: Bilangan Program yang telah Selesai Menjalankan Eksesais Semakan Kurikulum

	Asasi	Ijazah Pertama	Ijazah Tinggi
Diluluskan Senat UM	4	92	104
Dijumudkan	1	5	10

1.4. PUSAT PENINGKATAN INSTITUSI / INSTITUTIONAL ADVANCEMENT CENTRE (IAC)

Rasional Pusat Peningkatan Institusi (IAC) ditubuhkan pada Jun 2010 bertujuan menjana kewangan bagi menyokong strategi utama Universiti melalui penjalinan hubungan dan interaksi yang bermakna dalam usaha memupuk sokongan dan penglibatan penyokong-penyokong Universiti Malaya. IAC menguruskan penjalinan hubungan yang berkesan dengan semua penyokong dan juga secara aktif mengalakan hubungan sepanjang hayat dengan Universiti Malaya. IAC juga berusaha untuk:

- Meningkatkan suasana pembelajaran dan menyokong penyelidikan akademik.
- Menyokong rancangan pelan transformasi Universiti Malaya.

1.4.1. Pencapaian 2016

Bagi tahun 2016, jumlah sumbangan dana yang telah diterima oleh IAC adalah sebanyak RM 3,845,524.

Jadual 1.3: Perincian Sumbangan yang Diterima oleh IAC

Bil.	Sumber Pendapatan	Janaan Pendapatan (RM)
1.	Alumni	2,049.00
2.	Yayasan	1,193,476.00
3.	Individu	2,500,000.00
4.	Syarikat	150,000.00
Jumlah Keseluruhan		3,845,525.00

1.5. JABATAN PENERBITAN

Fungsi utama Penerbitan adalah untuk menerbitkan buku karya asli berbentuk ilmiah dan karya penyelidikan yang mencerminkan keserjanaan dan prestasi Universiti Malaya. Jabatan Penerbitan juga diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan percetakan yang profesional kepada warga kampus Universiti Malaya.

Dalam situasi yang mencabar oleh sebab pemotongan bajet kepada Universiti Malaya, Jabatan masih berjaya meneruskan trend prestasi baik yang direkodkan sejak lima tahun kebelakangan. Keuntungan dapat dikekalkan walaupun perolehan keseluruhan menurun sebanyak 10.7%, iaitu dari RM3.33 juta ke RM2.98 juta.

Sebanyak 40 judul diterbitkan pada 2016 dengan 23 judul dalam Bahasa Melayu dan 17 judul dalam Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut 17 judul dihasilkan oleh pengarang atau pengarang bersama dari luar Universiti Malaya. Berikut adalah senarai judul-judul buku yang diterbitkan:

Jadual 1.4: Senarai Judul Buku

Bil.	Judul Buku	Pengarang / Editor	Institusi
1.	Pembelajaran Sains: Meniti Peralihan dari Sekolah Rendah ke Sekolah Menengah	Rohaida Mohd Saat, Faridah Darus, Hidayah Mohd Fadzil	UM
2.	Pengajian Hadis di India dan Pengaruhnya di Malaysia	Faisal Ahmad Shah	UM
3.	Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial: Pengalaman di Lapangan	Haris Abd Wahab, Siti Hajar Abu Bakar Ah (eds)	UM
4.	Perkembangan Profesional secara Elektronik: Reka Bentuk dan Amalan	Rafiza Abdul Razak, Farrah Dina Yusop (eds)	UM
5.	The Art of Reflective Thinking	Adelina Asmawi	UM
6.	The Dynamics of South Korea's Relationship with Asia-Pacific	Norma Mansor, Keum Hyun Kim, Md. Nasrudin Md. Akhir (eds)	UM
7.	Perspektif Bersepadu Sejagat dalam Pendidikan Matematik	Nik Azis Nik Pa	UM



Bil.	Judul Buku	Pengarang / Editor	Institusi
8.	Metodologi Penerimaan dan Penyampaian Hadis	Mohd Azrin Johari	UM
9.	Komuniti Pembelajaran Profesional di Malaysia: Amalan Penambahbaikan Sekolah	Zuraidah Abdullah	UM
10.	Rawatan Sihir: Perspektif Fiqh Al-hadith	Khadher Ahmad	UM
11.	Eccentric Views on Money and Banking	Quah, Chee Heong	UM
12.	Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan	Sivachandralingam Sundara Raja, Noraini Mohamed Hassan, Chong Wu Ling	UM
13.	Panduan Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Makmal	National Research Council of the National Academies Penterjemah: Jawatankuasa Institusi Penjagaan dan Penggunaan Haiwan, Universiti Malaya	UM
14.	Transformasi Pendidikan Nasional – Antara Aspirasi dan Anjakan	Hussein Haji Ahmad, Mohammed Sani Ibrahim (eds)	UM
15.	Amalan Reka Bentuk Taman Sensori Berdaya Akses yang Baik	Hazreena Hussein, Md Nasir Daud	UM
16.	Jati Diri: Pembinaan dan Pemantapan	Zainol Abidin Kasim	UM
17.	Sekilas Bicara Politik Malaysia	Noor Sulastry Yurni Ahmad	UM
18.	Tari Minangkabau Dari Pancak dan Pamenan Ke Tari Persembahan	Indra Utama	UM
19.	Johor Dalam Konteks Ekonomi Global	Khadijah Md Khalid, Shakila Yacob, Fatimah Kari, Sharifah Mariam Mohammed Alhabshi, Suria Baba, Roslinda Ithnin, Sumiani Yusoff	UM
20.	The Significance of Islamic Jerusalem in Islam	Mohd Roslan Mohd Nor	UM
21.	Sejarah Astronomi Islam di Malaysia	Aizan Ali Mat Zin (ed)	UM
22.	Permata Budi: Karya Sumbangsih Sempena Persaraan Professor Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Arba'yah Mohd Noor, Abu Hanifah Haris (eds)	UM
23.	Building Elements Anatomy for Quantity Surveyors	Norhanim Zakaria, Umi Kalsum Zulkifli, Mohamad Shazali Sulaiman	UM dan UNIMAS
24.	Supply Chain Management: Principles, Measurement and Practice	Veera Pandiyan Kaliani Sundram, Atikah Shamsul Bahrin, V G R Chandran Govindaraju	UM dan UTM
25.	Positioning mLearning in Formal Language Learning	Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, Saedah Siraj, Lim Li Yean	UM dan UPSI
26.	Praktis Analisis Wacana	Idris Aman, Kamila Ghazali (eds)	UM dan UKM
27.	The Chettiar Role in Malaysia's Economic History	Ummadevi Suppiah, Sivachandralingam Sundara Raja	UM dan IPG
28.	Effective Medical Writing: The Write Way to Get Published	Wilfred C.G. Peh, Kwan Hoong Ng	UM dan National University of Singapore
29.	Beng Prende Portugues Malaká (Papiá Cristang): Come, Let's Learn Portugues Malaká (Papiá Cristang)	Micheal Gerard Singho, Philomena Agnes Singho, Sara Frederica Santa Maria, Dolores Valerie Pinto, Stefanie Shamila Pillai, Angela Satomi Kajita, Adriana Sufun Phillip	UM dan Profesional

Bil.	Judul Buku	Pengarang / Editor	Institusi
30.	Pedagogical Research Practices in Higher Learning Institutions in Malaysia	Zuwati Hasim, Roger Bernard (eds)	UM dan University Waikato Newzeland
31.	Dinamika Wacana Politik Malaysia dan Global	Mohd Azizuddin Mohd Sani	UUM
32.	Demokrasi dan Kelangsungan Politik Muslim	Mohd Izani Mohd Zain	UPM
33.	Social Accounting Matrices For Policy Analysis Database Construction and Modelling	Mohd Yusof Saari, Muzafar Shah Habibullah	UPM
34.	Pelembutan Daging Menggunakan Melinjau	Faisal Abdurrahman	UKM
35.	Innovative Assessment in the Mathematics Classroom	Noraini Idris, Saras Krishnan	UPSI dan INTI
36.	Penyelidikan Pendekatan dan Cabaran	Qasim Ahmad	UITM
37.	Tunku An Odyssey of a Life Well-Lived and Well-Loved	Kobkua Suwannathat Pian	UPSI
38.	A Tropically Adapted Green and Energy-Efficient Building: How to Create Your Own Triple Green Sustainable House	Karl Wagner	UnikL
39.	The Contest for North Sumatra: Aceh, the Netherlands and Britain 1858-1898	Anthony Reid	Australia National University
40.	Blurring Boundaries: The Chindian Identity Quest	Rona Chandran	Profesional

Dalam masa yang sama, sejumlah 97 buku berbentuk *ebook* telah dimuat naik untuk jualan dalam projek *ebook* sejak dilancarkan pada tahun 2003. Inisiatif ini akan diteruskan lagi dalam usaha memperkembangkan perniagaan *ebook* melalui pasaran digital baru seperti Amazon.com.


Pencapaian Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2016 diserlahkan lagi apabila tiga judul terbitannya memenangi beberapa anugerah buku berprestij. Buku 'Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan', telah memenangi Anugerah Buku Terbaik MAPIM-KPT 2016 kategori Kemanusiaan dan Sains Sosial; 'Perspektif Bersepadu Sejagat dalam Pendidikan Matematik' memenangi Hadiah Karya Ilmiah Terbaik 2016 (Kategori Sains & Teknologi) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka,

manakala buku 'Perjalanan Politik Khaled Nordin: Sebuah Biografi' pula memenangi Anugerah Buku Negara 2016 bagi kategori Buku Biografi Terbaik.

Aktiviti pemasaran buku terus diberi tumpuan khusus dengan penyertaan dalam 20 pesta dan karnival buku tempatan. Sementara itu, jabatan juga turut menganjurkan beberapa majlis pelancaran di dalam dan di luar kampus, antaranya pelancaran buku 'Effective Medical Writing', 'Latihan Beban', dan 'Beng Prende Portuguese Malaka (Papia Cristang)'.

Kejayaan Penerbit Universiti Malaya juga meliputi usaha mengeratkan hubungan dengan penerbit-penerbit IPTA lain dan organisasi luar kampus dalam industri perbukuan di dalam dan di luar negara.

2. PENDAFTAR





2.1 LAPORAN PENDAFTAR

Encik Yusoff Musa

Tadbir urus yang baik pada dasarnya merangkumi penyertaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Rangka kerja tadbir urus yang berkesan memerlukan penglibatan semua pihak untuk saling melengkapi dan memperkukuh amalan tadbir urus yang baik. Jabatan Pendaftar komited untuk memperkasa kecemerlangan tadbir urus Universiti walaupun dalam persekitaran ekonomi dan kewangan yang mencabar dan tidak menentu.

Justeru Jabatan Pendaftar perlu mengekalkan kemampunan sumber manusia dan juga penyampaian perkhidmatan untuk jangka masa panjang melalui perekaasaan proses, prosedur kerja dan pelaksanaan teknologi maklumat secara menyeluruh. Dalam situasi pertumbuhan yang kurang memberangsangkan ini, Jabatan Pendaftar telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan langkah-langkah penjimatan dalam mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan perbelanjaan dalaman. Penyelarasan semula keutamaan peruntukan kewangan dilakukan dan strategi penjanaan pendapatan disusun agar sejajar dengan strategi universiti berkembang kukuh bertunjangan kedudukan mapan dan berbekalkan sumber yang konsisten.

Perubahan ketara terhadap lanskap pendidikan tinggi nasional telah menguji keupayaan Universiti Awam (UA) khususnya dalam pentadbiran dan pengurusan kewangan. Justeru, pelbagai instrumen kawalan telah dilaksanakan dan diperkenalkan kepada seluruh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan warga kampus sebagai panduan dan pematuhan di dalam menguruskan hal perbelanjaan PTJ. Ini bagi mengelakkan berlakunya lebih perbelanjaan mahupun permohonan untuk peruntukan tambahan di dalam belanja mengurus atau lain-lain peruntukan. Bagi memperkasakan lagi usaha ini, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Jabatan Pendaftar sama ada di dalam bentuk surat pekeliling mahupun arahan pelaksanaan yang boleh digunakan di dalam membantu PTJ mencapai pengurusan kewangan yang mapan. Terdapat enam (6) entiti di bawah Jabatan



Pendaftar iaitu Bahagian Sumber Manusia (BSM), Bahagian Pentadbiran Pendaftar (BPP), Pejabat Keselamatan, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (OSH), Unit Pelan Penggantian (UPP) dan Unit Perkhidmatan Perlindungan Sinaran (UPPS) yang mendokong hasrat Jabatan selaras dengan visi dan misi Universiti.

Usaha menambahbaik sistem oleh BSM telah mendapat pengiktirafan sebagai penerima anugerah bagi kategori Kreativiti dan Inovasi di bawah Projek Surat Jaminan Hospital (GL Online) dalam Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (ACUM) tahun 2016. Selain itu, pelaksanaan Eksesais Audit Naziran Perjawatan yang dijalankan secara berperingkat di semua PTJ di Universiti Malaya (UM) adalah titik tolak ke arah memaksimumkan sumber tenaga manusia. Pada tahun 2016 sebanyak 20 buah PTJ Akademik telah diaudit dan eksesais ini melibatkan seramai 36 orang auditor yang komited dalam melaksanakan audit di PTJ yang berkenaan. *Outcome* audit seumpama ini adalah penting dan kritikal di dalam menyusun dan menyelaraskan sumber manusia mengikut keutamaan dan keperluan.

Bahagian Pentadbiran Pendaftar (BPP) yang juga merupakan urusetia kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah berjaya menganjurkan Seminar Keurusetiaan dan Pengurusan LPU/LGU pada 13 hingga 15 Mei 2016 di Pulau Langkawi yang memfokuskan kepada perkongsian pengetahuan, pendedahan mengenai governan dan pengurusan mesyuarat di peringkat LPU. Seramai 70 orang peserta dari pelbagai UA telah hadir dalam seminar tersebut untuk berkongsi ilmu dan tadbir urus pengurusan mesyuarat LPU di UA yang unik namun perlu diselaraskan mengikut acuan pentadbiran Universiti masing-masing. Bagi perkhidmatan alat tulis, BPP telah melaksanakan dan mengimplementasikan perolehan secara berpusat pembelian kertas A4 berwarna putih. Disamping itu, perolehan secara berpusat sampul surat juga telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penerbitan UM. Usaha-usaha ini adalah salah satu kaedah dalam membantu Universiti untuk mengawal perbelanjaan dalaman.

Tahun 2016 juga mencatatkan pencapaian cemerlang Jabatan Pendaftar kerana Pejabat Keselamatan telah berjaya menurunkan jumlah kes jenayah di dalam kampus sebanyak 12% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Pada tahun 2015, jumlah kes jenayah yang berlaku di dalam kampus adalah berjumlah 111 kes manakala pada tahun 2016, jumlah kes menurun kepada 99 kes sahaja. Penurunan kes jenayah ini adalah mencapai objektif kualiti Pejabat Keselamatan yang mensasarkan pengurangan kes jenayah di dalam kampus sebanyak 5% setahun. Kejayaan ini berjaya dicapai dengan hasil usaha pegawai dan anggota keselamatan yang bertungkus

lumus sepanjang masa dalam memastikan keselamatan warga kampus serta aset Universiti Malaya.

Kerjasama strategik Jabatan Pendaftar dengan pihak luar terus dimeterai dengan penganjuran Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di IPT Peringkat Kebangsaan 2016 pada 11 Ogos 2016, iaitu satu usaha sama OSH dengan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP). Peranan OSH terus signifikan dengan pelaksanaan Pilot Projek Sistem Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Projek ini merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Usaha menambahbaik dan melaksana Pelan Tindakan Kecemasan untuk bencana kebakaran, banjir, penyakit berjangkit dan jerebu terus diperbaiki dengan mengadakan buat pertama kalinya *27 table top drill* untuk bencana kebakaran di samping latihan sebenar. Selain daripada itu, *table top drill* untuk bencana banjir dan jerebu turut diadakan.

Langkah mengoptimumkan sumber terus diperbaiki melalui usaha oleh UPP dengan menjalankan bengkel Pelan Pembangunan Individu (Individual Development Plan) untuk mereka yang berada di dalam Himpunan Bakat. Bengkel ini diadakan beberapa siri untuk memastikan matlamat mengadakan bengkel ini tercapai. Buat permulaan, tumpuan diberi kepada mereka yang berada di Gred 41 dan 44 dengan objektif membolehkan mereka yang mengikuti bengkel tersebut merancang dan melaksanakan pelan pembangunan individu masing-masing. Bengkel ini menitik beratkan pembangunan kompetensi kepimpinan dan kompetensi teknikal/fungsian. Ini adalah untuk memastikan terdapat kesinambungan kepimpinan di Universiti Malaya pada masa hadapan.

Perkhidmatan oleh Jabatan Pendaftar akan sentiasa bersedia dan bergerak ke arah merealisasikan hasrat Wawasan 2020 dan Pelan Pendidikan Tinggi Nasional 2015-2025 yang juga selaras dengan pelan strategik Universiti.

2.2. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

2.2.1. Perjawatan

Pada tahun 2016, statistik keseluruhan kakitangan Universiti Malaya menurun kepada 5,718 orang berbanding 5,859 orang kakitangan pada tahun 2015. Bilangan ini meliputi 2,084 orang kakitangan akademik dan 3,634 orang kakitangan pentadbiran. Daripada

jumlah kakitangan akademik, seramai 240 orang iaitu kira-kira 11.5% merupakan kakitangan antarabangsa. Manakala bagi kakitangan pentadbiran, seramai 728 orang atau kira-kira 20% merupakan mereka dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya iaitu 2,906 orang merupakan mereka dalam Kumpulan Pelaksana.

Statistik kakitangan Universiti Malaya mengikut kategori adalah seperti diberikan dalam jadual di bawah.

Jadual 2.1: Statistik Kakitangan Akademik Mengikut Jawatan dan Taraf Lantikan

Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah
PROFESOR ULUNG		2	2
PROFESOR	185	79	264
PROFESOR MADYA	356	41	397
PENSYARAH FARMASI GRED DUF 45/51/52/53/54	9		9
PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG 51/52/53/54	33	7	40
PENSYARAH PERUBATAN GRED DU 51/52/53/54	180	32	212
PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS 45/51/52/53/54	602	357	959
PENSYARAH PELATIH	29		29
FELO PENYELIDIK		32	32
FELO PENYELIDIK KANAN		15	15
FELO PENYELIDIK PRINSIPAL		1	1
GURU BAHASA	59	48	107
GURU SUBJEK		17	17
Jumlah	1,453	631	2,084

Sumber data: iHRIS, seperti pada 31.12.2016.
CATATAN: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat

Jadual 2.2: Statistik Kakitangan Pentadbiran

Kumpulan Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah
PENGURUSAN & PROFESIONAL	401	327	728
PELAKSANA	2,620	286	2,906
Jumlah Keseluruhan	3,021	613	3,634

Sumber data: iHRIS, 31.12.2016.
CATATAN: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat

Jadual 2.3: Statistik Kakitangan Yang Meninggalkan Perkhidmatan Universiti

Status Penamatan	Bilangan
BERSARA (Paksa, Pilihan, dan Perubatan)	120
PELETAKAN JAWATAN	59
PELEPASAN DENGAN IZIN	5
DIBUANG KERJA	2
Jumlah Keseluruhan	186

Sumber data: iHRIS, 31.12.2016

Bagi memastikan integriti perjawatan dan penggunaan sumber manusia yang optimum, audit sendiri ke atas perjawatan telah dilaksanakan melalui eksesai Naziran Perjawatan bagi Jawatan Pentadbiran di PTJ Akademik pada tahun 2016. Ia juga bertujuan mewujudkan guna tenaga optimum dan *right-sizing* keperluan sumber manusia di Universiti Malaya.

Selain daripada itu juga, semakan semula kepada Diskripsi Tugas juga dijalankan dengan mewujudkan elemen *multi-tasking* dan *multi-skilling* dalam setiap jawatan Pentadbiran.



2.2.2. Latihan, Kursus dan Pembangunan Kakitangan

Pada tahun 2016, pengurangan bajet latihan tidak menghalang Universiti Malaya untuk meneruskan program latihan dan kursus kepada kakitangan Universiti bagi memastikan pembangunan sumber manusia terus diberi perhatian.

Program latihan pra-perkhidmatan bagi tujuan menyediakan pelapis kepada tenaga akademik seperti Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) terus dijalankan di mana seramai 99 (SLAB/SLAI) sedang mengikut pengajian dalam berbagai peringkat dan bidang di dalam dan di luar negara. Manakala seramai 31 kakitangan lantikan tetap sedang mengikuti pengajian untuk ijazah lanjutan di bawah Program Hadiah Latihan Cuti Belajar.

Jadual 2.4: Statistik Calon HLCB/SLAB/SLAI Sedang Dalam Pengajian

Bil.	Kategori Hadiah Latihan	Jumlah
1.	Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	31
2.	Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)	68
3.	Hadiah Latihan Cuti Belajar	31
4.	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa	44
5.	Cuti Belajar Tanpa Gaji	1
6.	Cuti Belajar Bergaji Penuh	2
7.	Hadiah Latihan Persekutuan	17
Jumlah		194

Pada tahun 2016 juga, Bahagian Sumber Manusia telah menjalankan sejumlah **73** kursus dalaman seperti berikut:

Jadual 2.5: Kursus Dalaman

Bil.	Nama Kursus	Bilangan Peserta
1.	7 Tabiat Pekerja Berkesan (Stephen R. Covey)	78
2.	Adobe Photoshop	27
3.	Anda & 24 Jam	39
4.	Anda & 24 Jam (Untuk Staf APIUM, Nilam Puri)	46
5.	Asas CPR	45
6.	Asas Komputer	32
7.	Asas Pengurusan Perakaunan & Terimaan Hasil	33
8.	Asas Penyelenggaraan Komputer	26
9.	Asas Window 8	30
10.	Aura dan Ketrampilan Berkarisma	50
11.	Budaya Berfikir di Luar Kotak	38
12.	Budaya Kerja Cemerlang & Memperkasa Kerja Berpasukan	30
13.	<i>Futures Thinking & Scenario Planning</i>	70
14.	Gaya Hidup Sihat	118
15.	<i>Google Sketch Up</i>	58
16.	Hebat di Rumah, Cemerlang di Pejabat	88
17.	Integriti dan Etika di Tempat Kerja	92
18.	Isu Rasuah di Malaysia	79
19.	Jom Jadi Kreatif dan Produktif	68
20.	Kaunseling & Psikoterapi	35
21.	Kemahiran Mendengar dan Berfikir	69
22.	Kenali Potensi Diri	59
23.	Keseronokan Bekerja	36
24.	Ketrampilan & Peningkatan Profesionalisma Pemandu	26



Bil.	Nama Kursus	Bilangan Peserta
25.	Komunikasi Berkesan Menggunakan NLP	66
26.	<i>Managing Poor Performance & Absenteeism</i>	21
27.	Membina Personaliti Unggul Melalui 14Q	36
28.	Menangani Kerenah Pelanggan, Ketua & Rakan Sekerja	65
29.	Mencari Keberkatan dalam Pekerjaan	56
30.	Mengurus Gender & Kepelbagaian Generasi	28
31.	Menjana Kreativiti & Inovasi	26
32.	Microsoft Excel 2013 (Asas)	36
33.	Microsoft Excel 2013 (Lanjutan)	28
34.	Microsoft Excel 2013 (Pertengahan)	29
35.	Microsoft Excel <i>Formula & Functions</i>	30
36.	Microsoft Office 365	28
37.	Microsoft Powerpoint 2013 (Asas)	36
38.	Microsoft Powerpoint 2013 (Pertengahan)	28
39.	Microsoft Project 2013	29
40.	Microsoft Visio 2013	26
41.	Microsoft Word 2013	30
42.	Microsoft Word 2013 (Asas)	25
43.	Microsoft Words 2013 (Pertengahan)	33
44.	<i>Oh My English</i>	28
45.	Pegawai Majlis, Protokol, Pengiring & Penyambut Tetamu	29
46.	Pembangunan Kerjaya Kakitangan Pelaksana	29
47.	Pembinaan Laman Sesawang	26
48.	Pengenalan Komputer	28
49.	Pengenalan Pengurusan Fasiliti Kampus	28
50.	Penggunaan Gmail	26
51.	Pengurusan Belanjawan, Perolehan & Pembayaran	42
52.	Pengurusan Jenazah	273
53.	Pengurusan Kewangan Peribadi Berhemah & Hutang	83
54.	Pengurusan Konflik di Tempat Kerja	32
55.	Pengurusan Rekod & Sistem Fail	26
56.	Pengurusan Risiko Peribadi & Pekerjaan	316
57.	Pengurusan Stor Berkualiti	32
58.	Pengurusan Stres	26
59.	Pengurusan Stres Kaedah Islam	68
60.	Pengurusan Wasiat & Hibah	137
61.	Penulisan Surat Rasmi, Memo, Emel & Minit Mesyuarat	68
62.	Penyeliaan Berkesan	29
63.	Perkhidmatan Pelanggan & Kaunter Berkesan	22
64.	Personaliti & Karakter Unggul	33
65.	Personaliti Cemerlang Melalui 10Q	32
66.	Peta Minda & Pemikiran Kreatif	41
67.	<i>Presentation Using Prezi</i>	28
68.	<i>Seft Therapy</i>	37
69.	<i>Speaking and Writing English with Confidence</i>	31
70.	Terapi Keibubapaan	99
71.	Terapi Solat	287
72.	Transformasi Diri Ke Arah Kecemerlangan	33
73.	Transformasi Kecemerlangan Staf Pelaksana	30



2.3. SEKSYEN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF (STanD)

Mulai bulan Mac 2016, hasil penstrukturan semula Jabatan Pendaftar, Seksyen Latihan dan Pembangunan Staf atau lebih dikenali sebagai STanD telah diserap masuk ke Bahagian Sumber Manusia. Langkah ini juga telah menyebabkan fungsi STanD bertambah besar kerana semua urusan Cuti Penyelidikan dan Cuti Khas Persidangan telah diletakkan di bawah tanggungjawab STanD.

Pada tahun 2016, berikutan penangguhan KPI latihan penjawat awam oleh JPA dan pemotongan besar peruntukan latihan, Universiti telah memutuskan supaya KPI latihan staf bukan akademik dikurangkan daripada 7 hari kepada 4 hari setahun sahaja. Daripada 4 hari latihan itu, setiap PTJ diminta melaksanakan sekurang-kurangnya satu hari kursus di peringkat PTJ. Selaras dengan peruntukan yang disediakan, STanD telah menganjurkan sebanyak 98 kursus dalaman yang meliputi kursus *soft-skill* dan ICT. Dengan sistem kursus dalaman *on-line* baru yang mula digunakan pada Januari 2016, urusan penawaran kursus, pemilihan dan pendaftaran peserta serta penilaian kursus telah berjaya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian STanD. Selain itu, STanD juga telah menghantar lebih kurang 577 staf akademik dan bukan akademik untuk mengikuti kursus anjuran luar termasuk kursus-kursus yang dianjurkan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Buat pertama kalinya, pada tahun 2016, STanD juga telah berjaya mencapai KPI latihan iaitu sebanyak 75.92% melebihi sasaran KPI iaitu 70% staf tetap UM mengikuti 4 hari kursus setahun. Ini bermakna seramai 3,179 daripada 4,187 staf tetap akademik dan bukan akademik telah menghadiri kursus pendek, seminar dan persidangan di dalam dan di luar kampus termasuk luar negara sepanjang tahun 2016. Ini satu pencapaian yang amat menggalakkan dan menjadi pendorong untuk STanD berusaha mengekalkan pencapaiannya pada tahun 2017.

STanD juga telah lebih agresif dalam projek penjana pendapatan dengan mempromosi kursus dalaman STanD kepada pelanggan luar sama ada dari agensi awam mahupun swasta. Selain peserta dari UMcCED, antara institusi luar yang telah menghantar peserta mengikuti kursus-kursus STanD pada tahun 2016 adalah UKM, UUM dan *The Global University of Islamic Finance* (INCEIF). Selain itu, seperti tahun 2016, STanD juga telah diberi kepercayaan oleh AKEPT untuk dilantik sebagai pengurus bersama bagi projek berprestij AKEPT iaitu, *Autonomy Within Higher Education For 21st*

Century yang bernilai RM540,000.00. Hasil projek kerjasama tersebut, STanD telah memperolehi *fee* perkhidmatan lebih kurang RM30,000.00.

Pada tahun 2016 juga STanD mengetuai inisiatif untuk menyediakan Pelan Pembangunan Kompetensi Universiti Awam (PPKUA). Manual ini merupakan pelan latihan berstruktur untuk semua skim yang wujud di Universiti Awam. Jawatankuasa Latihan Universiti–Universiti Malaysia (JALUMA) telah memulakan inisiatif untuk merangka PPKUA sejak bulan Mac 2016. Dalam merangka Pelan Latihan Berstruktur ini, modul PTK yang dibangunkan pada tahun 2006 telah dijadikan asas rujukan selain melihat spesifikasi tugas skim terlibat. Objektif utama penyediaan PPKUA adalah seperti berikut:

1. Sebagai panduan kepada semua penyedia latihan di UA dalam mengatur takwim latihan tahunan bagi meningkatkan kompetensi staf bukan akademik meliputi 15 skim yang terdapat di UA;
2. Menyesuaikan penawaran latihan-latihan yang selari dengan perkembangan dan cabaran semasa;
3. Menyelaraskan latihan antara universiti awam bagi memberikan impak yang besar dalam aspek kerjasama dan perkongsian strategik khususnya kepakaran antara UA terlibat serta dapat mengoptimalkan penggunaan sumber.

Sebagai langkah strategik untuk memastikan manual PPKUA dapat direalisasikan dalam masa yang ditetapkan, setiap Universiti Awam telah diberi tanggungjawab untuk merangka pelan latihan mengikut skim perkhidmatan yang dipersetujui bersama dan STanD diberi tanggungjawab menyediakan pelan Latihan bagi skim C dan Q. Seperti yang dirancang, PPKUA telah dilancarkan pada 13 November 2016 lalu untuk dilaksanakan oleh semua UA.

STanD juga telah melaksanakan *Training Need Analysis* (TNA) dan *Training Need Identification* (TNI) bertujuan mengenalpasti keperluan latihan pada tahun 2016 bagi penyediaan **Takwim Latihan 2017**. Selain itu, STanD juga telah berjaya menganjurkan kursus Pra Persaraan pada bulan September 2016 di Awana Genting Resort, Genting Highland yang dihadiri seramai 35 staf yang bersara pada 2016 dan awal 2017. Selain itu, beberapa kursus *Ad-hoc* juga berjaya dianjurkan antaranya kursus Wasiat dan Hibah oleh Amanah Raya Malaysia, Pengurusan Kewangan oleh AKPK, Pengurusan Jenazah dan Pemantapan Solat yang mendapat sambutan yang amat baik dari semua warga kampus termasuk staf akademik.



2.4. ISTIADAT KONVOKESYEN

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-55 telah berlangsung selama empat hari bermula 15 hingga 18 Oktober 2016 di Dewan Tunku Canselor (DTC). Serentak dengan sambutan ulang tahun penubuhan Universiti Malaya ke-111, Istiadat Konvokesyen kali ini telah menyaksikan pelantikan semula YABhg. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong sebagai Pro-Canselor Universiti Malaya.

Seramai 485 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 15 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam, 4 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian, 1,733 graduan Ijazah Sarjana dan 2,836 graduan Ijazah Sarjana Muda telah menerima ijazah masing-masing. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 5,073 graduan.

Pada tahun ini, UM telah menganugerahkan anugerah Ijazah Kehormat kepada tiga orang tokoh ternama, iaitu Doktor Pengajian Islam kepada Tuan Haji Abdullah Haji Salleh pada Sidang Pertama, Doktor Pendidikan kepada Tan Sri Jeffrey Cheah Fook Ling pada Sidang Ketiga dan Doktor Perniagaan kepada Datuk David Chua Kok Tee pada Sidang Keempat.


Manakala, gelaran Profesor Emeritus dianugerahkan kepada tiga orang tokoh akademik, iaitu Datuk Dr. Yip Cheng Har pada Sidang Pertama, Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali (Sidang Kelima) dan Dr. Wong Chiow San (Sidang Keenam).

Anugerah Pelajaran DiRaja pada kali ini dianugerahkan kepada dua orang pelajar cemerlang dalam program Ijazah Sarjana Muda iaitu Saudari Sofea A Ghani dari Fakulti Sains dan Saudara Tham Kuen Wei dari Fakulti Alam Bina.

Jadual 2.6: Jadual Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2016

Sidang	Tarikh dan Masa	Pengerusi	Ijazah Kehormat/ Profesor Emeritus	Doktor Falsafah / Doktor Perubatan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda
Pertama	Sabtu, 15 Oktober 2016	DYMM Tuanku Canselor	2	485 Doktor Falsafah / 15 Doktor Kesihatan Awam / 4 Doktor Pergigian Kesihatan Awam	-	-
Kedua	Ahad, 16 Oktober 2016	Toh Puan Pro-Canselor	-	-	819	-
Ketiga	Ahad, 16 Oktober 2016	Toh Puan Pro-Canselor	1	-	728	-
Empat	Isnin, 17 Oktober 2016	Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor	1	-	186	511
Lima	Isnin, 17 Oktober 2016	Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor	1	-	-	727
Enam	Selasa, 18 Oktober 2016	Tan Sri Dato' Seri Diraja Pro-Canselor	1	-	-	818
Tujuh	Selasa, 18 Oktober 2016	Tan Sri Dato' Seri Diraja Pro-Canselor	-	-	-	780
JUMLAH			6	504	1,733	2,836

3. AKADEMIK & ANTARABANGSA





3.1. LAPORAN TIMBALAN NAIB CANCELOR AKADEMIK & ANTARABANGSA

Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud

Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Aktiviti ini meliputi aspek pemantapan tadbir urus akademik, pembangunan staf akademik, pengantarabangsaan, penjenamaan dan pemasaran.

Peranan utama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dalam melaksanakan aktiviti ini adalah menyediakan halatuju dan kepimpinan dalam mencapai matlamat strategik universiti. Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 dan Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2016-2020 yang telah disempurnakan pada tahun 2016 merupakan panduan utama portfolio ini dalam mengerakkan transformasi sekaligus memacu kejayaan bagi lima tahun akan datang.

3.1.1. Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020

Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 adalah berlandaskan wawasan untuk menjadi universiti pilihan staf dan pelajar. 4 matlamat utama telah digariskan oleh pelan ini iaitu:

1. Pengalaman pengajaran dan pembelajaran cemerlang melalui program akademik yang dimantapkan oleh teknologi.
2. Pengambilan pelajar yang berkualiti tinggi.
3. Graduan berkualiti tinggi dengan ciri-ciri holistik, berpengaruh global, keusahawanan dan seimbang.
4. Persekitaran kerja yang membina.



Pelan ini turut menggariskan 8 strategi utama dan 12 pelan tindakan dalam bagi mencapai matlamat yang dikenalpasti. Antara strategi ini adalah:

1. Penggabungan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Pengantarabangsaan kurikulum.
3. Pedagogi yang efektif dalam penyampaian kursus.
4. Semakan semula dan pemerksaan program akademik.
5. Mendapatkan lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa dengan tajaan.
6. Melahirkan graduan yang berkualiti tinggi.
7. Memastikan kesesuaian dan ketampakan graduan UM dalam bidang pekerjaan atau industri.
8. Mempromosikan budaya pengantarabangsaan.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Pusat Pembangunan Akademik (ADeC), Pusat Pembangunan Kurikulum (CDC), Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC), Pusat Pemasaran & Pengambilan (MRC), Institut Pengajian Siswazah (IPS), Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CiTra) dan Bahagian Sumber Manusia merupakan unit-unit yang amat penting dalam pencapaian matlamat pelan strategik ini yang menetapkan sebanyak 17 sasaran Penunjuk Prestasi Utama (KPI). Kesemua unit-unit ini telahpun mengorak langkah dalam mencapai sasaran KPI tersebut melalui pelbagai inisiatif, aktiviti dan program sepanjang tahun 2016.

3.1.2. Penstrukturan Semula Portfolio Akademik

Struktur organisasi yang mantap dan berkesan merupakan kunci kepada kejayaan sesuatu organisasi. Selaras dengan prinsip ini, portfolio Akademik terus melalui beberapa penstrukturan semula dan transformasi. Antara penstrukturan semula yang dilakukan pada tahun 2016 adalah penggabungan Unit Bright Sparks (BSU) dengan Seksyen Kewangan dan Biasiswa, Institut Pengajian Siswazah. Tujuan utama penggabungan ini adalah bagi menyelaraskan dan penyeragaman semua urusan berkaitan kewangan dan biasiswa pelajar Ijazah Tinggi di bawah satu seksyen yang sama.

Selain itu, penggabungan ini juga merupakan satu inisiatif penjimatan sumber dari segi kewangan, sumber manusia, utiliti dan peralatan serta ruang pejabat. Hasil dari penggabungan ini, tiga daripada empat orang staf di BSU telah diagihkan semula kepada unit-unit lain yang lebih memerlukan kerana staf-staf sedia ada di IPS telah menyerap beban tugas pengurusan program Bright Sparks ini secara

bersama. Belanja Mengurus tahunan BSU juga tidak diperlukan lagi kerana IPS beroperasi dengan belanja mengurus sedia ada.

Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CiTra) juga melalui perubahan struktur pengurusan apabila jawatan Ketua dan Timbalan Ketua ditukar nama kepada jawatan Pengarah dan Timbalan Pengarah selari dengan beban tugas pusat ini yang semakin bertambah dengan pengurusan Latihan Industri dan program Jalinan Masyarakat.

3.1.3. Dasar, Garis Panduan dan Inisiatif Baru

Selain dari pelan strategik baru, portfolio Akademik juga telah mewujudkan beberapa dasar, garis panduan dan inisiatif baru disamping mengkaji semula dasar, garis panduan dan inisiatif sedia ada. Awal tahun 2016 menyaksikan pengwujudan Garis Panduan Pengurusan Tabung Ijazah Tinggi Universiti Malaya yang merupakan dokumen sokongan kepada Terma Rujukan Tabung Ijazah Tinggi Universiti Malaya yang telah dipinda pada penghujung tahun 2015.

Garis panduan ini adalah dokumen rujukan bagi pengurusan Tabung Ijazah Tinggi Universiti Malaya berdasarkan Terma Rujukan Tabung Ijazah Tinggi Universiti Malaya yang merangkumi proses permohonan, format kertas permohonan dan belanjawan, proses kelulusan, rekod dan dokumentasi serta had kuasa. Dokumen ini telah digunapakai sebanyak lima kali Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Tabung Ijazah Tinggi pada tahun 2016 sekaligus berjaya mentransformasi pengurusan dan kelulusan tabung ini secara lebih sistematik dan efisien.

Dasar Pengurusan Program Akademik yang telah diluluskan Senat pada awal 2016 bertujuan untuk memberikan panduan kepada staf, pelajar dan pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan program akademik. Dasar ini juga adalah untuk memastikan program akademik UM berdaya saing, terkini, mampan dan relevan dengan keperluan dan dasar pembangunan negara serta memenuhi piawai yang ditetapkan oleh KPT, MQA dan badan profesional yang berkaitan.

Skop utama dasar ini adalah seperti termasuk pembentukan dan pembangunan program akademik baharu, pelaksanaan program akademik, pemantauan program akademik, jaminan dan penambahbaikan kualiti program akademik, semakan kurikulum, penangguhan penawaran program akademik, penjumudan program akademik serta pengajian jarak jauh.

Portfolio Akademik juga menekankan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah

digariskan dalam pelan strategik. Selari dengan matlamat ini, aktiviti Minggu E-Pembelajaran telah diperkenalkan dan dikoordinasi oleh Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) pada tahun 2016. Menariknya aktiviti ini adalah para pelajar dan staf akademik yang terlibat tidak perlu hadir di kampus sepanjang minggu dan hanya melakukan proses pengajaran dan pembelajaran dari luar kampus. Aktiviti yang melibatkan empat buah fakulti iaitu Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Pendidikan dan Pusat Sukan ini telah berjalan baik menggunakan sistem SPeCTRUM walaupun berdepan beberapa cabaran. Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan membudayakan e-pembelajaran dan penggunaan sistem SPeCTRUM malah merupakan sebahagian dari Pelan Kelangsungan Perniagaan (*Business Continuity Management-BCM*) sekiranya berlaku keadaan kecemasan seperti jerebu dan banjir.

Geran *Interactive Learning Space* telah diperkenalkan pada tahun 2016 bagi memberikan bantuan kepada Fakulti dalam membina ruang pembelajaran yang interaktif. Sebanyak 18 permohonan telah diterima dengan hanya 10 sahaja yang terpilih untuk menerima geran sebanyak RM 50,000 bagi mengubah suai ruang pembelajaran sedia ada agar lebih kondusif. Antara penerima geran ini adalah Fakulti Pergigian, Fakulti Perniagaan & Perakaunan, Fakulti Bahasa dan Linguistik serta Akademi Pengajian Islam.

Geran University of Malaya Learning Improvement and Teaching Enhancement Research (UM – LiTeR) pula bertujuan untuk memberikan peruntukan kepada Staf Akademik UM untuk menjalankan penyelidikan dalam meningkatkan dan menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah, kursus dan/atau program. Pemohon geran yang berjaya akan mendapat bimbingan dan *mentoring* untuk memastikan kejayaan penyelidikan mereka.

Satu lagi inisiatif besar yang dilaksanakan oleh portfolio Akademik bersama-sama Fakulti Sains adalah penubuhan Pusat Agrosains Universiti Malaya di Gemas, Negeri Sembilan. Penubuhan pusat ini dapat memberikan peluang kepada UM untuk memperluaskan kepakaran sedia ada bagi membangunkan sektor pertanian negara. Program akademik diperingkat sarjana dan PhD yang baharu berkaitan agrosains diperkenalkan oleh universiti bagi melahirkan lebih ramai graduan Sarjana dan PhD sejajar dengan dasar pengajian tinggi negara untuk melahirkan modal insan yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi.

Selain itu, penyelidikan berkaitan agrosains dapat dijalankan dengan lebih baik menggunakan tanah seluas 200 ekar.

Penerbitan universiti dalam bidang agrosains turut dapat dipertingkatkan sekaligus membantu universiti mencapai ranking QS 100 terbaik dunia. Pusat ini juga akan menjana pendapatan dalam jangka masa panjang melalui aktiviti berkaitan pertanian.

Fasa pertama projek ini yang melibatkan pembersihan kawasan hutan, pembinaan kolam takungan air, pembinaan pagar perimeter dan penyediaan tapak penyemaian telahpun bermula pada pertengahan tahun 2016 dan dijangka selesai menjelang hujung tahun 2017. Universiti kini sedang giat mencari dana bagi fasa dua projek yang melibatkan pembinaan infrastruktur serta kemudahan seperti bangunan, jalan masuk, utiliti dan sebagainya yang dijangka bermula pada tahun 2018.

The Asia Foundation telah memberi kepercayaan kepada Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA untuk menjadi “custodian” bagi program *Books for Asia* di Semenanjung Malaysia. INPUMA bertanggung jawab dalam proses menerima, pengesahan dan mengedarkan buku-buku tersebut kepada sekolah/institusi yang telah dikenalpasti. Bagi memastikan pengedaran buku berjalan dengan lancar, INPUMA telah bekerjasama dengan beberapa agensi tempatan seperti Johor Corporation, Yayasan Sarawak, Yayasan Telekom dan juga Yayasan Pahang.

Yayasan Sarawak telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Sarawak untuk menjadi Sekretariat dalam mengendalikan program *Books for Asia* di Sarawak. Bagi memastikan program ini berjalan lancar, organisasi berikut telah dilantik dalam mengagihkan buku tersebut:

- i. Perpustakaan Negeri
- ii. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti (*Local Government and Community Development Ministry*)
- iii. Jabatan Pendidikan Sarawak (*Sarawak Education Department*)

Pada bulan April 2016, satu majlis penyerahan buku *Books for Asia* telah diadakan di Daerah Sematan, Sebuyau dan Dalat. Kesemua buku telah diedarkan ke perpustakaan awam, perpustakaan komuniti dan juga 200 buah perpustakaan sekolah atas nasihat dan pandangan Jabatan Pendidikan Sarawak dan pihak lain. Bagi penghantaran pertama, Yayasan Sarawak telah berjaya mengedarkan buku ke 326 buah institusi seperti butiran berikut:

- i. 16 buah perpustakaan awam
- ii. 107 buah perpustakaan komuniti
- iii. 3 buah pusat sumber luar bandar
- iv. 200 buah perpustakaan sekolah



3.1.4. Pembangunan Staf Akademik

Salah satu pencapaian besar portfolio Akademik pada tahun 2016 merupakan pengwujudan pelbagai laluan kerjaya pelbagai Staf Akademik dan penambahbaikan kepada *Standard Academic Performance Target* (SAPT). Inisiatif yang telah mengambil masa lebih satu tahun untuk disiapkan telah dikordinasi bersama-sama oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan Bahagian Sumber Manusia. Sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan bagi mengkaji dan mencadangkan laluan kerjaya ini yang terbahagi kepada Biasa (*Standard*), Pengajaran (*Teaching*) dan Penyelidikan (*Research*) mengikut bidang Sains, Sains Sosial dan Klinikal. Opsyen bagi laluan kerjaya ini telah dibuka kepada Staf Akademik dan dimuktamadkan pada pertengahan 2016.

Secara dasarnya, laluan kerjaya pelbagai dan penambahbaikan SAPT ini membawa manfaat kepada universiti dan juga staf. Staf boleh memilih laluan yang bersesuaian dengan mereka dan memberikan lebih fokus kepada pencapaian kriteria kenaikan pangkat dalam laluan tersebut. SAPT pelbagai laluan kerjaya ini bukan sahaja lebih adil dan telus, malah turut mengiktiraf lebih banyak jenis sumbangan staf akademik termasuk dari segi pentadbiran dan tanggungjawab sosial.

Pada tahun 2016 juga, Program Latihan Bagi Staf Akademik Baharu Universiti Malaya (EmeraLd) telah dikaji dan distruktur semula. Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat bersama pemegang taruh bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan terhadap program EmeraLd sedia ada.

Hasilnya program ini telah dibahagikan kepada dua iaitu EmeraLd Basic dan EmeraLd Intermediate. Program EmeraLd Basic yang diluluskan oleh Pengurusan Universiti telah dipendekkan tempohnya kepada hanya 20 hari agar tidak mengganggu tugas hakiki staf akademik di Fakulti. Skop program ini juga telah diperluaskan dan mencakupi aspek berikut:

1. Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
2. Penyeliaan Pelajar
3. Tugas Pentadbiran Akademik
4. Pengurusan Penyelidikan
5. Keusahawanan

Penstrukturan semula program EmeraLd ini adalah bersesuaian keperluan latihan pensyarah baharu sekaligus membimbing mereka untuk menjadi staf akademik yang cemerlang di masa hadapan.

ADeC juga masih meneruskan latihan dan kursus pendek kepada para staf akademik seperti tahun-tahun sebelum ini. Sebanyak 80 buah kursus telah dianjurkan pada tahun 2016 seperti berikut:

Jadual 3.1: Kursus Anjuran Pusat Pembangunan Akademik (ADeC)

Bil.	Topik	Fokus	Tarikh
1.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop - No.1/2016</i>	e-Pembelajaran	12 Januari
2.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop - No.2/2016</i>	e-Pembelajaran	14 Januari
3.	<i>Training Programme for New Lecturers (TPNL) - Siri 1</i>	Pengajaran & Pembelajaran	18-22 Januari
4.	<i>Project: SPeCTRUM ToT Workshop</i>	e-Pembelajaran	27 Januari
5.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Basic Workshop at Academy of Malay Studies</i>	e-Pembelajaran	28 Januari
6.	<i>Effective Power Point for Teaching</i>	Pengajaran & Pembelajaran	28 Januari
7.	<i>AMOS for Research</i>	Penyelidikan	26-27 Januari
8.	<i>Quantitative Research Part 1</i>	Penyelidikan	03 Februari
9.	<i>PTJ Engagement: Outcome Based Education (requested by Faculty of Education)</i>	Pengajaran & Pembelajaran	10 Februari
10.	<i>Implementation of Student Learning Time</i>	Pengajaran & Pembelajaran	11 Februari
11.	<i>Outcome-Based Education (OBE) Implementation</i>	Pengajaran & Pembelajaran	16 Februari
12.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by SKET</i>	e-Pembelajaran	16 Februari
13.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Library</i>	e-Pembelajaran	17 Februari
14.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Law</i>	e-Pembelajaran	17 Februari

Bil.	Topik	Fokus	Tarikh
15.	<i>SPSS for Research 1</i>	Penyelidikan	17-18 Februari
16.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Languages & Linguistics</i>	e-Pembelajaran	18 Februari
17.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Academy of Malay Studies</i>	e-Pembelajaran	18 Februari
18.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Cultural Centre</i>	e-Pembelajaran	19 Februari
19.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop</i>	e-Pembelajaran	23 Februari
20.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Engineering</i>	e-Pembelajaran	24 Februari
21.	<i>SPSS for Research 2</i>	Penyelidikan	24-25 Februari
22.	<i>High Impact Students through Learning Space Workshop</i>	Pengajaran & Pembelajaran	09 Mac
23.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop</i>	e-Pembelajaran	10 Mac
24.	<i>Qualitative Research 1 (Concept & Design)</i>	Penyelidikan	15-16 Mac
25.	<i>SPeCTRUM Intermediate & Advanced Workshop - No.1/2016 (Quiz)</i>	e-Pembelajaran	17 Mac
26.	<i>AMOS for Research Part 2</i>	Penyelidikan	23-24 Mac
27.	<i>Publishing ISI Journals</i>	Penyelidikan	29-30 Mac
28.	<i>Industrial Training: Bengkel TOT Penyelaras Latihan Industri</i>	Pengajaran & Pembelajaran	31 Mac
29.	<i>SPeCTRUM Intermediate & Advanced Workshop - No.2/2016 (Quiz)</i>	e-Pembelajaran	06 April
30.	<i>Quantitative Research Part 2</i>	Penyelidikan	06 April
31.	<i>Training Programme for New Lecturers (TPNL) - Siri 2</i>	Pengajaran & Pembelajaran	11-15 April
32.	<i>Instructional Design for Blended Learning</i>	Pengajaran & Pembelajaran	12 April
33.	<i>e-Learning Week Staff Training</i>	e-Pembelajaran	13 April
34.	<i>SPeCTRUM Intermediate & Advanced Workshop - No.3/2016 (Web 2.0)</i>	e-Pembelajaran	18 April
35.	<i>Student Centred Learning: Cooperative Learning</i>	Pengajaran & Pembelajaran	18 April
36.	<i>Qualitative Research 2 (Collecting Data)</i>	Penyelidikan	20-21 April
37.	<i>Assessment using Technology - The OBE Way</i>	Pengajaran & Pembelajaran	21 April
38.	<i>Creating An Effective And Engaging MOOC Course Workshop</i>	Pengajaran & Pembelajaran	05 Mei
39.	<i>SPeCTRUM Intermediate & Advanced Workshop - No.5/2016 (Groups and Groupings)</i>	e-Pembelajaran	16 Mei
40.	<i>Smart-PLS for Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)</i>	Penyelidikan	17 & 18 Mei
41.	<i>Interactive Learning</i>	Pengajaran & Pembelajaran	19 Mei
42.	<i>Qualitative Research 3 (Tools for Data Analysis)</i>	Penyelidikan	23 & 30 Mei
43.	<i>Curriculum Design & Development 2 - Learner's Diversity</i>	Pengajaran & Pembelajaran	23 Mei
44.	<i>Quantitative Research Part 3</i>	Penyelidikan	25 - 26 Mei
45.	<i>Taklimat Projek Learning Space</i>	Pengajaran & Pembelajaran	25 Mei
46.	<i>Taklimat Geran UM-LiTeR</i>	Penyelidikan	06 Jun
47.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop - No.6/2016</i>	e-Pembelajaran	08 Jun
48.	<i>Learning Space: Bid Clarification Workshop</i>	Pengajaran & Pembelajaran	23 Jun
49.	<i>SoTL Workshop for UM-LiTeR applicants</i>	Penyelidikan	27 Jun
50.	<i>Taklimat Emerald</i>	Pementoran/ Kepimpinan	28 Jun
51.	<i>SPeCTRUM Intermediate & Advanced Workshop - No.6/2016</i>	e-Pembelajaran	30 Jun
52.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Sports Centre</i>	e-Pembelajaran	17 Julai
53.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Cultural Centre</i>	e-Pembelajaran	22 Julai
54.	<i>Training Programme for New Lecturers (TPNL) - Siri 3</i>	Pengajaran & Pembelajaran	18-22 Julai



Bil.	Topik	Fokus	Tarikh
55.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by CITra</i>	e-Pembelajaran	23 Julai
56.	<i>SPSS Basic Workshop</i>	Penyelidikan	27-28 Julai
57.	<i>AMOS Basic Workshop</i>	Penyelidikan	10 & 11 Ogos
58.	<i>Taklimat EmeraLd</i>	Pementoran/ Kepimpinan	11 Ogos
59.	<i>SPSS Intermediate Workshop</i>	Penyelidikan	15 & 16 Ogos
60.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Languages & Linguistics</i>	e-Pembelajaran	23 Ogos
61.	<i>Teaching Tools with Microsoft</i>	Pengajaran & Pembelajaran	24 Ogos
62.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Engineering</i>	e-Pembelajaran	24 Ogos
63.	<i>PTJ Engagement: SPeCTRUM Roadshow requested by Faculty of Education</i>	e-Pembelajaran	25 Ogos
64.	<i>Supervision Basic Course</i>	Penyeliaan	24-25 Ogos
65.	<i>Aspiring Academic Programme: Academic Careers</i>	EmeraLd	02 September
66.	<i>Smart-PLS for Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)</i>	Penyelidikan	06 & 07 September
67.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop</i>	e-Pembelajaran	07 September
68.	<i>Aspiring Academic Programme: Academic Portfolio</i>	EmeraLd	09 September
69.	<i>SPeCTRUM Basic Workshop</i>	e-Pembelajaran	23 September
70.	<i>Aspiring Academic Programme: SPeCTRUM Workshop</i>	EmeraLd	07 Oktober
71.	<i>Aspiring Academic Programme: Academic Career Sharing Session</i>	EmeraLd	07 Oktober
72.	<i>Taklimat EmeraLd</i>	Pementoran/ Kepimpinan	07 Oktober
73.	<i>Aspiring Academic Programme: Academic Career Sharing Session</i>	EmeraLd	21 Oktober
74.	<i>SPeCTRUM Quiz Workshop</i>	e-Pembelajaran	21 Oktober
75.	<i>Learning Space Seminar: Sharing of Best Practices</i>	Pengajaran & Pembelajaran	25 Oktober
76.	<i>Training Programme for New Lecturers (TPNL) - Siri 4</i>	Pengajaran & Pembelajaran	07, 08, 16-18 November
77.	<i>Supervision Basic Course</i>	Penyeliaan	22-23 November
78.	<i>Teaching with NLP</i>	Pengajaran & Pembelajaran	30 November
79.	<i>Taklimat EmeraLd</i>	Pementoran/ Kepimpinan	14 Disember
80.	<i>Aspiring Academic Programme: Academic Portfolio II</i>	EmeraLd	16 Disember

3.1.5. Pembangunan Kurikulum dan Program Akademik

Kesemua program Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi telah selesai menjalani proses semakan kurikulum pada tahun 2016. Semakan ini amat penting dalam memastikan program-program yang ditawarkan oleh UM sentiasa terkini, memenuhi permintaan pasaran serta relevan dengan keperluan industri dan negara. Bagi memastikan segala urusan berkaitan semakan kurikulum dan penawaran program baharu berjalan lancar, Pusat Pembangunan Kurikulum (CDC) telah menyediakan panduan dan memberikan taklimat berkenaan proses dan prosedur pembangunan serta perkembangan kurikulum program akademik.

Sebanyak 101 program Ijazah Sarjana Muda ditawarkan pada tahun 2016. 6 program Ijazah Sarjana Muda telah dijumlahkan dan 26 program yang kurang popular telah dikenalpasti untuk dijumlahkan sekiranya permintaan semakin berkurang. Manakala bagi Ijazah Tinggi pula, 128 program Ijazah Sarjana dan empat program Kedoktoran ditawarkan dengan lapan program telah dijumlahkan. Antara program baharu yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Saringan Awal pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Petroleum)
2. Sarjana Neurosurgeri
3. Sarjana Kejuruteraan Tisu dan Perubatan Regeneratif
4. Sarjana Pengurusan Sukan dalam Pendidikan
5. Sarjana Kaunseling (Kesihatan Mental)
6. Sarjana Tari
7. Doktor Pengurusan

Dalam merealisasikan Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT). Inisiatif Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) telah dirangka sebagai satu mekanisme pentaksiran dan pelaporan pencapaian pelajar. 2 program rintis telah dipilih bagi pelaksanaan awal iCGPA di UM mulai Sesi 2016/2017 iaitu Sarjana Muda Perakaunan dan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia.

Bilangan harta intelek selain dari paten (tidak termasuk buku) seperti Hakcipta, Cap Dagangan, rekabentuk Industri & Petunjuk Geografi.	227

4.5.2. Memacu Pengkomersilan Hasil Penyelidikan Melalui Ekosistem Keusahawanan Universiti

University of Malaya Centre of Innovation & Commercialization (UMCIC) bertekad untuk menyediakan ekosistem yang mantap dan lestari kepada warga universiti untuk merealisasikan cetus idea serta membangunkan konsep dan produk penyelidikan mereka agar boleh diaplikasi dan dikomersilkan. Aktiviti yang telah dilaksanakan termasuk pembangunan prototaip, pembangunan model pengkomersilan, perlesenan kepada pihak industri, penjualan produk, pemindahan teknologi melalui perlesenan pengetahuan dan penubuhan syarikat terbitan berteknologi tinggi melalui program teknopreneuer Universiti Malaya. Antaranya, UM berjaya menghasilkan syarikat terbitan berasaskan teknologi tinggi dalam bidang fotonik (*Flexilicate*), pencetakan 3D biomodel operasi (CBMTI), Orthotics (BioApps), Biobanking (Cytus), pemesinan termaju (Zectron), benih kultur tisu (Granatech) dan penjagaan kesihatan elektronik (UM *Connected healthcare*). Teknologi penapisan air bertenaaga solar dari Fakulti Kejuruteraan pula berjaya memberi impak terus kepada rakyat apabila diagih kepada penduduk di kawasan dilanda banjir di Kelantan dan di kawasan pendalaman di Sarawak. Kesenambungan semua aktiviti ini membuktikan UM berjaya mengkomersilkan atau mengaplikasi pelbagai teknologi/produk UM ke pihak industri dan komuniti tempatan dan juga antarabangsa.

Bagi melengkapkan platform pengkomersilan, UM telah melangkah terus dengan penubuhan Inkubator Inovasi (I2U) yang bakal mewujudkan infrastruktur *translational* yang mampu memacu pembangunan produk dan teknologi mesra industri dalam bidang terpilih dan termaju termasuk diagnostik invitro, peranti perubatan, teknologi LED, IOT, nanoteknologi dan teknologi minyak & gas. Ianya memfokus kepada program pemacuan penutupan jurang antara hasil penyelidikan dan produk yang boleh di aplikasi industri dan masyarakat. I2U merupakan salah satu ruang "*Industry-on-campus*" yang berhasrat mencetuskan perkongsian antara industri dan akademia. Hubungan Industri dan akademia memainkan peranan penting dalam membina ekosistem inovasi negara. UMCIC terus mengatur siri program interaksi bersama industri pada tahun 2016 yang lebih dikenali sebagai "*Industry Partnering Day*" dengan tema-tema khusus seperti industri ICT dan, teknologi hijau untuk industri otomotif. Ini telah memberikan impak yang sangat tinggi dalam kolaborasi dan berjaya mengenengahkan teknologi UM ke pasaran luar.

Bilangan teknologi/produk yang dikomersilkan:

Jadual 4.21: Jumlah Teknologi/Produk Komersil

Teknologi/Produk/Unit Perniagaan /Syarikat Terbitan	2016
Bilangan produk/ teknologi baru yang dikomersilkan melalui perlesenan dan pemindahan teknologi 'know how'	17
Bilangan syarikat terbitan/ unit perniagaan (Business Unit) semasa di bawah Program Teknopreneuer UM	14

Secara keseluruhan pada tahun 2016 UMCIC telah menjalankan lebih dari 40 sesi pembinaan kapasiti, kolaborasi dan *industry engagement* berkait proses pengkomersilan termasuk klinik harta intelek & pengkomersilan (IP&C Clinic), penerangan mengenai proses perlesenan dan proses pembentukan syarikat terbitan atau unit perniagaan serta sesi pemasaran teknologi UM. Antaranya



juga UMCIC menjalankan program kerjasama dengan agensi pemacu inovasi seperti *Bioeconomy Corp*, *PlatCom Ventures*, *MAGIC*, Agensi Inovasi Malaysia, *MTDC*, *MyIPO*, Yayasan Harapan, *CRADLE* dan *MIDA* untuk memacukan lagi proses pengkomersilan R&D dari UM. UMCIC juga telah menjalankan program *TechTalk* sepanjang tahun 2016 dengan rangkaian penceramah pakar dan peneraju keusahawanan dalam dan luar negara.

UMCIC juga terus menerajui rangkaian keusahawanan *startup* Universiti atau *U-START* di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan penganjuran bersama *NUS Enterprise Program U-START ASEAN Network* di *INNOVFEST 2016* di Singapura dan program pertukaran *startup* *UM-NUS Ignite*. Persidangan serta showcase *U-START MALAYSIA 2016* dirasmikan oleh YB Dato' Hajjah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan bertemakan "Mewujudkan Ekonomi & Impak Sosial melalui University Startups" dan memaparkan lebih 30 penceramah termasuk ucapama oleh Y. Bhg. Tan Sri Irwan Shah Siregar, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Acara tahun 2016 ini telah dihadiri oleh hampir 300 peserta daripada institusi pengajian tinggi dan syarikat terbitan (*startups*), industri, agensi awam, usahawan, rakan perniagaan, dari dalam Malaysia dan ASEAN. *U-START 2016* terus meraikan perkongsian dan disokong oleh pihak penganjur bersama termasuk Bahagian Hubungan Industri, *KPT*, *UEM*, *MTDC*, *TM*, *myNEF*, *MIGHT*, *MyIPO*, *TPM*, *SME Bank*, *Longwood Aset*, *Milo* dan rakan kongsi strategik utama termasuk *MaGIC*, *GEC*, *PlatCOM Ventures*, *ITMA*, *CRADLE*, *MBAN*, *INVEST KL*, *Marks & Clerk*, *Asia Research News*, *UMEC* dan Pusat Kebudayaan UM. UM turut Meyambut Tahun Pengkomersilan Malaysia (*MCY*) anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (*MOSTI*) dengan sidang kemuncak pada 8-9 Disember 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (*KLCC*). *MCY 2016* bertujuan meningkatkan penyelidikan, pembangunan dan inovasi (*R, D & I*) dalam kalangan institusi penyelidikan tempatan dan universiti sebagai penjana kekayaan melalui pengkomersialan. UM mengambil bahagian di bawah empat kelompok dengan produk termasuk:

- Teknologi Industri: teknologi *Solar powered mobile ultrafiltration unit*
- Bioteknologi / Agriculture: teknologi diagnostik udang *Prawn Checker*
- Perubatan dan Kesihatan: teknologi informasi *OT Medcom-OR* dan *Flat Fibre Dosimeter*
- Elektronik & Teknologi Nano: teknologi *Hydrogen Power Generator*

4.5.3. Program CEO @ Fakulti (CFP) KPT 2016

Universiti Malaya menyokong penuh inisiatif CFP Kementerian Pengajian Tinggi dan telah menerima empat orang Ketua Pegawai Eksekutif sebagai CEO Fakulti Program di UM. CEO Fakulti yang dihos oleh UM terdiri daripada CEO *TM Berhad* iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Zamzamairani Mohd Isa, Ketua Pegawai Eksekutif *KWSP*, Y.Bhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan, Ketua Pegawai Eksekutif *Maybank* Y.Bhg. Datuk Abdul Farid Alias dan Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia, Y.Bhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Objektif utama dan hasil daripada inisiatif CFP adalah CEO menjadi ikon kepada pelajar dan meningkatkan kurikulum sedia ada melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik dengan tagline "*Learn from the Pros*". Keberhasilannya adalah peningkatan kebolehpasaran siswazah dengan meningkatkan pengalaman pembelajaran. Penglibatan industri adalah penting dalam melahirkan graduan yang mempunyai ciri keusahawanan, holistik dan seimbang. Keduanya adalah untuk meningkatkan penyertaan sektor industri sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada pemimpin industri. Akhir sekali adalah untuk merealisasikan integrasi dan sinergi antara pakar industri dengan penyelidik universiti dan pelajar dari segi ekosistem inovasi. Di sepanjang tahun 2016, UM telah menganjur lebih daripada 12 program melibatkan CEO Fakulti UM.

4.6. KOMUNITI DAN KELESTARIAN

Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti dan program telah berjaya dilaksanakan oleh Pusat Komuniti & Kelestarian Universiti Malaya (*UMCares*) dalam membantu pihak universiti menyalurkan pemindahan ilmu atau teknologi kepada masyarakat. Keberkesanan program jalinan masyarakat ini dapat dilihat apabila program dan aktiviti yang dianjurkan oleh staf akademik Universiti Malaya diiktiraf oleh badan tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah program *Fraser's Hills Nature Club* yang menerima anugerah '*Regional Centre of Expertise (RCE) Recognition Award*' dari Universiti United Nations. RCE merupakan jaringan antarabangsa yang memberi fokus kepada pendidikan untuk pembangunan mampan (*Education for Sustainable Development*). Selain itu, projek *Kedai Jalanan* yang dikelolakan oleh Dr. Rusalina Idrus dari Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial turut menerima anugerah *The Star-Gamuda Inspiration Award* oleh akhbar *The Star*.

UMCares turut berbesar hati di atas kepercayaan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama yang telah menjalin hubungan melalui Perjanjian Persefahaman dalam satu upacara khas di Universiti Malaya. Melalui kerjasama ini, anggota Kelab Sahabat UM telah bertambah kepada 80 buah sekolah termasuk sekolah dari Petaling Utama dan sekitar kawasan Lembah Klang. Ini adalah hasil daripada usaha gigih semasa menjalankan projek Kelab Sahabat melalui kerjasama di antara staf akademik UM, guru dan murid sekolah.

Pada tahun ini, bilangan permohonan geran jalinan komuniti (*Community Engagement Grants*) meningkat sebanyak 110% yang membuktikan minat penyarah dalam projek berasaskan komuniti. Sebanyak 65 geran telah berjaya diagihkan kepada para penyarah yang mewakili 16 PTJ daripada keseluruhan 17 PTJ di Universiti Malaya. Selain daripada dana dalaman, UMCares telah berjaya memperoleh dana luaran sebanyak RM 930,000.00 dan ihsan melalui pelbagai program kerjasama di antara UM dan pihak luar. Sumbangan dana turut diterima melalui lapan projek di bawah Geran *University Community Transformation Centre (UCTC)* dan tiga projek di bawah geran *Knowledge Transfer Programme* oleh Kementerian Pengajian Tinggi, TESCO Malaysia melalui program pendidikan bahasa Inggeris dan teknologi maklumat untuk kanak-kanak Palestin dan Program *Asian Student Environmental Platform* anjuran AEON Environmental Foundation Japan.

Persidangan Akademia Komuniti Universiti Malaya telah julung kali diadakan dalam usaha memberi peluang perkongsian ilmu di kalangan staf akademik di UM dan pendedahan kepada pihak luar mengenai projek komuniti yang telah dijalankan. Majlis Anugerah Jalinan Komuniti Universiti Malaya telah pertama kali diadakan untuk memberi penghargaan kepada para pemegang geran jalinan komuniti 2015 yang berjaya melaksanakan projek berimpak tinggi. Pada tahun 2016, beberapa projek berimpak tinggi telah dijalankan termasuk *Projek Rehabilitation Ambulatory Team (REHAT)* kelolaan Dr. Lydia Abdul Latif dari Fakulti Perubatan yang memberi khidmat rehabilitasi dan kaunseling pemulihan kepada pesakit neurologi secara percuma. Melalui bantuan rakan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebuah pusat operasi

rehabilitasi telah dibina di Flat Seri Perak, Sentul. Projek *New Leaf* yang dikendalikan oleh Dr. Zuraidah Abdullah dari Fakulti Pendidikan telah memberi peluang kedua kepada murid yang tercicir untuk menguasai semula pembelajaran literasi dan numerasi di samping berjaya memberi pendedahan kepada pelajar Universiti Malaya yang bakal bergelar guru. Projek ini juga telah berjaya merangkul anugerah dalam kategori Jalinan Masyarakat bersempena Anugerah Cemerlang Universiti Malaya.

Dalam memenuhi perkhidmatan jalinan masyarakat secara holistik, program *UM Community Fair* telah diadakan secara bulanan untuk memberi ruang kepada warga universiti memperoleh pendapatan tambahan dan membuka peluang perniagaan kepada peniaga FAMA, NAFAS dan NEKMAT. Program ini telah berjaya menunjukkan pertambahan kepada bilangan tapak sebanyak 50% dari tahun 2015. Penganjuran Program *Fat to Fit 3.0* dengan kerjasama daripada Pusat Sukan, Fakulti Perubatan dan Fakulti Sains yang dijalankan atas keprihatinan terhadap kesihatan dan kecerdasan kakitangan Universiti Malaya. Program ini mendapat sambutan yang baik dari staf UM di mana pada tahun 2016 jumlah penyertaan telah meningkat sebanyak 22% berbanding tahun 2015. Rekod penurunan berat badan paling tinggi pada tahun ini adalah sebanyak 19.3 kg.

Dari segi inisiatif penjaan pendapatan, UMCares telah mengambil langkah mewujudkan program yang dikenali sebagai *UM Tropical Camp*, satu pakej pembelajaran biodiversiti hutan hujan tropika di Pusat Pengajian Luar UM, di Ulu Gombak dengan kerjasama daripada Institut Sains Biologi dan Fakulti Sains Universiti Malaya. Sambutan terhadap pakej ini amat memberangsangkan dan sehingga Disember 2016, sebanyak sembilan program *UM Tropical Camp* telah berjaya dikendalikan yang melibatkan sekolah harian awam (SMK Damansara Jaya, SMK Bandar Utama 3) dan sekolah swasta (Setia Budi, Seri Insan Borneo) serta pelajar antarabangsa daripada Korea dan Jepun. Keterlibatan UM dalam program komuniti telah berjaya dipaparkan melalui media termasuk akhbar The STAR, Utusan Malaysia, KOSMO, Berita Harian, Harian Metro, siaran langsung Selamat Pagi Malaysia di RTM dan sesi temubual oleh Radio BFM.

5. HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI





5.1. LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Rohana Yusof

Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau singkatannya HEP diwujudkan pada tahun 1975 berikutan pengenalan dan penguatkuasaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Naib Canselor dan dibantu oleh seorang Timbalan Pendaftar serta beberapa orang pegawai kanan (bertanggungjawab sebagai ketua seksyen) dan pegawai pentadbir.

Di universiti, Bahagian ini berfungsi menguatkuasakan Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 1979 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 di samping beberapa peruntukan lain di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang berkaitan dengan pelajar. HEP telah diberikan semula tanggungjawab menguruskan Alumni. Selaras dengan itu, HEP dikenali semula sebagai Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).

Pada tahun 2016, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah mengukuhkan kelancaran pengurusan daripada segi pentadbiran seiring dengan teknologi maklumat masa kini. Antara pengukuhan sistem maklumat yang telah dilakukan adalah:

- Proses kelulusan kegiatan dan pemantauan projek dalam talian.

- Penghasilan transkrip ko-kurikulum bagi aktiviti pelajar.
- Sistem pengurusan tatatertib pelajar.
- Sistem tempahan bas secara dalam talian.

HEPA juga turut mempromosikan kepelbagaian budaya dalam projek yang dianjurkan. Ini terbukti apabila 70% daripada jumlah projek/aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar telah memenuhi keperluan tersebut. Bidang keusahawanan juga turut mengikut arus pembangunan sahsiah pelajar apabila pelbagai program dilaksanakan. Ini meliputi penglibatan pelajar dalam kursus, penyertaan industri dan penghasilan graduan yang berminat di dalam bidang keusahawanan ini.

Kejayaan pelajar juga direkodkan dan seperti tahun-tahun terdahulu, pasukan Debat adalah antara penyumbang utama dalam kecemerlangan pelajar sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa.



5.2. KEMUDAHAN PELAJAR

5.2.1. Penginapan

Universiti Malaya mempunyai 12 buah kolej kediaman di dalam kawasan kampus Universiti Malaya dan sebuah di kampus Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan. Jumlah pelajar ini merangkumi 55% pelajar ijazah pertama. Ini adalah kerana kesemua pelajar Tahun 1 diwajibkan menginap di kolej kediaman yang terletak di dalam kawasan kampus.

Pelajar Pasca Siswazah juga diberi peluang untuk menginap di kolej-kolej kediaman dengan kadar RM10.00 sehari bagi setiap pelajar. Kemudahan tersebut adalah untuk 3 orang sebilik. Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar Pasca Siswazah di kolej kediaman adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

Jadual 5.1: Senarai Kolej Kediaman Universiti Malaya

Bil.	Senarai Kolej Kediaman	Kapasiti Pelajar
1.	Kolej Kediaman Pertama (Tunku Abdul Rahman)	818
2.	Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)	745
3.	Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah)	703
4.	Kolej Kediaman Keempat (Bestari)	687
5.	Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)	847
6.	Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)	886
7.	Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)	837
8.	Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)	892
9.	Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)	1,025
10.	Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)	563
11.	Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)	1,160
12.	Kolej Kediaman Keduabelas (Raja Dr. Nazrin Shah)	2,990
13.	Kolej Kediaman Nilam Puri	783
JUMLAH		12,610

Unit Penginapan diterajui oleh seorang Pegawai dan dua orang staf. Pengurusan Kolej Kediaman ini bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar penginapan yang ditetapkan oleh Universiti dengan kerjasama kolej-kolej kediaman.

Antara fungsi dan bidang tugas Pengurusan Kolej Kediaman:

- (a) Mengurus dan menyelaras penempatan di kolej kediaman untuk pelajar baru Ijazah Pertama.
- (b) Mengurus dan menyelaras hal ehwal belanjawan dan kewangan kolej-kolej kediaman.
- (c) Mengurus dan menyelaras projek pembangunan, penambahbaikan serta penyelenggaraan kolej-kolej kediaman.
- (d) Mengurus hal ehwal pelantikan Felo dan Pembantu Felo kolej kediaman.
- (e) Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa/Mesyuarat berikut:
 1. Mesyuarat Dewan Asrama-Asrama
 2. Jawatankuasa Pengetua Kolej Kediaman
 3. Jawatankuasa Pembangunan dan penyelenggaraan Konsortium Kolej Kediaman

Setiap kolej kediaman diketua oleh seorang Pengetua dan dibantu oleh beberapa orang Penyelia dan kakitangan pentadbiran. Terdapat 3 Jawatankuasa yang merangka, melaksana dan menyelaras fungsi kegiatan pelajar di Kolej Kediaman. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:

1. Jawatankuasa Induk Kolej Kolej Kediaman (JIK).
2. Jawatankuasa Tindakan Kolej Kolej Kediaman (JTK).
3. Jawatankuasa Kerja Perkembangan (JKP).

5.2.2. Pengangkutan

1. Ringkasan

Dokumen ini menerangkan mengenai Perkhidmatan Bas UM di bawah urus tadbir Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA). Ianya juga menerangkan tentang rekod perkhidmatan Shuttle Bus yang menggunakan perkhidmatan bas daripada syarikat luar (Nadi Putra). Selain itu ianya turut merangkumi rekod tempahan/penggunaan bas bagi kerja lapangan (luar kawasan) yang digunakan oleh PTJ atau pelajar beserta dengan penyelenggaraan secara ringkas bas-bas milik UM.

2. Pengenalan & Latar Belakang Perkhidmatan Bas UM

(a) Perkhidmatan Umum

Urusan Pengangkutan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (UP) beroperasi sejak 1970-an lagi dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada pelajar dan kakitangan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

1. Perkhidmatan Bas Ulang-Alik (*Shuttle*);
2. Pengajaran dan Penyelidikan;
3. Persatuan Badan Pelajar;
4. Program Fakulti dan PTJ;
5. Program-program Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Program-program Agensi Kerajaan; dan
7. Kebajikan pelajar dan staf (perkahwinan/sakit/kematian)

Perkhidmatan yang disediakan tidak terhad kepada perkhidmatan sokongan di dalam kampus sahaja, UP turut bertanggungjawab memberikan bantuan sokongan terhadap agensi kerajaan dan kementerian yang berkaitan. Namun begitu, fokus utama perkhidmatan yang disediakan oleh UP adalah menyediakan perkhidmatan *shuttle bus* bagi kegunaan pelajar. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma kepada semua pelajar mulai Semester 1, Sesi 2013/2014 tanpa had penggunaan. Pelajar hanya perlu mempamerkan kad matrik pelajar semasa menggunakan perkhidmatan ini.

UP mempunyai 21 buah bas pelbagai jenis dan disokong oleh 10 buah bas yang diperolehi dari sewaan dari syarikat luar (Nadi Putra) yang menjadikan keseluruhan bas UP berjumlah 33 buah. Staf UP terdiri dari seorang pegawai, seorang pembantu tadbir dan 25 pemandu. Sebarang tempahan bas untuk tujuan aktiviti/kajian luar kawasan boleh dilakukan melalui laman sesawang Universiti Malaya (www.vmis.um.edu.my). Penambahbaikan juga sering dijalankan seiring dengan keperluan pelajar dan universiti dari masa ke semasa.

(b) Perkhidmatan *Shuttle Bus*

Perkhidmatan *shuttle bus* yang disediakan ini meliputi lima (5) laluan yang berbeza bagi memberikan ruang perkhidmatan yang menyeluruh kesemua kawasan dalam dan luar kampus universiti seperti berikut:

Jadual 5.2: Laluan *Shuttle Bus*

LALUAN	KOLEJ/PERUMAHAN	CATATAN
A	KK3/4/7/8/10	Dalam Kampus
B	KK5/11/12	Dalam Kampus
C	Pantai Dalam	Luar Kampus
D	Rumah Antarabangsa/ Seksyen 17	Luar Kampus
E	KK9	Dalam Kampus

**Jadual 5.3: Laluan & Waktu Operasi Shuttle Bus**

ISNIN - JUMAAT	LALUAN	MASA MULA	MASA TAMAT	JARAK
	Laluan A, B, & E (Dalam Kampus)	7.20 pagi	8.00 malam	20 minit/bas
		8.30 malam	11.30 malam	1 jam/bas
	Laluan C & D (Luar Kampus)	7.20 pagi	10.20 pagi	30 minit/bas
10.30 pagi		8.00 malam	30 minit/bas	
8.30 malam		11.30 malam	1 jam/bas	

SABTU, AHAD, CUTI SEM & CUTI UMUM	LALUAN	MASA MULA	MASA TAMAT	JARAK
	Laluan A, B, & E (Dalam Kampus)	8.00 pagi	8.00 malam	1 jam/bas
	Laluan C & D (Luar Kampus)	8.00 pagi	8.00 malam	1 jam/bas

5.2.3. Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus & Kesukarelawanan (ULK)

ULK telah ditubuhkan bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar Universiti Malaya yang tinggal di luar kampus dan menggalakkan program pembangunan sahsiah mereka selain menggalakkan program pembudayaan kesukarelawanan kepada pelajar Universiti Malaya.

Jumlah pelajar luar kampus adalah kira-kira seramai 3,000 orang pelajar (Ijazah Dasar) iaitu dianggarkan sebanyak 25% daripada jumlah keseluruhan (ijazah dasar). Unit ini telah membuat penambahbaikan pada Sistem ISIS bagi memudahkan capaian data pelajar luar kampus lebih teratur dan tersusun. Pembahagian penginapan pelajar dibahagikan kepada dua belas zon utama merangkumi kawasan Pantai Dalam, Kerinchi, Bangsar, Seksyen 12, 14, 16 dan 17 Petaling Jaya dan Kawasan SS2 Petaling Jaya serta lain-lain kawasan.

Sehubungan itu, pihak Universiti Malaya telah memperuntukkan seorang Penolong Pendaftar Kanan sebagai Ketua Unit ini dan pada bulan Jan 2017 seorang Penolong Pegawai Tadbir telah dilantik ke jawatan tetap. Ini bertujuan bagi membantu dalam urusan pemantauan kegiatan pelajar luar kampus dan program pembangunan sahsiah pelajar semasa waktu pejabat dan di luar waktu pejabat di samping tugas lain yang penting. Unit ini juga dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir bagi menguruskan aktiviti sukarelawan peringkat universiti, komuniti dan kebangsaan. Selain itu, Unit ini telah melantik tiga (3) orang Felo Luar Kampus bagi menjaga Zon sekitar tempat tinggal pelajar luar kampus.

Selain itu, unit ini telah melantik agensi luar iaitu *Hostel Hunting* dengan persetujuan Naib Cancellor. Syarikat ini akan membantu Universiti Malaya menyediakan perkhidmatan mencari penginapan di luar kampus untuk pelajar UM.

Unit ini juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus (JPLK) yang dianggotai seramai 17 orang pelajar luar kampus (2016) dan telah berusia empat (4) tahun penubuhan. Dalam tempoh ini, kegiatan pelajar luar kampus sangat aktif melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan penglibatan dalam aktiviti Universiti sama ada dalam waktu pejabat mahu pun di luar waktu pejabat. Senarai aktiviti pelajar luar kampus anjuran unit dan dengan kerjasama JPLK sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jadual 5.4: Senarai Aktiviti Pelajar Luar Kampus

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Iklan JPLK Pelanjutan Temuduga	28 Jan -29 Feb 2016 7 April-15 April 2016 29 April 2016	UMMail, FB SELC, KPS
2.	Majlis Kesyukuran Atlet SUKMUM 2015 - Pasukan Luar Kampus	2 Jan 2016	Gazebo, KPS
3.	Pusat Bimbingan Komuniti "Smart Tutor 2016"	2 Mac -15 Okt 2016	Bilik Seminar KPS, UM
4.	RoadShow Luar Kampus 1/2016 (Ziarah Mesra)	3 April 2016	Zon P.Dalam
5.	Malam Anugerah Luar Kampus	29 Mei 2016	Rumah Tamu Datin Halijah, Sentul

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
6.	FESENI – Pasukan ULK	1–15 Mac 2016	Audi, KPS
7.	SURVIVAL LUAR KAMPUS SIRI 9	18 – 20 Mac 2016	Kela Adv Camp, Raub Pahang.
8.	Siswa Cakna Komuniti (Jejak Gelandangan)	31 April 2016	Kota Raya, Pudu Raya dan sekitar Bangkok Bank
9.	Malam Anugerah Siswa Luar Kampus	29 Mei 2016	Rumah Tamu Datin Halijah, Sentul
10.	Majlis Berbuka Puasa	13 Jun 2016	Dewan Perdana 3, KPS
11.	<i>Off-Campus</i> Kopitiam	11 Mac 2016	SELC, KPS
12.	Jelajah Kesukarelawanan & Keusahawanan Beijing 2016	31 Julai – 5 Ogos 2016	Beijing, China
13.	<i>Roadshow</i> Luar Kampus 6.0 (kali ke 2/2016)	9 Oktober 2016	Petaling Jaya
14.	<i>OC GOT TALENT</i>	23 November 2016	Dewan Perdana 4, KPS
15.	Pembukaan Booth sempena “Minggu Promo” Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus 2016/2017	17 – 19 Okt 2016	Perkarangan KPS-Gazebo (Bersebelahan Student Mall)
16.	Majlis Penutup Program PUSAT BIMBINGAN KOMUNITI (PBK) “UM SMART TUTOR 2016”	22 Okt 2016	Dewan Perdana 1, KPS
17.	SUKMUM 2016 - Pasukan Luar Kampus	19 Nov - 18 Dis 2016	UM - Klang - PJ - KL
18.	Majlis Kesyukuran Atlet & Solat hajat	30 Dis 2016	Gazebo, KPS & Surau KPS

Jadual 5.5: Aktiviti Kesukarelawanan

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Perancangan Statergik SEKRUM/Sukarelawan 2016	27 & 27 Feb 2016	Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang Sepang
2.	Kursus Asas Sukarelawan 7	4 – 6 Mac 2016	Nova Hotel, Cameron Highland
3.	Misi kemanusiaan Antarabangsa Kemboja 2.0	9 – 15 April 2016	Kemboja
4.	<i>Volunteering at Zoo</i>	1 April 2016	Zoo Negara
5.	<i>UM for Rohingya & Syria</i>	16 Mac – 25 Mei 2016	UM & Sekitar Kawasan Lembah Klang
6.	<i>Surau Hunters</i>	9 Apr – 31 Ogos 2016	Surau di Kolej-Kolej Kediaman, UM
7.	<i>Neymar Jr. Five National Finals</i>	14 Mei 2016	Universiti Malaya
8.	Sukaneka Tabika Kemas	22 Mei 2016	Padang MBPJ
9.	Mesra Kemboja bersama MASKUM & SEKRUM 2.0	15 – 17 Julai 2016	Kemboja
10.	Misi Sukarelawan Siswa YSS- Asean 2016	28 Jul – 11 Ogos 2016	Tawau, Sabah
11.	Misi Sukarelawan Siswa YSS- Asean 2016	7 Jul – 13 Ogos 2016	Vietnam
12.	Kursus Transformasi Sukarelawan Universiti Awam (UA) 2016	5 – 7 Ogos 2016	Kem Kongkoi, Jelevu, N. Sembilan
13.	Kursus Asas Sukarelawan 8	11 – 13 Nov 2016	Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang
14.	Program HAVOC, Anjuran ALPHA	24 – 27 Nov 2016	Kampung Tualang, Beruas, Perak
15.	<i>Surau hunters 3.0</i>	12 Nov 2016 - 30 Jul 2017	Universiti Malaya
16.	Seminar & Misi Sukarelawan MASKUM 2016 sempena Hari Sukarelawan Sedunia	2 – 4 Dis 2016	UTeM
17.	Temuduga Program YSS	3 & 4 Dis 2016	KPT, Putrajaya



Melalui program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016, pelajar-pelajar luar kampus Universiti Malaya telah semakin rapat dengan HEPA dan mereka mengetahui lebih mendalam berkaitan peranan-peranan Bahagian ini khususnya dan fungsi-fungsi Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus amnya. Selain itu juga, program kesukarelawanan yang dijalankan oleh Unit telah melahirkan ramai para sukarelawan yang bukan sahaja aktif mengadakan program dalam negara, malah sudah ramai yang menggerakkan program ke luar negara. Sekali lagi pada tahun 2016, dua orang pelajar UM telah terpilih menyertai program YSS ke Vietnam dan Sabah.

Pelbagai program yang dirancang dan bakal diadakan pada tahun 2017 yang mana ianya dijangka lebih baik dan teratur serta dapat memberikan impak positif kepada pelajar sekaligus mempromosikan perkembangan holistik pelajar yang kemudiannya boleh menyumbang kepada universiti.

5.3. KEWANGAN DAN BIASISWA PELAJAR

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 70 penaja dari pihak kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan, swasta serta orang perseorangan telah menawarkan biasiswa, pinjaman dan dermasiswa kepada 10672 orang pelajar Universiti Malaya. Antara penyumbang utama bantuan kewangan kepada pelajar Universiti Malaya adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Jadual 5.6: Senarai Penaja bagi Biasiswa dan Dermasiswa untuk Tahun 2016

Penaja	Bilangan Pelajar
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	2,226
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	773
Yayasan KUOK	44
Majlis Agama Islam Negeri-Negeri	49
Tun Tan Cheng Lock	98
Kerajaan Negeri Sabah	88
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	56
Kumpulan Wang Pelajaran Tinggi Raja-Raja & Gabenor	16
Petronas	28
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	17
Kementerian Belia & Sukan	16
Renong Group Scholarship	38
Overseas Chinese Banking Corporation	5
Yayasan Khazanah Scholarship	10
Sime Darby Berhad	15
Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman	30
Majlis Agama Islam Selangor	18
Lain-lain	167

Jadual 5.7: Senarai Penaja bagi Pinjaman untuk Tahun 2016

Penaja	Bilangan Pelajar
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	4,741
Kerajaan Negeri	114
Yayasan	53
Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Malaya (Pinjaman Penuntut)	7
Lain-Lain	668

5.3.1. Insurans Pelajar

Dengan bayaran serendah RM12 setahun, pelajar-pelajar Universiti Malaya, Warganegara Malaysia yang berdaftar (Ijazah Pertama, Ijazah Tinggi dan Asasi) adalah dilindungi di bawah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok.

Jadual 5.8: Skop & Amaun Perlindungan

Bil.	Skop Perlindungan	Amaun Perlindungan (RM)
1.	Kematian (Sakit)*	10,000.00
2.	Kematian (Akibat Kemalangan)	25,000.00
3.	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Sakit)	10,000.00
4.	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Akibat Kemalangan)	25,000.00
5.	Keilatan Separa Kekal (Akibat Kemalangan)	25,000.00
6.	Perbelanjaan Perubatan (Akibat Kemalangan)	1,500.00
7.	Perbelanjaan Pengkebumian	1,000.00
8.	Manfaat Wad Hospital (Akibat Kemalangan)	1,500.00
9.	Kos Penghantaran Pulang (Akibat Kemalangan)	1,000.00

* tidak termasuk kematian yang disebabkan oleh penyakit AIDS dan bunuh diri

(b) Prosedur Tuntutan Bagi Kemalangan atau Kesakitan

Sekiranya berlaku kemalangan atau kesakitan, pelajar atau waris hendaklah:-

- i. Memaklumkan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaya secepat mungkin.
- ii. Menghubungi pegawai atau staf bertanggungjawab yang akan menguruskan tuntutan insurans.
- iii. Mengisi maklumat berdasarkan Senarai Semak dan menyertakan dokumen sokongan berkaitan. Borang yang tidak lengkap dan tidak disertakan dokumen sokongan berkaitan tidak akan diterima.
- iv. Dokumen sokongan hendaklah difotostat menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan 'Salinan Disahkan Benar' oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas daripada Akademi/Fakulti/Pusat yang berkenaan atau pegawai lain di luar universiti dengan kelayakan yang sama.
- v. Mengemukakan tuntutan insurans kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni dalam masa 6 bulan daripada tarikh kemalangan atau ditimpa kesakitan.

(c) Prosedur Tuntutan Bagi Kematian

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, waris hendaklah:-

- i. Mengikuti prosedur tuntutan bagi kemalangan atau kesakitan seperti di perenggan (b) (i) hingga (vi) seperti di atas.
- ii. Mengemukakan surat permohonan tuntutan insurans kepada Pejabat Am Hal Ehwal Pelajar & Alumni berserta salinan Sijil Kematian.

5.4. HAL EHWAL PERUNDANGAN PELAJAR

Pada tahun 2016 Hal Ehwal Perundangan Pelajar telah menguruskan beberapa kes pembicaraan tatatertib pelajar dan rayuan tatatertib pelajar menurut peruntukan di bawah kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Akta Kolej Universiti 1971.

Jadual 5.9: Kes Pembicaraan dan Rayuan Tatatertib Pelajar

Bil.	Kes	Laporan Kes	Bersalah	Tidak Bersalah	Rayuan Kes
1.	Larangan Am	8	8	-	8
2.	Kelakuan Semasa Peperiksaan	20	20	-	15
3.	Menganjurkan/ Menghadiri Perhimpunan	4	4	-	4



5.5. AKTIVITI BADAN-BADAN PELAJAR

Pada tahun 2016, sebanyak 346 aktiviti pelajar yang telah dianjurkan oleh lebih kurang 70 badan-badan pelajar berdaftar yang bergerak aktif termasuk sekretariat, badan beruniform dan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaya (MPPUM) yang mana telah mendapat kelulusan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Aktiviti tersebut meliputi aspek akademik, kemasyarakatan/kebajikan, sosial, sukan, keagamaan/kerohanian, latihan, kebudayaan/kesenian, keusahawanan dan hobi/rekreasi.

Kecenderungan pelajar mengadakan aktiviti yang bercorak akademik, kemasyarakatan/kebajikan, keagamaan/kerohanian dan sosial adalah lebih tinggi berbanding aktiviti lain. Selain daripada itu, aktiviti seperti seminar, konvensyen, lawatan sambil belajar dan kelas-kelas akademik menjadi program pilihan kebanyakan badan-badan pelajar. Aktiviti bercorak sosial pula adalah seperti majlis pertemuan, interaksi, lawatan sosial dan makan malam turut menjadi program tahunan bagi setiap badan pelajar.

Pecahan kategori aktiviti anjuran badan-badan pelajar adalah seperti maklumat berikut:-

Jadual 5.10: Kategori Aktiviti Anjuran Badan-Badan Pelajar

Kategori	Bilangan
Akademik	79
Kemasyarakatan/Kebajikan	67
Keagamaan/Kerohanian	57
Sosial	51
Kebudayaan/Kesenian	23
Sukan	20
Hobi/Rekreasi	18
Latihan	17
Keusahawanan	14
Jumlah	346

Penganjuran Minggu Promosi Badan Pelajar kali Keempat Belas (14) juga dikenali sebagai PROMO masih diteruskan pada tahun 2016, tradisi ini berterusan sejak dari tahun 2003. PROMO merupakan acara tahunan HEPA di samping untuk memperkenalkan, menggalakkan & menanam minat seluruh pelajar Universiti Malaya bagi menganggotai Badan-Badan Pelajar Berdaftar. Program tersebut telah diadakan pada 17 – 19 Oktober 2016, bertempat di Dataran Gazebo, Kompleks Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya.

Sebanyak 40 buah badan pelajar & sekretariat telah menyertai promo pada tahun ini.

Sempena PROMO kali ini, HEPA telah membuat satu pembaharuan dengan memberi peluang kepada badan-badan pelajar untuk menunjukkan bakat untuk membuat persembahan secara langsung pada sebelah malam bagi menarik minat & memperkenalkan persatuan masing-masing kepada umum.

Selain itu, HEPA juga mengadakan pertandingan 'booth' pameran terbaik bagi memberi saingan yang sihat di antara badan-badan pelajar yang terlibat untuk mempromosikan badan pelajar masing-masing serta memaklumkan aktiviti-aktiviti yang bakal dan telah dijalankan kepada warga kampus. Program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada badan-badan pelajar dan ia juga dapat menggalakkan penyertaan mahasiswa/i Universiti Malaya untuk menyertai badan pelajar tersebut sebagai ahli, seterusnya bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan.

PROMO 2016 telah diadakan bersama-sama Festival Konvokesyen Universiti Malaya 2016 di mana ia telah dijadikan sebahagian daripada tarikan dalam festival ini dan secara tidak langsung menarik minat pelajar terutamanya tahun pertama untuk terlibat dalam acara yang dianjurkan.

Kursus Kemahiran Pengurusan Organisasi Badan Pelajar Berdaftar Universiti Malaya Sesi 2016/2017 telah diadakan pada 21 hingga 23 Oktober 2016 di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka. Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pemimpin badan pelajar terhadap peruntukan Statut Universiti Malaya (Badan-badan Pelajar 1979) yang mesti dipatuhi dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan badan pelajar. Di samping itu juga pemimpin pelajar akan diberi pendedahan tentang prosedur-prosedur berurusan dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni berkaitan dengan aktiviti badan pelajar.

Badan pelajar yang terlibat dalam kursus ini telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Sesi 2016/2017 dan penyertaan hanya dibuka kepada Majlis Eksekutif sahaja. Seramai 83 orang pemimpin badan pelajar telah hadir ke kursus tersebut. Kursus seumpama ini juga diadakan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada mereka yang menerajui sesebuah organisasi.

5.6. PENGURUSAN LATIHAN PELAJAR

Pengurusan Latihan Pelajar HEPA dibentuk atas dasar untuk menyediakan dan memantapkan tahap latihan mahasiswa Universiti Malaya. Latihan yang disediakan adalah sebagai program sokongan kepada pembelajaran yang diperolehi di fakulti.

Berdasarkan kepada keperluan Latihan Pembangunan, Perkembangan, Pengurusan dan Pengiktirafan Diri Mahasiswa, Urusan Latihan Pelajar telah merangka beberapa program untuk keperluan mahasiswa Universiti Malaya. Program yang ditawarkan akan dimaklumkan secara berkala melalui notis-notis yang ditampalkan di seluruh kampus universiti ataupun dimaklumkan kepada pihak Pengetua Kolej-Kolej Kediaman.

Pada tahun 2015, Urusan Latihan Pelajar telah melaksanakan beberapa program untuk pelajar-pelajar Universiti Malaya sesi 2015/2016 dan sesi 2016/2017. Maklumat kursus adalah seperti berikut:

Jadual 5.11: Program Pelajar Sesi 2015/2016 dan Sesi 2016/2017

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat	Peserta
1.	26 – 28 Februari 2016	Program Transformasi Minda (Pemantapan Kepimpinan) Mahasiswa Universiti Malaya	Kem Nur Lembah Pangsun, Hulu Selangor, Selangor	31 orang
2.	26 – 28 Februari 2016	Bengkel Pemantapan Organisasi MPPUM Sesi 2015/2016	Suria Hill, Bentong, Pahang	30 orang
3.	4 - 6 Mac 2016	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama Sesi 2015/2016 – Fasa 3	Taman Negara, Pahang	49 orang
4.	11 – 13 Mac 2016	Program Jati Diri Khas Mahasiswa Tahun Pertama sesi 2015/2016	Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan	90 orang
5.	18 – 20 Mac 2016	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama Sesi 2015/2016 – Fasa 4	Taman Negara, Pahang	49 orang
6.	1 – 3 April 2016	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama Sesi 2015/2016 – Fasa 5	Taman Negara, Pahang	49 orang
7.	8 – 13 April 2016	Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa Siri 1 & 2 Anjuran Hal Ehwal Pelajar & Alumni bersama Biroataneegara, Jabatan Perdana Menteri	Kem Biroataneegara, Kuala Lipis, Pahang	353 orang
8.	15 – 17 April 2016	Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa (PM Senior) Siri 3	Taman Negara, Pahang	58 orang
9.	13 – 15 Mei 2016	Kursus Kepimpinan Pelajar Universiti Malaya sesi 2016/2017	Tasik Banding Resort, Perak	35 orang
10.	14 – 18 Julai 2016	Program Kembara Inspirasi: <i>Beyond Borders 2</i> Universiti Malaya Tahun 2016	Institut Teknologi Bandung, Indonesia	40 orang
11.	1 – 5 Ogos 2016	Kursus Pemudahcara Mahasiswa 2016/2017	Auditorium, Kompleks Perdanasiswa	393 orang
12.	14 – 16 Oktober 2016	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 1	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	105 orang
13.	28 – 30 Oktober 2016	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 2	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	113 orang
14.	4 – 6 November 2016	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 3	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	112 orang
15.	11 - 13 November 2016	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 4	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	113 orang
16.	18 - 20 November 2016	Kembara Inspirasi Mahasiswa Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 1	Taman Negara, Pahang	40 orang
17.	25 - 27 November 2016	Kembara Inspirasi Mahasiswa Universiti Malaya sesi 2016/2017 – Fasa 2	Taman Negara, Pahang	40 orang


Jadual 5.12: Seksyen Kaunseling & Kerjaya

Bil.	Tarikh & Masa	Program	Tempat	Status & Penglibatan
1.	8 Januari 2016	Pra-Bengkel Hala Tuju & Pelan Strategik SKK	Bilik Mesyuarat SKK, UM	Selesai Semua pegawai dan staff SKK
2.	14 Januari 2016	Bengkel Hala Tuju & Pelan Strategik SKK	Hotel One World, Petaling Jaya	Selesai Semua pegawai dan staff SKK
3.	18 Januari –21 Mac 2016	<i>University of Malaya Inclusive Map (UMIMAP)</i>	Universiti Malaya	Selesai Semua pegawai SKK, PTM, JPPHP, OSH, dan Kumpulan Pelajar PPKS
4.	15 Februari 2016	Kursus DET kepada Pelajar Tahun Ketiga Fakulti Pergigian UM	Fakulti Pergigian, UM	Selesai Semua pelajar tahun ketiga Fakulti Pergigian UM
5.	22 Februari 2016	Sesi Pengenalan <i>CP16 Committee</i>	Bilik Mesyuarat SKK, UM	Selesai 14 orang pelajar
6.	24 Februari 2016	<i>CP16 Committee Induction Course</i>	Bilik Mesyuarat SKK, UM	Selesai 14 orang pelajar
7.	26 – 28 Februari 2016	Bengkel TOT Modul HSM	KPS, Universiti Malaya	Selesai 3 orang pegawai UM, 6 orang pensyarah UM, 5 orang kaunselor pelatih UM, 4 orang pegawai UiTM, 4 orang kaunselor pelatih UiTM
8.	1 Mac 2016	Futsal bersama YB Dato' Seri Idris Jusoh	Gelanggang Futsal, Pusat Sukan, UM	Selesai 200 orang pelajar
9.	4 - 6 Mac 2016	Program Kaunseling Kelompok (Pelajar OKU)	Hotel The Aston, Nilai, Negeri Sembilan	Selesai 38 orang pelajar OKU
10.	11 – 13 Mac 2016	<i>Intensive Career Camp 2016 (ICC 2016) Phase 1</i>	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	Selesai 51 orang pelajar
11.	21 – 25 Mac 2016	<i>CP16 Road show</i>	KPS & Fakulti-Fakulti, Universiti Malaya	Selesai 34 orang pelajar
12.	23 Mac 2016	<i>Mind Setting HSM</i>	Fakulti Kejuruteraan, UM	Selesai 72 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan
13.	2 – 3 April 2016	Bengkel Kerohanian HSM Fasa 1 (Kumpulan 1)	Masjid Ar-Rahman, KL	Selesai 60 orang pelajar
14.	6 -7 April 2016	<i>Career Path 2016 (CP16)</i>	Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya	Selesai Penglibatan pegawai, dan staff SKK serta pelajar UM
15.	7 April 2016	<i>Career Talk (by CP16 Platinum Sponsors)</i>	DP1, KPS, Universiti Malaya	Selesai Penglibatan pegawai, dan staff SKK serta pelajar UM
16.	20 April 2016 8.30 pagi – 5.30 petang	Karnival 'Jom Santai Sehari Bersama OKU'	Auditorium, KPS, UM	Selesai 37 orang pelajar UM, 266 orang pelajar sekolah, dan 10 orang pelajar IPTA / IPTS
17.	20 April 2016	Motivasi Pembelajaran (HSM)	DK9, Fakulti Kejuruteraan, UM	Selesai 60 orang pelajar
18.	22 – 24 April 2016	Kaunseling Kelompok (HSM) 2016	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	Selesai 60 orang pelajar
19.	26 April 2016	<i>"How To Help Yourself" Workshop</i>	Dewan Perdana 1, KPS, UM	Selesai 26 orang pelajar
20.	29 April 2016	Program Kerjaya Bersama Industri 2016 : <i>The Boston Consulting Group Information Session</i>	Pusat Kanak-Kanak Kreatif Tengku Bainun, TTDI, KL	Selesai 40 orang pelajar
21.	5 Mei 2016	Mesyuarat Penyelarasan Rakan Siswa OKU	<i>The Zone</i> , SKK UM	Selesai 20 orang pelajar
22.	9 – 26 Mei 2016	<i>On Campus Interview 2016 (OCI16)</i>	Seksyen Kaunseling & Kerjaya, Universiti Malaya	Selesai 12 syarikat, pegawai, dan staff SKK serta pelajar UM

Bil.	Tarikh & Masa	Program	Tempat	Status & Penglibatan
23.	25 Mei 2016	<i>CP16 Appreciation Lunch</i>	Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor D.E	Selesai 30 orang pelajar
24.	26 Mei 2016	<i>Program TOT SKK Buddies 2016</i>	Dewan Perdana 1, KPS, UM	Selesai 17 orang pelajar
25.	27 Mei 2016	<i>Post Test HSM</i>	Seksyen Kaunseling & Kerjaya, KPS, UM	Selesai 60 orang pelajar
26.	3 Jun 2016	Kelas Pengendalian Mesin <i>Embosseser</i>	Makmal Perpustakaan Utama, Universiti Malaya	Selesai 15 orang pelajar
27.	27 Julai 2016	Bengkel Garis Panduan / <i>Standard Operation Procedure (SOP)</i> (Pengajaran & Pembelajaran)	Dewan Perdana 1, KPS, UM	Selesai 30 orang pelajar
28.	6 – 7 Ogos 2016	Bengkel Kemahiran Menolong & Isu-Isu Gangguan Mental Bagi Pengetua & Felo Kolej Kediaman Siri 1/2016	Hotel Avillion Admiral Cove, Prot Dickson, Negeri Sembilan	Selesai 31 orang peserta
29.	9 Ogos 2016	Kursus <i>Disability Equality Training</i> kepada Warga Universiti Malaya	Dewan Perdana 1, KPS, UM	Selesai 41 orang pelajar
30.	15 – 22 Ogos 2016	Kursus <i>Disability Equality Training</i> kepada Pemudahcara Kolej Kediaman	Kolej Kediaman UM	Selesai 190 orang peserta
31.	26 – 30 September 2016	<i>Roadshow Buddies SKK</i>	Kolej Kediaman UM	Selesai Penglibatan Pegawai dan staff SKK serta <i>Buddies SKK</i>
32.	4 Oktober 2016	<i>Open Day SKK</i>	Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya	Selesai Penglibatan Pegawai dan staff SKK, serta pelajar UM
33.	7 Oktober 2016	Majlis Pelancaran Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2016	Auditorium, KPS, UM	Selesai Penglibatan agensi kerajaan, Badan beruniform, Badan bukan kerajaan (NGO), dan warga Universiti Malaya
34.	8 – 9 Oktober 2016	<i>Intensive Class NVDA</i>	Perpustakaan Utama, UM	Selesai 10 orang pelajar OKU
35.	26 Oktober 2016	Bengkel <i>Review Garis Panduan / Standard Operation Procedure (SOP)</i> (Pengajaran dan Pembelajaran)	Bilik Mesyuarat SKK, UM	Selesai 26 orang pelajar
36.	18 - 20 November 2016	Kaunseling Kelompok Fasa 2/2016	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	Selesai Penglibatan semua pegawai, staff SKK, pelajar OKU UM, dan Rakan Siswa OKU UM
37.	23 November 2016	Bengkel Kemahiran Menolong & Isu-Isu Gangguan Mental bagi Penolong Pendaftar	Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) <i>Clubhouse</i>	Selesai Penglibatan semua Penolong Pendaftar UM
38.	25 – 27 November 2016	<i>Intensive Career Camp 2016 (ICC 2016) Phase 2</i>	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	Selesai Penglibatan pelajar-pelajar UM seramai 56 orang
39.	29 November 2016	<i>Tomorrow's Leader</i>	Dewan Perdana 1, Kompleks Perdana Siswa (KPS), UM	Selesai Penglibatan pelajar-pelajar UM seramai 91 orang
40.	15 Disember 2016	Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Universiti 2016	Auditorium Kompleks Perdana Siswa (KPS), Universiti Malaya	Selesai Penglibatan pegawai-pegawai dan staff-staff, serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan
41.	16 – 18 Disember 2016	Kem Persiapan Kerjaya Mahasiswa OKU Kebangsaan 2016	Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)	Selesai Penglibatan pegawai-pegawai dan staf-staf UM, serta pelajar OKU dari beberapa institusi pengajian tinggi



5.6.3. Program University of Malaya Entrepreneurship Centre (UMEC)

Jadual 5.13: Senarai Program Anjuran UMEC

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat
1.	9 Januari	Kursus <i>Agrotechnopreneur</i> – Penanaman Cendawan	Cendawan Global, Puchong
2.	21 Januari	<i>Design Thinking Masterclass</i>	Istitut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya
3.	5-7 Februari	Kursus <i>Agrotechnopreneur</i> – Penternakan Arnab	Ladang Goodtree Garden, Sepang, Selangor
4.	15-17 & 22-24 Februari	Kursus <i>Agrotechnopreneur</i> – Penternakan Ayam Kampung	Nuralis Agro Sdn Bhd, Serdang, Selangor
5.	24 Februari	Majlis Perasmian <i>FoodBox</i> UMEC	UMEC FoodBox, Universiti Malaya
6.	26-28 Februari	Kursus <i>Agrotechnopreneur</i> – Penternakan Ruminan (Lembu & Kambing)	Akademi Usahawan MJ Fatonah, Batang Berjuntai, Selangor
7.	26 – 27 Feb	<i>Commercial Rabbit Breeding Programme</i>	Bilik Seminar 1, Blok E, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya
8.	27 – 28 Februari	<i>UMEC Innovative Healthpreneur Workshop</i>	Jabatan Farmasi, Fakulti Perubatan UM
9.	2- 3 Mac	Taklimat <i>Public Private Research Network</i> (PPRN) kepada PKS	Siti Kitchen, Shah Alam, Selangor.
10.	5 Mac	<i>UMEC Innovative Healthpreneur Presentation</i>	Jabatan farmasi, Fakulti Perubatan UM
11.	19 Mac	Program Sehari Pendedahan Asas-Asas Pertanian Organik	MISA Agroecology Centre, Gombak.
12.	22 Mac	Taklimat PPRN bersama Usahawan-Usahawan Ampang	Ampang, Selangor
13.	25 Mac	<i>Vermicomposting Workshop</i> (Enactus UM, Myagrosis UM)	Universiti Malaya
14.	12 April	Taklimat PPRN bersama Usahawan Cheras	Ibis Hotel, Cheras
15.	April - Mei	<i>Enterwip Biznet Challenge</i> 2016 (UM-KWP)	Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya
16.	7 Mei	Seminar Sehari: Gaji Ke-2 Dengan Bisnes Spa Tanpa Kedai	Dewan Perdana 4, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya
17.	14 Mei	<i>Design Thinking One Day Immersion</i>	Purple Cube, Fakulti Kejuruteraan
18.	14-16 Mei	Taklimat Program Siswapreneur@PPRN	The Royale Bintang Resort and Spa Seremban, Negeri Sembilan
19.	24 Mei	Pertandingan Inovasi Mesra Alam (PIMA 2016)	Dewan Perdana 3, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya
20.	26 Mei	Majlis Makan Malam <i>Networking</i> Usahawan Siswa UM 2016	Armada Hotel, PJ
21.	28 Mei	<i>Program Business Sharing: Usahawan Muda Berjaya Menembusi Pasaran Hypermarket</i>	The Cube, Akademi Pengajian Islam UM
22.	4 Jun	<i>MAPAC Dare to Dream Bootcamp</i>	Dewan Perdana 1, Kompleks Perdanasiswa UM
23.	17 – 24 Jun	Bazar Ramadhan @KPS	Dataran Gazebo, Kompleks Perdanasiswa UM
24.	24-25 Julai	Siswapreneur@PPRN Bootcamp	Dewan Perdana 1, Kompleks Perdanasiswa UM
25.	8 – 12 Ogos	<i>MAPAC Kick Start Bootcamp</i>	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), PJ
26.	11 Ogos	<i>Design Thinking One Day Immersion</i>	The Green Cube, Faculty of Engineering, UM
27.	Ogos – September	<i>Enterwip Biznet Challenge</i> 2016 Siri 2	Auditorium Fakulti Alam Bina & Fakulti Sains UM
28.	23 Ogos – 26 Ogos	Siswapreneur@PPRN : Fasa 2	Kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya
29.	3 September – 1 Disember	<i>Mobile Apps Academy Accelerator Programme</i>	Bilik Seminar 1, KPS UM & Wisma Jemz Group, KL
30.	5 September	<i>Agro for Business</i> bersama Komuniti Taman Medan	Pusat Khidmat Rakyat Adun Kawasan Taman Medan, PJ

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat
31.	13-15 September	<i>Siswa in Social Enterprise</i> bersama Komuniti di Kuala Terengganu	Kilang Pemproses Isi Ikan (Filet) Kuala Terengganu
32.	21 September	<i>Talks on Young Social Entrepreneur</i>	Dewan Kuliah Lim Goh Tong, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan UM
33.	28 September	Projek Bedah Buku Agrobok UMEC	Bilik Mesyuarat HEPA, UM
34.	30 September	Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Siswa UM (KOPSUM)	Auditorium, Kompleks Perdanasiswa, UM
35.	23 Oktober	Program Pemindahan Ilmu Agro for Business@ Taman Medan	Pusat Latihan Usahawanita, Petaling Jaya
36.	5 November	Majlis Perasmian <i>Penutup Enterwip Biznet Challenge 2016</i>	Auditorium Alam Bina, UM
37.	5 – 6 November	<i>Young Entrepreneur Program</i>	Dewan Perdana 1, Kompleks Perdanasiswa UM
38.	November – Disember	<i>Enterwip Biznet Challenge 2016</i> Siri 3 Kelas 1-3	Makmal Komputer Fakulti Sains, UM

Jadual 5.14: Program Anjuran Jemputan

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat
1.	20-23 Januari	Konvensyen ASEAN <i>Student Entrepreneurship Network</i> (ASENet)	Universiti Sains Malaysia (USM), Penang
2.	21-25 Februari	<i>Espriex Business Model Competition</i> (EBMC) ASEAN	Universiti Bravijaya, Malang Indonesia
3.	5 April	Program Sembang Santai Francais	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)
4.	12-13 April	<i>“Corporate Directors Training Programme”</i> (CDTP) Siri II	Sudara Beach Resort, Bachok Kelantan
5.	16-17 April	<i>Asean Young Entrepreneurs Summit</i> (AYES) 2016	Dewan Tun Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
6.	29 April -1 Mei	<i>Mega Startup Weekend</i> Johor Bahru @UTM	UTM
7.	6-8 Mei	<i>Hi-Per Student Co-Operatives</i> 2016	Kelana Jaya
8.	7 Mei	Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia FIM 2016	Dewan Tun Hussien Onn, PWTC Kuala Lumpur
9.	16 Mei	Seminar Sehari Pendedahan Francais 2016	Dewan Serbaguna KPDKK, Presint 2 Putrajaya
10.	30-31 Mei	Program Pengurusan Risiko Aktiviti Kredit	Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya Selangor
11.	25-26 Julai	<i>Enactus Malaysia National Competition</i> (EMNC)	MATRADE Exhibition and Convention Centre
12.	14-21 Ogos	<i>Entrepreneurial Educator Enhancement Program: Professional Certificate for Entrepreneurial Educator (3EP)</i>	EDC Hotel, Universiti Utara Malaysia
13.	14 Ogos	Program 4.0 Putrajaya: <i>Business Matching and Business Model Bootcamp</i>	Hall 7, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
14.	26-30 September	<i>Enactus World Cup</i> (EWC) 2016	Torronto Convention Center, Canada
15.	27 September	Seminar Teknologi Pemprosesan Makanan anjuran MARDI	Dewan Kuliah Utama, Pusat latihan MARDI, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor
16.	30 Sept-2 Okt	Konvensyen Keusahawanan Enterwip 2.0 & Technofest 2016	Dewan Utama, PWTC
17.	11 Oktober	Program Sembang Santai Francais Anjuran PNS	Aras 1, Menara PNS
18.	18 Oktober	<i>Round Rable Talk - The Jewels of Muslim World 2016</i>	PWTC KL
19.	2 November	Sesi Pembentangan <i>Ministry of Higher Education Entrepreneurial Awards</i> (MEA) 2016	Hotel Sri Pasific, Kuala Lumpur.
20.	5 November	<i>International Invention and Innovative Competition</i> (Series 2/2016)	Puteri Beach Resort, Negeri Sembilan.
21.	12 November	SEHATI	EX8 Subang Jaya
22.	12 November	<i>Youth Economic Forum</i>	Securities Commission



Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat
23.	15-16 November	Persidangan Akademia Komuniti	Crystal Crown Hotel, PJ
24.	22 November	<i>CDP Makers Fest</i>	MMU
25.	24-25 November	<i>Selangor Makers and Innovation Carnival</i>	The Strand Mall, Kota Damansara
26.	25 November	Pertandingan <i>Pitching BMC</i>	UPM
27.	6-8 Disember	<i>Nafas Agro Youth Camp MAHA 2016</i>	Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor
28.	6 Disember	<i>Tea Talk by Prof. Lalit Johri "Future of Globalisation: Implications for Emerging Markets"</i>	Auditorium Tun Rahah Level 1, Menara PNS, Tower 7

Jadual 5.15: Program Kolaborasi

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat
1.	7 Mac	<i>Soaring Upwards: UM - NOVARTIS Partnership Day</i>	UMCIC, UM
2.	19 April	<i>UM-NUS Campus Inspire Startup Event</i>	Dewan Perdana 4, Kompleks Perdana Siswa (KPS)
3.	14-18 Mei	Karnival Usahawan Muda 2016	Akademi Pengajian Islam UM dan Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya.
4.	25 Mei	Program ' <i>Breakfast Talk with CEOs</i> ' Sempena Minggu PKS 2016	The Cube, Akademi Pengajian Islam UM
5.	7 September	<i>Celcom Days with UMEC</i>	Bilik Mesyuarat UMEC
6.	29 September	Pertandingan Akhir <i>Franchise Business Challenge (FBC)</i>	Auditorium KPS UM
7.	14 Oktober	Seminar Pemasaran Media Sosial	The Cube, FSKTM
8.	3 November	Pelancaran BizSiswa-JCorp & UM	Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya
9.	22-23 November	<i>USTART Conference Malaysia 2016</i> & Majlis Pelancaran Kompleks Inkubator Inovasi UM (I2U)	Auditorium, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IPPP), UM

5.7. ALUMNI

5.7.1. Pentadbiran Alumni

Fungsi utama Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA) meliputi urusan Pangkalan Data Alumni dan Komunikasi, Penjalinan Hubungan, Perkhidmatan Alumni serta Pentadbiran dan Kewangan. Sehingga tahun 2016, jumlah alumni Universiti Malaya meningkat kepada 189,781 alumni (sumber: Pangkalan Data Alumni Universiti Malaya).

5.7.2. Pangkalan Data dan Komunikasi

- Mengemaskini dan memantau pangkalan data alumni.
- Menyedia dan mengedarkan cenderamata kepada alumni semasa konvokesyen.
- Bekerjasama dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) untuk membangunkan sistem pendaftaran alumni.
- Membangunkan sistem pangkalan data (nama & alamat) secara hands on yang diperoleh daripada pelbagai sumber/badan di UM, termasuk daripada pensyarah, penasihat akademik, Bahagian Akademik (terutama senarai alumni tahun 2000-2010),

ahli Fakulti dan Jabatan serta semasa konvokesyen (sesi pengambilan jubah).

- Iklan pendaftaran alumni dalam web UM.
- Pengurusan laman web, Facebook dan emel.
- Menyediakan Buletin Titian Alumni.
- Menyediakan laporan tahunan.

5.7.3. Penjalinan Hubungan

- Menyediakan saluran komunikasi melalui laman web, facebook dan emel.
- Menguruskan penerbitan dan pengedaran Titian Alumni sebagai alat perhubungan alumni.
- Newsletter dikeluarkan setiap dua bulan dan diedarkan melalui emel alumni.
- Merancang dan menjalankan aktiviti mengeratkan hubungan sesama alumni dan alumni dengan alma mater dengan mengadakan aktiviti seperti; Alumni Lecture Series, Alumni Homecoming, Alumni Turun Padang, Alumni Talk Show, Seminar, Forum dan Konvensyen.
- Melaksanakan pelbagai Projek Khas Alumni berdasarkan keperluan semasa dalam memantapkan pembangunan pelajar seperti

Alumni Synergy untuk pelajar tahun akhir bersama alumni.

- vi. Membantu pengurusan aktiviti dan pemantapan organisasi Chapter antarabangsa, negeri, fakulti dan kolej.
- vii. Bekerjasama dengan Kluster MyAlumni, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- viii. Melibatkan Persatuan Alumni sedia ada dalam setiap penganjuran aktiviti.
- ix. Pengasingan kumpulan alumni kepada tiga kumpulan mengikut umur berikut supaya aktiviti lebih terancang.
 - (a) *Emerald* (umur bawah 40 tahun)
 - (b) *Sapphire* (umur lebih 40 tahun)
 - (c) *Diamond* (umur lebih 60 tahun)

5.7.4. Perkhidmatan Alumni

- i. Menguruskan Pusat Perkhidmatan Alumni serta Aktiviti Sosial dan Rekreasi (Kaligrafi, Art-dancing, Bahasa, Kebudayaan, Gamelan, Muzik, Syarahan Umum dan lain-lain).
- ii. Mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat.
- iii. *Wellness programs*.
- iv. Menyediakan Alumni Lounge untuk memberi galakan kepada kumpulan alumni mengadakan perbincangan atau mesyuarat.

5.7.5. Pentadbiran dan Kewangan

- i. Penetapan dan pelaksanaan Fungsi/KPI.
- ii. Pengurusan Sumber Manusia.
- iii. Pengurusan Kewangan.
- iv. Urusan pentadbiran am.
- v. Publisiti dan pemasaran.
- vi. Fundraising (bekerjasama dengan IAC).

5.7.6. Pencapaian Pejabat Pentadbiran Alumni bagi Tahun 2016

1. Mendapat sumbangan sebanyak RM150,000.00 daripada Yayasan Persatuan Alumni Universiti Malaya bagi Anugerah Ikon Akademik sebanyak RM50,000.00. Program Dermasiswa sebanyak RM50,000.00 & aktiviti perpaduan di kalangan pelajar sebanyak RM50,000.00.
2. Menerima sebanyak 28 buah komputer riba daripada persatuan alumni dan alumni korporat untuk disumbangkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan.
3. PPA turut menyediakan Alumni Lounge yang terletak di Tingkat 1, Blok E, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya. Alumni Lounge merupakan ruangan santai yang disediakan untuk mana-mana alumni yang ingin mengadakan perbincangan atau perjumpaan bersama ahli persatuan/kelab/kumpulan masing-masing.
4. PPA juga kini telah membuka Kiosk Alumni di Tingkat 1, Blok A, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya. Kiosk Alumni merupakan pusat jualan cenderamata barangan alumni Universiti Malaya.
5. PPA telah mewujudkan Tabung Universiti Malaya Pelajar-Alumni (UMPA). Penubuhan tabung ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak universiti dalam aspek menarik minat pelajar dan alumni terhadap alma mater serta menyediakan platform untuk pengumpulan dana daripada kalangan alumni UM dengan lebih sistematik dan terancang.

**Jadual 5.16: Laporan Aktiviti Tahunan bagi Pejabat Pentadbiran Alumni**

Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat	Sinopsis Program	Pencapaian
1.	Februari	Proses edaran majalah Titian Alumni	Pejabat Pentadbiran Alumni	Merupakan medium komunikasi dengan alumni ialah dengan menyampaikan berita melalui penerbitan majalah Titian Alumni	
2.	19 Februari	<i>Reunion</i> Alumni ASTAR era Tan Sri Abdul Ghani Othman (1978/79 hingga 1984/85)	Dewan ASTAR, KK1	Majlis diadakan bertujuan untuk menghimpunkan lebih 100 alumni ASTAR ketika era Tan Sri Abdul Ghani Othman. Majlis pertemuan semula selama 2 hari ini turut disertai ahli keluarga alumni.	
3.	23 Februari	Majlis Perasmian Pameran dan Majlis Serah Terima Sumbangan Alumni Kepada Universiti Malaya: Koleksi Professor Emeritus Datuk Dr. Mohamed Ariff Abdul Kareem	Muzium Seni Asia	Majlis Serah Terima Sumbangan ini amat bermakna bagi Muzium Seni Asia/Universiti Malaya dari aspek penambahan aset koleksi seramik yang bernilai seni dari 5 buah benua.	
4.	19 Mac	Sehari Bersama Alumni	Balai Za'ba, KK7	Sesi perkongsian diantara pelajar & alumni berkaitan <i>future career</i> , penganjuran sukan seperti futsal, bola jaring, catur & dam.	
5.	18-24 April	<i>HEPA Homecoming Carnival: UM 111th Anniversary</i>	Kompleks Perdana Siswa	PPA bertindak sebagai sekretariat bagi program ini. HEPA Homecoming dianjurkan bertujuan untuk meraikan sambutan penubuhan ke 111 tahun UM.	
6.	19 April	Majlis Pelancaran Tabung Universiti Malaya Pelajar-Alumni (UMPA)	Auditorium KPS	Tabung UMPA ditubuhkan bertujuan untuk mengumpul dana daripada alumni UM dan pendapatan yang diterima akan digunapakai bagi menjalankan aktiviti pelajar yang memberi manfaat, dermasiswa, biasiswa dan perkara yang berkaitan.	Menerima sumbangan sebanyak RM202,500.00
7.	23 April	<i>Homecoming Alumni UM111</i>	Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah (KK2)	Majlis 'sireh pulang ke gagang' diadakan bertujuan untuk mengembalikan ingatan alumni kepada kolej kediaman tercinta di samping turut meraikan majlis pesta buah-buahan serta menjayakan kempen UMCARES iaitu program Jom Tanam Pokok 2.0.	
8.	23 April	<i>Le'park Alumni Homecoming</i>	Kolej Kediaman Bestari (KK4)	Majlis pertemuan Alumni Bestari. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bagi mengerat hubungan di antara alumni dengan pelajar. Antaranya, <i>mini sport</i> , <i>mural printing</i> , memancing, <i>memoir 4th</i> , <i>memory lane@KPS</i> dan pelbagai lagi.	
9.	23 April	Majlis <i>Homecoming</i> FBL	Fakulti Bahasa & Linguistik	Menghimpunkan alumni dari FBL dari setiap tahun bersempena dengan sambutan ulangtahun 111 UM.	
10.	23 April	Santai Alumni@OPC	Cafeteria KPS	Majlis perjumpaan alumni diadakan secara santai & turut juga diadakan perkongsian pengalaman sepanjang pengajian alumni di UM	



Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat	Sinopsis Program	Pencapaian
11.	28-30 April	Bengkel Penulisan <i>MyAlumni</i>	Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Lebu Enstek	Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyediakan kertas cadangan program <i>MyAlumni</i> & buku <i>Managing International Alumni</i> . Program <i>MyAlumni</i> dikelola oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.	
12.	30 April	Majlis 111 Tautan Kasih Alumni Kurshiah	Dewan Kurshiah, KKTK	Majlis Sambutan 111 Tautan Kasih Kurshiah ini merupakan usaha sama pelajar Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah dan persatuan alumni kolej kediaman ini iaitu Ex-Third serta Pejabat Pentadbiran Alumni. Majlis ini dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara pelajar dan alumni Kolej.	
13.	2 Jun	Menerima kunjungan mesra dari Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Jengka Pahang	Pejabat AM HEPA	Lawatan ini bertujuan untuk membandingkan sistem yang digunakan oleh Universiti Malaya dalam menguruskan data alumni.	
14.	22 Jun	Majlis Berbuka Puasa Alumni Bersama Anak Yatim Baitul Rahmaniah	DP1, DP2, DP3, HEPA GARDEN	Majlis ini dilaksanakan untuk meraikan anak yatim dari Baitul Rahmaniah, Rasah, Hulu Selangor.	
15.	29 Jun-3 Julai	Program Kemasyarakatan ke Wilayah Satun, Thailand	Satun, Thailand	Program ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf di wilayah tersebut dan telah disertai seramai 25 orang pelajar dari Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah.	
16.	19 Julai	Program SPRM bersama Komuniti	SPRM Kuala Lumpur	Pegawai PPA sebagai peserta.	
17.	20 Julai	Mesyuarat Yayasan PAUM	Bilik Mesyuarat Perdana 2, HEPA	Melapor perkembangan aktiviti bersama Yayasan PAUM. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Kelas Tambahan Bahasa Inggeris kepada pelajar, Anugerah Ikon Akademik, Derma Siswa dan Bantuan Komputer Riba kepada pelajar yang kurang berkemampuan.	
18.	20 Julai	Perbincangan dengan Agensi Media	PPA	Membincangkan strategi dan kaedah pemasaran PPA untuk diketengahkan kepada masyarakat melalui saluran media.	
19.	25 Julai	Mesyuarat bulanan PPA	PPA	Melapor perkembangan aktiviti PPA	
20.	3 Ogos	Mesyuarat <i>MyAlumni</i> kali ke -15	USM, Penang	Setiap Ketua Negara yang dilantik oleh KPT perlu membuat pembentangan Laporan Perkembangan <i>Malaysia Alumni Council</i> . UM bertanggungjawab kepada Negara Myanmar.	
21.	3 Ogos	Sidang Media <i>Charity Golf Alumni</i> & Majlis sumbangan Komputer Riba kepada pelajar.	HEPA Garden	Mempromosi program <i>Charity Golf Alumni</i> anjuran Yayasan PAUM & dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA). Turut diadakan majlis sumbangan Komputer Riba kepada pelajar UM yang kurang berkemampuan.	
22.	13 Ogos	<i>Homecoming University of Malaya Agricultural Graduates' Alumni</i> (UMAGA)	Institut Sains Biologi, UM	Perjumpaan tahunan alumni UMAGA anjuran UMAGA & dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA).	
23.	Ogos	Proses penghantaran majalah <i>Titian Alumni</i>	Pejabat Pentadbiran Alumni	Merupakan medium komunikasi dengan alumni ialah dengan menyampaikan berita melalui penerbitan majalah <i>Titian Alumni</i> .	



Bil.	Tarikh	Nama Program	Tempat	Sinopsis Program	Pencapaian
24.	29 Ogos	Malam Bersama Alumni sempena Minggu Haluan Siswa 2016	Kolej Kediaman 1-10 & 12.	Majlis perkongsian ilmu di antara alumni dengan pelajar-pelajar baru.	
25.	6-14 Oktober	Penyerahan cenderamata kepada graduan 2016	Aras 1, Dewan Peperiksaan UM	PPA memberi cenderamata kepada semua graduan sebagai tanda penghargaan disamping bertujuan untuk mendapatkan maklumat alumni dan juga membina hubungan berterusan bersama alumni.	Berjaya mengumpul 5,073 data graduan
26.	15-22 Oktober	Jualan cenderamata PPA & HEPA	Gerai No 2&3 berhadapan DTC	PPA terlibat dalam jualan cenderamata Alumni & jualan baki KIT MHS.	Hasil jualan adalah sebanyak RM5,350.50
27.	4 November	Majlis Anugerah Ikon Akademik Siswa Universiti Malaya 2016	Dewan Perdana 1, KPS	PPA meraikan penerima-penerima anugerah melalui penganjuran majlis ini. Seramai 10 pelajar telah dipilih menerima anugerah & setiap daripada mereka membawa pulang wang tunai berjumlah RM5000.00 beserta plus penghargaan. Keseluruhan wang tunai ini yang diterima merupakan sumbangan daripada pihak Yayasan Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM).	Menerima sumbangan RM50,000.00 daripada pihak alumni
28.	16 November	Perbincangan Aktiviti Penjanaan Dana bagi PPA	Pejabat Pentadbiran Alumni	Perbincangan PPA bersama pegusaha nasi lemak Tangling yang juga merupakan alumni UM. PPA dan juga alumni tersebut berhasrat untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan di dalam UM, iaitu di sekitar KPS. Pertemuan lanjut bersama TNC HEPA untuk membentangkan permohonan ini akan diadakan pada 23 Nov, jam 2.30 petang.	PPA menerima komisyen melalui perniagaan ini.
29.	17 November	Perjumpaan dengan wakil pelajar (MPPUM) bagi sesi 2016/2017 (Saudara Hafiz)	Pejabat Pentadbiran Alumni	Membincangkan hala tuju pelaksanaan bantuan komputer riba bagi tahun 2017 kepada pelajar yang tidak berkemampuan. Sasaran permohonan bantuan ini akan cuba diperolehi daripada Persatuan Alumni atau Alumni Persendirian (proaktif alumni).	Sasaran komputer yang diperlukan : 200 biji
30.	18 November	Perjumpaan dengan wakil pelajar (MPPUM) bagi sesi 2016/2017 (Saudara Haris)	Pejabat Pentadbiran Alumni	Membincangkan mengenai projek integrasi yang akan dilaksanakan oleh pelajar. Disamping itu, projek ini juga turut membuat kolaborasi bersama alumni UM.	
31.	22 Disember	Majlis Pelancaran Novel Motivasi 'Budak Luar Kotak' karya Dr. Abdul Aziz Sahat	Dewan Perdana 1, KPS	PPA berkolaborasi dengan pihak alumni dalam penganjuran majlis ini. Novel motivasi ini ditulis oleh alumni Universiti Malaya iaitu Dr Abdul Aziz bin Sahat (1988) dan majlis turut dirasmikan oleh YABhg Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr.Aishah Ong , Pro-Canselor, Universiti Malaya.	Menjalin hubungan dengan kumpulan alumni 1980-an.
32.	28 Disember	<i>A.G.M University Of Malaya Agricultural Graduates' Alumni (UMAGA)</i>	Alumni Lounge, KPS	PPA turut menghadiri mesyuarat terakhir UMAGA bagi tahun 2016	Menjalin hubungan yang baik ahli UMAGA
33.	Sehingga Disember	Jumlah Jualan Cenderamata Alumni	Kiosk Alumni	Pejabat Pentadbiran Alumni telah memulakan jualan cenderamata sejak 22/9/2016.	Jumlah Jualan sehingga Disember 2016 =RM5600.00

6. PEMBANGUNAN





6.1. LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR PEMBANGUNAN

Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan

Sepanjang tahun 2016, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) beserta pasukan dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) meneruskan budaya inovatif dalam menyokong operasi Universiti Malaya.

Untuk tahun kedua berturut-turut, Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (ACUM) bagi kategori inovasi dimenangi oleh pejabat ini iaitu atas usaha dan kerjasama PTM dan Bahagian Sumber Manusia (BSM) bagi aplikasi surat jaminan secara atas talian. Selain daripada itu, inisiatif penting dalam penjaan dana serta pembangunan strategik termasuk Pertandingan Idea Pelan Induk, konsep *Build-Operate-Transfer-Revenue* (BOTR), *Labyrinth 111*, *Big Data*, jalur lebar 8GB, aplikasi *E-Procurement* versi 2.0 dan projek SAP. Tindakan menyediakan laporan bulanan penggunaan elektrik yang dikongsi dengan seluruh kampus bukan sahaja telah mencetuskan perubahan budaya, malah ianya telah dikenalpasti sebagai salah satu amalan positif oleh pihak Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC). *Labyrinth 111* pula merupakan kolaborasi dengan Fakulti Perubatan dalam penyelidikan *neuro*.

Pejabat TNC (P) juga meneruskan usaha penaiktarafan dan penambahbaikan melalui projek-projek RMK-11 yang meliputi aspek

teknologi lestari dan renovasi strategik untuk penjaan dana seperti Rumah Universiti (RU) dan Apartmen Jepun. Usaha-usaha ini sentiasa akan dilaksanakan secara berterusan dengan mewujudkan idea-idea baru atas usahasama dan kerjasama melibatkan semua pihak terutamanya JPPHB dan PTM. Cetusan idea-idea realistik sejajar dengan kesesuaian semasa dari segi teknologi mahupun pembangunan adalah penting bagi menjamin kelestarian dalam semua aspek dan pengiktirafan di peringkat Universiti Malaya sekaligus dapat menyumbang kepada pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Salah satu projek di bawah RMK-10 oleh seliaan JPPHB telah mendapat pengiktirafan sebagai tempat pertama di dalam Laporan Pencapaian Pematuhan Amalan Terbaik Pengurusan Projek (Inspektorat) Tahun 2016 oleh ICU JPM. Projek yang dimaksudkan adalah Projek Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV ke-2 yang telah siap pada 18 Mac 2016. Pencapaian ini merupakan salah satu usaha yang harus dibanggakan kerana membawa imej yang besar kepada Universiti Malaya.



Usaha melestarikan rancangan pembangunan di dalam kampus juga amat dititik beratkan bagi memastikan pembangunan yang lebih teratur dan sistematik. Perancangan ini diteruskan dengan usaha mengadakan pelan induk kampus yang bertepatan dengan persekitaran dan keperluan serta kedudukan kampus yang terletak ditengah bandar Kuala Lumpur. Usaha ini telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk yang dipengerusikan oleh Ar. Saifuddin Ahmad, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dengan kerjasama baik Fakulti Alam Bina dan proses ini juga sedang berlangsung pada masa ini. Pertandingan Idea Pelan Induk Universiti Malaya ini telah berjaya menarik minat dan mendapat sambutan banyak pihak luar untuk menyertai pertandingan ini termasuk syarikat arkitek terkemuka negara. Pemilihan pemenang bagi pertandingan ini berdasarkan reka bentuk yang bertepatan dengan matlamat Universiti dan idea tersebut akan digunapakai untuk pelaksanaan selanjutnya. Juri Professional telah dilantik dan ditugaskan untuk menjalankan pemilihan pemenang bagi pertandingan ini bagi kategori pemenang pilihan juri. Selain itu juga, pemilihan pemenang bagi kategori pilihan warga kampus juga diadakan.

6.2. JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN HARTA BENDA (JPPHB)

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) merupakan salah satu jabatan yang menyumbang fungsi terbesar kepada Universiti Malaya. JPPHB mempunyai lapan (8) bahagian diketuai oleh Pejabat Pengarah Pembangunan. Bahagian-bahagian di Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan adalah seperti berikut:

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan
3. Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
4. Bahagian Kejuruteraan Mekanikal
5. Bahagian Pengurusan Harta
6. Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
7. Bahagian Perancangan & Seni Bina
8. Bahagian Kewangan

Kesemua bahagian ini saling bekerjasama antara satu sama lain dalam memastikan fungsi Jabatan terhadap pengurusan infrastruktur kampus lebih efisien dan berkesan. JPPHB merupakan salah sebuah jabatan yang mempunyai staf teramai di Universiti Malaya berjumlah 284 orang. Berikut adalah laporan

aktiviti dan fungsi setiap bahagian dibawah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda, Universiti Malaya.

6.2.1. Bahagian Pentadbiran

Bahagian Pentadbiran JPPHB adalah bahagian yang menguruskan fungsi pentadbiran dan lain-lain fungsi yang bukan fungsi teknikal seperti urusan hal ehwal staf dan pentadbiran. Bahagian ini juga diberi tugas besar untuk melantik tender-tender tahunan syarikat-syarikat pembersihan dan pencucian bangunan seluruh kampus Universiti serta masuk Bangunan Wisma R&D, Rumah Kediaman Universiti (RKU) dan Fakulti Perubatan Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang. Pada tahun 2016 sebanyak enam (6) tender baru telah dilantik dan lima (5) tender telah disambung semula bagi kerja pembersihan dan pencucian diseluruh kampus.

- i. Bahagian Pentadbiran juga menjalankan fungsi-fungsi lain seperti berikut:-
- ii. Menguruskan penyediaan Rumah Kediaman Universiti (RKU)
- iii. Menguruskan tempahan kenderaan Universiti
- iv. Pembersihan kawasan perkarangan dan longkang seluruh kampus
- v. Lanskap seperti penanaman pokok besar dan pokok renek & pembuangan sampah
- vi. Penyediaan peralatan untuk majlis-majlis rasmi Universiti
- vii. Penyediaan hiasan pokok-pokok bunga (Nursery)
- viii. Pelupusan Sisa terjadual

Pada tahun 2016, Bahagian Pentadbiran (Unit Keraian) telah berjaya menguruskan penyediaan peralatan sebanyak 528 tempahan untuk majlis-majlis rasmi universiti dan pelajar. JPPHB juga menerima tempahan daripada organisasi luar. Hasil daripada tempahan peralatan tersebut, JPPHB telah berjaya menjana kewangan berjumlah RM25,973.00. Majlis-majlis tahunan penting Universiti yang diuruskan oleh Unit Keraian ini di antaranya ialah Istiadat Konvokesyen Tahunan, Minggu Haluansiswa, dan lain-lain majlis penting universiti seperti Konvokesyen UMCCED dan Konvokesyen Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Pada 15 Februari 2016, JPPHB telah menyediakan persiapan untuk "Special Lecture" yang disampaikan oleh Profesor Dr. Rajah Rasiah di Panggung Eksperimen.

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) juga telah menjalankan tugas dengan jayanya dalam melancarkan persediaan dan persiapan Istiadat Pentauliah DiRaja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-35 pada 20 Ogos 2016 di Dewan Tunku Canselor.



Bahagian Pentadbiran juga menguruskan kerja-kerja pembasmian makhluk perosak di seluruh kampus seperti tikus, ular, monyet, anjing liar, anai-anai dan sebagainya. Pada tahun 2016 sebanyak 213 tangkapan di semua PTJ. Selain daripada itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengendalikan tempahan kenderaan untuk kegunaan pelawat-pelawat universiti. Pada tahun 2016, Bahagian Pentadbiran, JPPHB ini telah menguruskan sebanyak 2860 tempahan kenderaan untuk kegunaan rasmi dan pelawat universiti. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan pembuangan sampah di Pusat Pembuangan Sampah. Sampah berkenaan diuruskan oleh pihak Universiti *Malaya Zero Waste Campaign (ZWC)* dari segi pengkomposannya, pencernaan anaerobik, pemulihan tenaga dan kitar semula. Pada tahun 2016 sejumlah 148,191.20 kg dapat dikumpulkan untuk dikitar semula. Sampah berkenaan terbahagi kepada sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjanaan tenaga dan barangan lain yang boleh dikitar semula. Pada tahun 2016, Unit Landskap telah menanam 111 pokok jenis *Syzygium Oleana* (Kelat Paya) di beberapa lokasi di dalam kampus di antaranya ialah di Padang Varsiti.

(a) Lawatan

Diantara program penting yang dikendalikan oleh Jabatan pada tahun 2016 ini ialah Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil. 8/2016 pada 23 Ogos 2016 di Dewan Tunku Canselor dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Binti Mohd Nur, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi. Ketua Setiausaha telah dibawa melawat ke 3 lokasi projek iaitu:

1. Kompleks Inkubator Inovasi Universiti
2. Pencawang Pembahagi Utama Ke-2
3. Tangki Air Simpanan

Pada 21 September 2016, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) Universiti Malaya telah menerima kunjungan daripada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk berkongsi idea dan maklumat mengenai urusan dan penyelenggaraan lanskap.

6.2.2. Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan

Bahagian Kejuruteraan Awam Dan Pembangunan terdiri daripada 2 unit iaitu Unit Kejuruteraan Awam dan Unit Pembangunan.

(a) Unit Kejuruteraan Awam

Unit Kejuruteraan Awam menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, sokongan alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset dan kakitangan mahir untuk mereka bentuk kerja-kerja pengubahsuaian/peningkatan kemudahan, membina dan menyelenggara kemudahan untuk Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara skop tugas Unit Kejuruteraan Awam adalah seperti berikut:

- Struktur utama bangunan.
- Sistem bekalan air sejuk.
- Sistem pembentungan dan rawatan kumbahan.
- Penyelenggaraan infrastruktur seperti jalanraya, cerun dan sebagainya.
- Perabot, kemasan dan kelengkapan ruang bangunan.
- Kerja-kerja pengubahsuaian dan renovasi.


Penyelenggaraan Kejuruteraan Awam dibahagikan kepada tiga iaitu selenggara pemulihan, selenggara pencegahan dan selenggara kecemasan.

Unit Kejuruteraan Awam juga berperanan sebagai sebahagian dari pasukan konsultasi teknikal JPPHB bagi projek-projek yang dijalankan secara 'in house' bagi pihak jabatan mahu pun pihak lain di Universiti Malaya. Disamping itu, staf-staf di unit ini turut menjadi pengurus projek bagi projek Rancangan Malaysia (RMK) 10 & 11.

Di dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, Unit Kejuruteraan Awam telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kecil menggunakan khidmat tukang dan pekerja am rendah. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti membaiki jalan yang rosak dan mengecat garisan jalan yang telah pudar. Kerja-kerja ini diharap dapat menjimatkan perbelanjaan university berbanding menggunakan khidmat kontraktor.



Pada keseluruhannya, Unit Kejuruteraan Awam telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Unit ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi bagi menyelenggara serta membaikpulih prasarana demi keselamatan dan keselesaan para pelajar dan orang awam. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran kerja yang lebih baik berbanding sebelum ini.



(b) Unit Pembangunan

Menguruskan projek pembangunan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia (RMK), peruntukan dalaman dan lain-lain (dana sumbangan dan peruntukan khas).

RMKe-11

Siling peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai projek RMK-11 adalah sebanyak RM 60.8 juta. Justeru itu, bagi tahun 2016, Universiti Malaya telah menerima peruntukan sebanyak RM 32.6 Juta melalui *Rolling Plan Pertama* (RP1). Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2016, jumlah perbelanjaan RMK-11 sehingga tempoh tersebut adalah sebanyak RM 32.3 juta bersamaan 53.2% dari keseluruhan peruntukan dan 99.1% dari peruntukan RP1 yang telah diberikan kepada Universiti Malaya.

Jadual 6.1: Pecahan Peruntukan *Rolling Plan Pertama* (RP1) sebanyak RM 32.6 Juta

Bil.	Tajuk Projek	Kos Siling Rp (2016-2017) (RM)	Perbelanjaan/Commitment (RM)	Kategori	Status
1.	Kemudahan Infrastruktur	15,000,000.00	14,728,230.29	Infra Struktur	Dalam Pelaksanaan
2.	High Impact Research (HIR)	17,600,000.00	17,600,000.00	Peralatan	Siap

Jadual 6.2: Projek-Projek yang Siap dan dalam Pembinaan

Bil.	Projek	Peruntukan
1.	Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV/11kV Ke-2	RMKe-10
2.	Menaiktaraf Sistem Bekalan Air - Fasa 2	RMKe-10
3.	Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (Yayasan Azman Hashim – Fulcrum Capital Sdn Bhd)	Dana Sumbangan Yayasan Azman Hashim (Ambank)
4.	Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I ² U (JKR)	Peruntukan Khas Unit Perancang Ekonomi (EPU)
5.	Bangunan Pusat Teknologi Maklumat - PTM (UM Holding)	Peruntukan Dalaman
6.	Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan (UM Holding)	Peruntukan Dalaman
7.	Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok	Peruntukan Dalaman

**RMKe-10**

1. Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV/11kV Ke-2 (Siap Sepenuhnya)

Maklumat Projek Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV/11kV Ke-2:

Kontraktor Utama	Kejuruteraan Letrik KB Sdn Bhd
Peruntukan	RM 24,500,000.00
Tarikh Mula	19 Mac 2015
Tarikh Siap Asal	18 Mac 2016
Kos Kontrak	RM 21,912,806.68

2. Menaiktaraf Sistem Bekalan Air - Fasa 2 (Siap Pembinaan)

Maklumat Projek Menaiktaraf Sistem Bekalan Air - Fasa 2:

Kontraktor Utama	Laksamana Cemerlang Sdn Bhd
Peruntukan	RM 15,000,000.00
Tarikh Mula	16 Mac 2015
Tarikh Siap Asal	16 Mac 2016
Kos Kontrak	RM 9,634,987.58

Dana Sumbangan

3. Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (Siap Sepenuhnya)

Maklumat Projek Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan:

Kontraktor Utama	Dasacon Sdn Bhd
Peruntukan	RM 27,000,000.00
Tarikh Mula	15 November 2013
Tarikh Siap Asal	14 Julai 2015
Kos Kontrak	RM 19,290,334.50

Peruntukan Khas

4. Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I²U (Siap Sepenuhnya)

Maklumat Projek Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I²U:

Kontraktor Utama	Cendekia Teknik Sdn Bhd
Peruntukan	RM 22,000,000.00
Tarikh Mula	16 Januari 2014
Tarikh Siap Asal	15 Julai 2015
Kos Kontrak	RM 12,497,933.05

Peruntukan Dalaman

5. Bangunan Pusat Teknologi Maklumat - PTM (Siap Sepenuhnya)

Maklumat Projek Bangunan Pusat Teknologi Maklumat - PTM:

Kontraktor Utama	Mizura Sdn Bhd
Peruntukan	RM 10,140,000.00
Tarikh Mula	29 April 2014
Tarikh Siap Asal	28 April 2015
Kos Kontrak	RM 8,998,300.00

6. Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan (Dalam Pembinaan)

Maklumat Projek Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan:

Kontraktor Utama	Intelligent Plus (M) Sdn Bhd
Peruntukan	RM 9,997,740.00
Tarikh Mula	29 April 2014
Tarikh Siap Asal	29 April 2015
Kos Kontrak	RM 9,535,335.30

7. Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok (Siap Sepenuhnya)

Maklumat Projek Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok:

Kontraktor Utama	Kelcare Engineering Sdn Bhd
Peruntukan	RM 5,995,856.00
Tarikh Mula	17 Februari 2014
Tarikh Siap Asal	16 Ogos 2014
Kos Kontrak	RM 5,016,000.00

6.2.3. Bahagian Kejuruteraan Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik

Bahagian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik, (BKEE), JPPHB bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik, Sistem Audio Visual dan Telekomunikasi kepada Universiti Malaya khasnya warga kampus dan orang awam berdasarkan prosedur yang telah dikeluarkan oleh Suruhajaya Tenaga, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.



Antara objektif utama BKEE adalah:

- Memastikan bekalan elektrik di UM berterusan dan sentiasa stabil termasuk semua sistem pemasangan elektrik dalam keadaan efisien dan selamat digunakan.
- Memastikan sistem telekomunikasi di UM sentiasa dalam keadaan baik dan efisien.
- Memastikan perkhidmatan yang diberi menepati objektif Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda, JPPHB.

Secara umumnya skop kerja BKEE terbahagi kepada 2 bahagian iaitu;

- Penyelenggaraan Sistem Pembahagian Elektrik yang bermula dari Pencawang Utama (33KV) hingga ke litar akhir (240V) termasuk Sistem Janakuasa Tunggu Sedia.
- Penyelenggaraan Sistem Telekomunikasi yang melibatkan sistem PABX dan *walkie-talkie*.

Sepanjang tahun 2016, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, pihak BKEE bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaiki pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik.

Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan PABX yang ada, pengaktifan PABX baru di beberapa bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel yang berkaitan akibat kerja-kerja renovasi & perpindahan pejabat.

Pihak BKEE juga bertanggungjawab dan terlibat dalam menyediakan perkhidmatan mereka bentuk, menyedia tawaran (sebutharga/ tender), penyediaan kontrak dan menyelia kerja-kerja elektrik dan telefon bagi kerja-kerja pengubahsuaian, renovasi dan projek pembangunan di kampus utama dan cawangan/luar kampus. Ini juga termasuk meneliti dan mengesahkan kerja-kerja kecil pembaikan dan pengubahsuaian pendawaian untuk peralatan elektrik dan telefon serta memantau dan mengesahkan kerja-kerja tersebut yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik.

Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) RP1 2016, pihak BKEE terlibat dalam beberapa projek iaitu,

1. Menaiktaraf Sistem PABX sedia ada kepada sistem digital di dalam kampus utama UM.
2. Menaiktaraf lampu jalan jenis LED Fasa Ke-3 di sebahagian jalan utama, UM
3. Menaiktaraf perkakasan voltan tinggi yang usang di Pencawang Elektrik Kolej Kediaman 11
4. Menaiktaraf Bilik Suis Pintu Damansara

Pihak BKEE terlibat secara langsung dengan projek pembinaan Lampu Limpah di Stadium UM Arena, Universiti Malaya yang telah siap sepenuhnya pada Mac, 2016. Dengan adanya lampu limpah di Stadium UM Arena ini, ianya dapat membantu khasnya warga kampus bergiat aktif dalam bidang sukan dan dapat memberi sumbangan melalui kaedah bersukan serta seterusnya memajukan bidang sukan universiti ke peringkat negara dan antarabangsa.

Pada keseluruhannya, Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Bahagian ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan prasarana demi keselamatan dan kebaikan kepada semua warga kampus dan orang awam.

6.2.4. Bahagian Kejuruteraan Mekanikal

Fungsi bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi menguruskan sebarang aktiviti berkaitan penyelenggaraan dan pembangunan sistem perkhidmatan mekanikal di kesemua bangunan dan premis kepunyaan Universiti Malaya. Bahagian ini juga bertanggungjawab penuh terhadap penyelenggaraan kenderaan rasmi milik Universiti Malaya. Secara amnya, Bahagian Kejuruteraan Mekanikal terbahagi kepada 2 unit utama:

(a) Unit Penyelenggaraan Sistem Mekanikal

Antara skop kerja-kerja penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Sistem penyaman udara:
 - Sistem penyaman udara jenis pusat seperti "water cooled chiller", "air cooled packaged", "water cooled packaged" dan sebagainya.
 - Sistem penyaman udara jenis berasingan (split) dan tingkap (window).



2. Sistem pencegah kebakaran:
 - Sistem pancur basah (sprinkler system)
 - Sistem pencegah kebakaran jenis gas Pyroshield
 - Sistem penggera kebakaran jenis konvensional, “semi-addressable” dan “addressable”.
 - Sistem bantu mula (hose reel)
 - Alat pemadam api mudah alih (dry powder dan gas CO₂)
3. Sistem saluran pengudaraan.
4. Sistem lif untuk penumpang, perkhidmatan dan dumbwaiter.
5. Sistem gas petroleum cecair (LPG).
6. Sistem pam air pusat dan penapis kolam renang.
7. Sistem pam air kumbahan (tidak termasuk sistem perpaipan).
8. Sistem bilik sejuk untuk penyelidikan.

(b) Unit Penyelenggaraan Kenderaan

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal juga bertanggungjawab untuk menyelenggara kenderaan rasmi Universiti Malaya yang merangkumi kereta, motorsikal, van, pacuan empat roda, traktor dan lori. Adalah menjadi tugas bahagian ini untuk memastikan kenderaan-kenderaan sentiasa “road-worthy” dan selamat kepada pengguna dan orang awam.

Pada masa sekarang, bilangan kenderaan yang perlu diselenggara di bawah tanggungjawab bahagian ini berjumlah 115 buah kenderaan kesemuanya, di mana ianya terdiri daripada:

- 32 buah kenderaan berat yang terdiri daripada lori, pacuan empat roda (4WD) dan juga traktor.
- 83 buah kenderaan ringan yang terdiri daripada kereta, van dan motorsikal.

Antara skop kerja-kerja bahagian kejuruteraan mekanikal (unit kenderaan):

1. Servis berkala.
2. Pembaikan kerosakan (breakdown).
3. Penukaran alat ganti.
4. Khidmat nasihat kepada PTJ (baikpulih).
5. Perolehan kenderaan baru.
6. Semakan untuk pelupusan kenderaan.

Projek Pembangunan dan Naiktaraf Sistem Mekanikal

Pada tahun 2016, terdapat beberapa projek berskala besar yang telah ditadbir urus dengan berkesan sekali di bawah Bahagian Kejuruteraan Mekanikal. Projek-projek ini dikategorikan seperti berikut: -

i. Kerja-Kerja OCAR Mekanikal

Terdapat 2 kerja utama di bawah kategori kerja-kerja OCAR Mekanikal yang telah siap pada tahun 2016. Kedua-dua kerja ini adalah kerja-kerja menaiktaraf panel kawalan sistem chiller. Panel kawalan di 3 unit chiller dan panel kawalan di 1 unit chiller masing-masing telah dinaiktaraf di loji hawadingin Akademi Pengajian Islam dan di loji hawadingin Perpustakaan Zaaba.

ii. Kerja-kerja Di Bawah Peruntukan RMK-11

Di bawah peruntukan RMK-11 yang diterima, terdapat 4 kerja penggantian dan naiktaraf yang telah dilakukan sepanjang tahun 2016. 4 kerja tersebut merangkumi skop kerja naiktaraf lif, hawadingin, pencegahan kebakaran dan juga naiktaraf ‘dumbwaiter’. Lokasi yang terlibat di bawah kerja-kerja naiktaraf system mekanikal yang menggunakan peruntukan ini adalah seperti kerja naiktaraf system hawadingin di loji hawadingin Fakulti Perniagaan & Perpustakaan Zaaba, penggantian system Dunbwaiter di Jabatan Kimia, Fakulti Sains dan akhir sekali adalah kerja-kerja naiktaraf system pencegahan kebakaran di Blok A, E, G dan S di Fakulti Kejuruteraan.

iii. Kerja-kerja Projek One-OFF DAA Asrama

Hanya 2 kerja yang telah dilakukan iaitu kerja-kerja naiktaraf sistem pencegahan kebakaran dan juga kerja-kerja naiktaraf system pam air. Kedua-dua kerja ini dilakukan di Kolej Keenam yang menelan belanja sekitar RM309,000.00 .

6.2.5. Bahagian Pengurusan Harta

Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab bagi menguruskan penyewaan portfolio harta tanah serta landbank milik Universiti, mengurus dan menyelenggarakan data maklumat harta tanah, mewujudkan serta menguruskan inventori ruang dan aset milik Universiti serta bertanggungjawab menguruskan pelupusan aset/harta dan penggantian aset/harta lupus bagi keseluruhan kampus Universiti Malaya.

Bahagian Pengurusan Harta telah diberi Peruntukan One-Off sejumlah **RM1,000,000.00** pada tahun 2016. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah **RM999,957.00** telah diagihkan seperti berikut:

**Jadual 6.3: Peruntukan One-Off**

Bil.	Item	Jumlah (RM)
1.	Peralatan Makmal	234,677.00
2.	Kenderaan	765,280.00
Jumlah		999,957.00

Dari segi pengurusan pelupusan aset/harta Universiti Malaya, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2016 adalah sejumlah **RM28,111,552.74** dengan perincian seperti berikut:

Jadual 6.4: Pelupusan Aset/Harta Universiti Malaya

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Pelupusan harta Universiti lebih daripada RM5,000.00 seunit	23,293,581.00
2.	Pelupusan harta Universiti kurang daripada RM5,000.00 seunit	4,817,971.74
Jumlah		28,111,552.74

Manakala jualan aset /inventori lupus pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jadual 6.5: Jualan Aset/Inventori Lupus

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Peralatan ICT (as where is basis)	27,590.45
2.	Lain-lain peralatan secara sisa besi	19,464.00
3.	Lain-lain peralatan secara sebutarga	3,806.00
4.	Kenderaan lupus secara sebutarga (staaf)	7,866.00
5.	Jualan perabot terpakai	1,857.50
Jumlah		60,583.95

Bahagian Pengurusan Harta turut menjana pendapatan Universiti Malaya melalui penyewaan tapak/ruang kepada pihak dalam mahu pun pihak luar Universiti. Jumlah anggaran pendapatan yang dijana bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jadual 6.6: Penyewaan Tapak/Ruang kepada Pihak Dalam dan Luar

Bil.	Butiran	Jumlah Sewa Setahun (RM)
1.	Telekomunikasi (Maxis, Celcom, Digi, U-Mobile, Packet One & YTL Communication Sdn Bhd)	1,109,345.00
2.	Bank / Komersil/ Bangunan	1,910,110.00
3.	Mesin 'ATM'	19,080.00
4.	Papan Iklan	339,300.00
5.	Mesin Automatik	91,000.00
Jumlah Keseluruhan		3,468,835.00

6.2.6. Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan (BKUB), JPPHB bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan sokongan berkenaan isu pengurusan kontrak dan bidang Ukur Bahan secara amnya kepada Warga UM dan secara khusus nya menyokong bahagian-bahagian kejuruteraan lain di dalam JPPHB dan Pejabat TNCP.

Antara objektif utama BKUB adalah:

- Memastikan tatacara perolehan dan pengurusan kontrak bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dijalankan didalam UM secara amnya dan bagi JPPHB secara khususnya dijalankan mengikut garis panduan perolehan kerajaan yang telah ditetapkan selaras dengan pekeliling 1PP/PK2 dan manual perolehan UM.

Secara Umumnya skop kerja BKUB terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

Kos

Menyediakan Anggaran Kos Awalan berdasarkan Kos Data bagi memohon peruntukan luar dan dalaman bagi kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan di dalam UM.

- Menyediakan Anggaran Kos berasaskan Senarai Kuantiti berdasarkan lukisan yang telah diluluskan oleh End-User berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.



- Menyemak kos yang ditawarkan oleh Kontraktor dan membuat pelarasan harga bagi mendapatkan harga yang munasabah.
- Menyediakan Bayaran kepada Kontraktor (Dalam / Pembangunan) serta bayaran kepada Perunding (Yuran / Tuntutan).
- Kajian kos dan kajian pasaran bagi setiap sebutharga / tender yang dilaksanakan.

Perolehan

- Menyedia, membuat panggilan sebutharga / tender dalam dan memastikan Lantikan Kontraktor yang dibuat melalui Perunding mengikut tatacara perolehan kerajaan yang telah ditetapkan selaras dengan pekeliiling 1PP/PK2
- Membantu Jawatankuasa Perlantikan Perunding dalam menguruskan perlantikan perunding.

Pengurusan Kontrak

- Melaksanakan pengurusan kontrak bagi setiap sebutharga / tender yang dipanggil di UM.
- Memberikan khidmat nasihat bagi tatacara perolehan, pengurusan kontrak dan bidang ukur bahan bagi JPPHB dan PTJ lain di dalam UM.
- Menjadi Ahli dalam Jawatankuasa Penilaian sebutharga / tender di UM.

Pada 2016, sebanyak 15 sebutharga berjumlah RM 1.82 juta dan 4 tender kerja dan bekalan telah dipanggil oleh BKUB yang berjumlah RM 5.21 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada peruntukan JPPHB, RMK11 dan PTJ lain di UM. Antara skop utama yang terlibat adalah kerja-kerja renovasi dalam, menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti jalanraya dan pembekalan perabot di dalam UM.

Jadual 6.7: Senarai Tender yang Diuruskan oleh BKUB

Bil.	Tajuk Tender	Jumlah (RM)
1.	Cadangan membaikpulih padang kawad, bangunan pentadbiran, rumah masak termasuk kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta lain-lain kerja yang berkaitan di Kompleks PALAPES, Universiti Malaya.	1,950,950.00
2.	Adangan kerja-kerja menaiktaraf rumah universiti (hotel & kafeteria) termasuk mekanikal, elektrik dan ict dan lain-lain terlibat untuk Universiti Malaya	1,010,040.61
3.	Cadangan kerja-kerja menaiktaraf 12 unit rumah kediaman termasuk kerja-kerja mekanikal, elektrik, ICT dan lain-lain yang berkaitan di blok B Apartment Jepun, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.	921,871.40
4.	Kerja-kerja menaiktaraf jalan sediaada di Lingkaran Budi dan <i>lay-by</i> di hadapan Kolej Kediaman Raja Nazrin Shah (KK12), Universiti Malaya, Kuala Lumpur	1,330,000.00
Jumlah		5,212,862.01

BKUB merupakan urusetia dan Ahli Jawatankuasa bagi Jawatankuasa Penilaian sebutharga / tender bagi kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam UM sama ada dipanggil oleh JPPHB, PTJ atau Kolej Kediaman. Hal ini sepertimana yang telah disyaratkan di dalam pekeliiling 1PP/PK2 bagi memastikan sebutharga / tender tersebut dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Lebih daripada 50 mesyuarat Jawatankuasa Penilaian sebutharga / tender telah dihadiri oleh BKUB sepanjang tahun 2016.

Selain itu, BKUB juga terlibat dalam memberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan kontrak kepada JPPHB, PTJ lain dan Kolej Kediaman dalam tempoh Pra-Kontrak dan Pos-Kontrak bagi setiap sebutharga / tender yang dilaksanakan di dalam UM. BKUB bertindak sebagai pakar rujuk dan diminta membantu PTJ (end-user) dalam menyemak dan menyediakan senarai kuantiti bagi sebutharga / tender yang diuruskan sendiri oleh mereka dan menyemak tatacara perolehan bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran tatacara tersebut. Rutin ini dilaksanakan hampir setiap hari sepanjang tahun 2016 bagi memastikan tiada pelanggaran tatacara perolehan kerajaan di UM.

Pada 2016 juga, BKUB terlibat dalam menyediakan kursus berkaitan Asas Penyelenggaraan Bangunan iaitu Penyediaan Anggaran Kos Awalan bagi warga UM dan JPPHB. Kursus ini merupakan hasil kerjasama diantara JPPHB dan Unit Latihan dan Perkembangan Staff UM (STanD) bagi memberi pendedahan secara umum kepada warga UM dalam menyediakan anggaran kos awalan bagi memohon peruntukan dan sebagai asas bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan.



6.2.7. Bahagian Perancangan & Senibina

Fungsi bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang perancangan dan senibina kepada Universiti Malaya khasnya warga kampus dan orang awam. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengurus pelaksanaan projek-projek pembangunan Universiti bermula dari perancangan sehingga penyerahan projek.

Secara umumnya skop kerja BPS terbahagi kepada :

- Mengkaji dan menilai jenis renovasi yang dimohon atau dicadangkan dan merupakan Urusetia Jawatankuasa Renovasi Ruang dan Perolehan Perabot UM
- Khidmat nasihat terhadap renovasi terutama perkara-perkara yang melibatkan senibina.
- Penyediaan rekabentuk renovasi yang mencapai objektif dan memenuhi kehendak pengguna.
- Menyelaras penyediaan reka bentuk, lukisan dan dokumen tawaran dan penyerahan projek.
- Pengurusan kerja di tapak
- Memantau pelaksanaan fizikal dan kewangan projek dalam pembinaan dan memastikan projek disiapkan berkualiti, menepati kos dan tempoh masa yang dirancang serta memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.
- Penyediaan piawai rekabentuk, sistem pengurusan projek dan lain-lain.

Projek-Projek Fizikal Yang Telah Siap Tahun 2016 Dengan Jumlah Kos RM1.95 Juta:

1. Klinik Kesihatan Pelajar
Tarikh Mula : 29 Disember 2015
Tarikh Siap: 9 Mei 2016
2. Cube Kolej Kediaman Pertama (KK1)
Tarikh Mula : 22 Julai 2016
Tarikh Siap: 19 September 2016
3. Cube Kolej Kediaman Ketiga (KK3)
Tarikh Mula : 22 Julai 2016
Tarikh Siap: 2 September 2016
4. Cube Kolej Kediaman Kesebelas (KK11)
Tarikh Mula : 26 September 2016
Tarikh Siap: 5 Disember 2016

Projek-Projek Fizikal Dalam Perancangan Tahun 2016 Dengan Jumlah Kos RM5.0 Juta:

1. Rumah Antarabangsa (Gazebo Dobi, Asrama dan Rumah Sampah)
 - Menaiktaraf gazebo sedia ada kepada sebuah gazebo dobi yang berkonsepkan keterbukaan.
 - Menaiktaraf rumah pengetua sedia ada kepada sebuah asrama 4 bilik (10 katil) berkonsepkan *backpackers-hostel*.
 - Menaiktaraf rumah sampah sedia ada kepada rumah sampah berkonsepkan lestari.
2. Apartment Jepun (Naiktaraf 12 Unit Blok B)
 - Menaiktaraf 12 unit kediaman sedia ada kepada unit kediaman moden (6 katil).
3. Rumah Universiti (Lama) (Naiktaraf Keseluruhan Bangunan)
 - Menaiktaraf keseluruhan bangunan (kafe dan bilik tidur) kepada sebuah *premium hostel* lengkap dengan fasiliti kafe.
4. Kompleks Perdana Siswa Blok G (MRC Office, Rumah Sampah dan Lanskap)
 - Menaiktaraf ruang aras bawah sedia ada kepada sebuah pejabat untuk *Marketing & Recruitment Centre of Universiti Malaya*.
 - Merobohkan rumah sampah sedia ada dan membina rumah sampah baru.
 - Menaiktraf ruang lapang sedia ada kepada sebuah ruang lanskap moden untuk kegunaan aktiviti-aktiviti luar bangunan.
5. Fakulti Perubatan Blok P (Naiktaraf Aras 5 untuk Jabatan Perubatan)
 - Menaiktaraf ruang pejabat sedia ada kepada sebuah ruang pejabat yang moden dan kondusif.
6. Perpustakaan Utama (Bilik Koleksi Redologi)
 - Menaiktaraf ruang pejabat sedia ada kepada sebuah bilik koleksi Redologi (manuskrip cina).



Projek Sistem Pengurusan dengan jumlah kos RM900,000:

1. Sistem Geospatial Information System (GIS)

Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB), Universiti Malaya (UM) telah membangunkan sebuah Sistem Maklumat Aset Universiti Malaya yang berasaskan kepada pembangunan "Web Based Geographical Information System (GIS)". Idea pembangunan dan pelaksanaan program Geospatial ini telah disarankan oleh Naib Canselor UM sendiri.

Idea asal adalah bagi:

- Mengurus penggunaan tanah kampus utama seluas 821.00 ekar
- Sebagai satu cara untuk mendemonstrasikan keupayaan teknologi Sistem Maklumat Geografi atau GIS di dalam pengurusan tanah dan perancangan gunatanah.
- Ini adalah selaras dengan sistem pengajian tinggi dibentuk untuk memastikan bahawa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berupaya dalam usaha membina reputasi dengan keupayaan yang dinamik, berdaya saing selain mampu meramalkan cabaran masa hadapan dan bersedia untuk bertindak secara efektif seiring dengan perkembangan global.

Sistem ini dikenali sebagai GIS UM dan boleh digunakan oleh pengguna melalui "web browser" samada melalui versi "desktop" mahupun versi "mobile". JPPHB / UM berperanan dalam menguruskan dan menyelenggara data maklumat harta tanah milik universiti yang mana ia bertujuan untuk:

- Data dan maklumat dalam GIS disediakan melalui perkhidmatan internet yang membolehkan pelanggan/pelajar untuk mendapatkan maklumat dan sistem ini sendiri boleh dan sedang menjadi sumber rujukan bagi pembelajaran dan penyelidikan pelajar ; sebagai contoh sistem GIS ini digunapakai oleh pelajar ISB untuk membuat penyelidikan tentang tahap kualiti air bagi saliran dan tasik dalam kampus.
- Pelanggan daripada syarikat luar untuk penyewaan ruang komersial seperti industri perbankan, Telekomunikasi, Billboard, Sektor Kerajaan, syarikat pembekal dan pihak kontraktor boleh melayari laman web GIS atau jika memerlukan perkhidmatan peta dan koordinat untuk memaparkan lokasi perniagaan mereka.
- Justifikasi Pembangunan Sistem 'GIS' ini dibangunkan bukan sahaja untuk memberi manfaat kepada JPPHB sahaja untuk merancang, mengurus dan menyelenggara harta UM, malah untuk kegunaan seluruh

warga kampus melalui perkongsian maklumat yang ada.

- Harapan JPPHB adalah supaya projek ini akan menjadi suatu usahasama yang baru dalam kumpulan untuk mengemaskini maklumat UM secara menyeluruh, efisien dan efektif dan maklumat tersebut akan disimpan secara bersepadu dan selamat. Ini akan membantu JPPHB memperbaiki kecekapan dan mutu kerja kerana dapat menghasilkan laporan-laporan yang diperlukan oleh pengurusan atasan. Maklumat tersebut seterusnya akan dapat membantu pihak pengurusan tertinggi UM untuk merancang, menganalisa dan melaksanakan rancangan berkaitan sumber dan tenaga kerja demi meningkatkan kecemerlangan UM
- Memenuhi keperluan semasa dengan Membangunkan Pengkalan Data harta tanah yang berpusat serta mudah diakses seperti sistem GIS.
- Mewujudkan kod blok bangunan dan inventori ruang dan kemudahan yang lengkap dan mudah diakses.
- Mengodit sirkulasi trafik, penggunaan dan pengurusan harta benda termasuk ruang dan kemudahan.
- Selain itu juga, GIS ini dapat banyak membantu orang awam sebagai pengguna bagi mendapatkan maklumat tambahan apa sahaja data yang ingin diperolehi melalui talian secara terus.

2. Sistem Pengurusan Projek **Zioola**

Zioola.com adalah aplikasi atas talian yang direka untuk menyediakan platform yang membenarkan pengurus untuk menguruskan projek mereka dengan mudah. Dengan Zioola, pengurus akan dapat untuk memastikan bahawa semua projek yang dipantau boleh dilaksanakan dengan mudah. Ia adalah medan utama JPPHB untuk berinteraksi secara teknikal mengenai projek

3. Sistem Pengimbasan Lukisan

UM mempunyai lebih daripada 18,000 helai lukisan senibina dan kejuruteraan di dalam simpanan JPPHB. Buat masa ini lukisan-lukisan ini disimpan secara fizikal di Bilik Lukisan di bawah jagaan Bahagian Perancangan dan Senibina. Semakin hari, semakin banyak lukisan yang akan ditambah ke dalam simpanan lalu menjadikan ruang simpanan sediaada semakin kecil dan tidak terurus.

Dari masa ke masa lukisan-lukisan ini mengalami kesan-kesan kerosakan yang membuat ia tidak boleh dibaca lagi. Oleh kerana bilangan lukisan yang banyak dan penyimpanan yang tidak betul,



mencari lukisan yang dikehendaki menjadi hampir mustahil. Tambahan pula, lukisan-lukisan ini mengambil ruang berharga yang boleh digunakan untuk tujuan lain. Lebih-lebih lagi apabila ruang pejabat adalah sesuatu yang amat berharga di UM.

Sehubungan dengan isu-isu yang dihadapi di atas, JPPHB telah bekerjasama dengan Galeri Seni Universiti Malaya (UMAG) untuk menukarkan lukisan-lukisan ini kepada imbasan imej yang boleh disimpan di dalam server komputer. Objektif projek ini adalah untuk menyediakan satu penghijrahan lengkap (migration) lukisan fizikal sediaada kepada imej yang boleh disimpan di dalam sistem pengurusan lukisan. Imej lukisan perlu disediakan dengan metadata yang disesuaikan kata laluan apabila imej-imej yang dimuat naik ke dalam system tersebut. Metadata ini berfungsi sebagai identiti lukisan yang membolehkan lukisan yang dicari, dibuka dan dilihat dalam format PDF dengan mudah, cepat dan tepat.

Sistem simpanan dokumen rasmi UM; e-DMS telah digunakan untuk menguruskan lukisan-lukisan yang telah diimbasi ini. e-DMS mampu mengindeks lukisan dan menyediakan interface kepada pengguna agar carian lukisan boleh dibuat dengan satu langkah yang mudah. Ia juga mempunyai keupayaan untuk membolehkan ramai pengguna untuk mencari, melihat dan berkolaborasi.

Untuk sistem ini kekal relevan, e-DMS juga menyimpan dan menguruskan dokumen penting selain lukisan seperti Geran Tanah, Sijil-sijil Menduduki Bangunan dan juga lain-lain jenis dokumen yang berbeza formatnya seperti lukisan-lukisan AutoCAD.

Lukisan fizikal sedia ada akan dilupuskan atau dihantar ke Arkib Negara, manakala ruang tersebut boleh digunakan untuk tujuan lain.

6.2.8. Bahagian Kewangan

Bahagian Kewangan di JPPHB adalah bertanggungjawab di dalam mengawal, mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kewangan bagi peruntukan melalui OCAR, RMK dan lain-lain sumber dalaman UM. Ini juga termasuk memantau perbelanjaan secara bulanan, memberi makluman terkini mengenai prosedur kewangan universiti dan memastikan JPPHB mengikuti setiap garis panduan dan prosedur kewangan universiti.

Pada tahun 2016, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) telah membelanjakan hampir RM 30 juta bagi melakukan kerja naik taraf serta penyelenggaraan bagi kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik serta perkhidmatan pembersihan dan landskap. Peruntukan yang diperolehi untuk tahun 2016 adalah kurang sebanyak 37.5% berbanding tahun 2015.

Walaupun mengalami pengurangan peruntukan namun JPPHB berjaya mengharungi dan mengoptimalkan penggunaan bajet ini dengan memberi penyelenggaraan yang terbaik untuk keseluruhan kemudahan dan infrastruktur di kampus Universiti Malaya.

Jadual 6.8: Butiran Perbelanjaan

BIL.	BUTIRAN	PERBELANJAAN (RM)
1.	Selenggara kawasan dan lanskap	12,200,000.00
	Perolehan bekalan dan bahan-bahan OCAR	560,000.00
2.	Selenggara struktur bangunan, infra, pembentungan, kerja pengubahsuaian dan renovasi	4,500,000.00
	Selenggara sistem mekanikal (lif, hawa dingin, dumbwaiter, pam dan gas LPG)	5,600,000.00
	Selenggara sistem pencegah kebakaran	900,000.00
3.	Selenggara kenderaan	500,000.00
4.	Selenggara sistem pembahagian elektrik dan sistem telekomunikasi	2,800,000.00
	Selenggara kecil di PTJ dan kolej	1,200,000.00
JUMLAH		28,260,000.00

Pada keseluruhannya, JPPHB telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Semua bahagian teknikal telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi bagi menyelenggara serta membaikpulihan prasarana demi keselamatan para pelajar dan orang awam. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran yang lebih mencerikan dan secara tidak langsung ianya dapat memberi manfaat kepada para pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di Universiti Malaya.



6.3. PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT (PTM)

Sepanjang tahun 2016, PTM terus melakar pencapaian dalam penyediaan perkhidmatan Teknologi Maklumat. Beberapa projek utama telah disempurnakan, antaranya sistem rangkaian Universiti Malaya, yang merupakan infrastruktur utama, telah dinaiktaraf agar terus beroperasi dengan lancar. Kapasiti jalur lebar talian Internet telah dipertingkatkan 100% iaitu dari 4 Gbps kepada 8 Gbps. Liputan wifi di kolej adalah 100% sementara di fakulti dan lain-lain lokasi adalah dianggarkan 60%; satu peningkatan berbanding 40% tahun sebelumnya. Sistem autentikasi pengguna bersepadu telah diperkenalkan di mana ini membolehkan penggunaan wifi UM diurus dengan lebih baik. Sistem ini juga berpotensi diperluas kepada pengguna sistem rangkaian berwayar kelak.

Aktiviti pembangunan dan penambahbaikan berkaitan aplikasi pula memfokus kepada projek yang menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja sedia ada, peningkatan visibiliti bagi hasil penyelidikan dan penyelidik, peningkatan tahap pemantauan di kalangan pengurusan dan peningkatan penjana pendapatan UM.

Di samping itu, aktiviti pemantauan keselamatan Teknologi Maklumat seperti pemantauan virus berpusat, pemantauan melalui Sistem Intrusion Prevention System (IPS), Anti DDOS dan *Central Log System* turut dipertingkatkan bagi memastikan perkhidmatan Teknologi Maklumat yang disediakan dapat digunakan secara optimum dan berterusan tanpa sebarang gangguan oleh anasir-anasir yang tidak diingini yang boleh menjejaskan imej Universiti Malaya.

PTM turut menjunjung budaya inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan Teknologi Maklumat, selaras dengan perkembangan pesat bidang tersebut. Inisiatif *Big Data* yang diperkenal pada tahun 2015 terus diperluas dengan mengadakan kerjasama dengan para penyelidik bagi mengeksploitasi potensi teknologi berkenaan dalam menghasilkan data-data dan maklumat yang menyokong pembuatan keputusan di peringkat pengurusan.

PTM turut menyahut cabaran pihak Pengurusan UM dalam penjana pendapatan dengan mengkomersilkan perkhidmatannya. Beberapa aktiviti telah dikenalpasti untuk dikomersilkan iaitu perkhidmatan multimedia, pembangunan sistem aplikasi dan sewaan peralatan. Di samping itu PTM juga menjana pendapatan melalui perolehan komisyen dari penggunaan sistem seperti Sistem UMConference, Sistem Tempahan Ruang dan Sistem Pendaftaran Pembekal.

Pencapaian PTM dalam mengekalkan prestasi perkhidmatannya dan berinovasi turut diiktiraf di peringkat Universiti dan antarabangsa. PTM dan Bahagian Sumber Manusia telah memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2016 melalui kategori Inovasi dengan memperkenalkan Sistem Surat Jaminan *Online*. Badan pensijilan Sirim Sdn Bhd, telah mengesahkan pematuhan PTM terhadap piawai *Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013* dengan mengekalkan pensijilan tersebut untuk tempoh setahun lagi. Semenjak Julai 2015 sehingga kini laman web rasmi Universiti Malaya berjaya mengekalkan kedudukan pertama di kalangan laman web Universiti Awam di Malaysia melalui penarafan *Webometrics Ranking of World Universities*.

PTM telah berpindah secara berperingkat ke bangunan baru PTM pada bulan Disember 2016. PTM turut meneroka pasaran dalam dan luar dengan menawarkan perkhidmatan dan produk Teknologi Maklumat. Ini membolehkan PTM menjana pendapatan, di mana sedikit sebanyak ia telah membantu mengurangkan kebergantungan kepada dana pusat. Pendapatan kasar yang dijana pada tahun 2016 ialah RM 182,150.00.

Berikut adalah rekod perbelanjaan bagi penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur Teknologi Maklumat untuk Universiti Malaya yang dibiayai menggunakan peruntukan OCAR dan Peruntukan Tambahan Tahun 2016:

Jadual 6.9: Rekod Perbelanjaan bagi Penyediaan dan Penambahbaikan Infrastruktur

Bil.	Jenis Perolehan	Jumlah (RM)
1.	Kelengkapan rangkaian (<i>Switch, Data Point, Wifi</i>)	643,953.52
2.	Kelengkapan Pusat Data (Pelayan)	357,490.30
3.	Pembelian komputer, komputer riba, <i>Mac Book, Ipad</i>	124,337.85
4.	Penyelenggaraan Rangkaian (Kelengkapan Rangkaian, Internet)	3,561,178.46
5.	Penyelenggaraan Pusat Data (Pelayan, perlanjutan warranti)	1,556,044.25
6.	Memperbaharui lesen tahunan dan perisian	1,493,022.65
7.	Pembangunan Sistem (<i>System Inventory, Vehicle Tracking System</i>)	559,299.72
8.	Lain-lain - (pembelian <i>CCTV</i> dan penyelenggaraan, pembelian pintu akses dan penyelenggaraan, latihan staf dan multimedia)	369,340.25
Jumlah Keseluruhan		8,662,667.00

7. PUSTAKAWAN





7.1. LAPORAN KETUA PUSTAKAWAN

Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir

Perpustakaan masih mengekalkan misi dan visinya di mana misinya ialah “Bagi menyokong misi global Universiti Malaya, Perpustakaan menyediakan kepakaran profesional, pelbagai sumber maklumat, dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan untuk memajukan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti”. Visinya pula adalah “Menjadikan Perpustakaan Universiti Malaya sebuah perpustakaan bertaraf dunia selari dengan aspirasi Universiti Malaya untuk penerafan dunia”. Misi dan visi ini disertai dengan nilai-nilai organisasi berikut:

- (a) Kami menyampaikan nilai dengan membuat jangkaan, mengkaji dan memberi tindak balas kepada perubahan dalam permintaan pengguna kami.
- (b) Kami memanfaatkan teknologi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan cara yang paling cekap dan berkesan.
- (c) Kami komited untuk mewujudkan persekitaran menarik yang menyokong penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, inovasi dan kolaborasi.

Perpustakaan juga menyokong Prosedur Kualiti Pengurusan Perpustakaan yang digariskan dalam pensijilan MS ISO 9001:2008 melalui UM-PT08-PK01: Pembangunan Koleksi Perpustakaan; UM-PT08-PK02: Perkhidmatan Pelanggan Perpustakaan; dan UM-PT08-PK03: Urusan Pengendalian Pendidikan dan Latihan.

Terdapat 44 orang pustakawan profesional dan 157 orang kakitangan sokongan yang bertugas di Perpustakaan sepanjang 2016. Encik Mahbob Yusof telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Kanan pada



11 Mac 2016, Puan Koh Ai Peng sebagai Timbalan Ketua Pustakawan Gred S52 pada 11 Mac 2016 dan Puan Zanaria Saupi Udin pula menjawat jawatan Pustakawan Gred S48 pada 11 Mei 2016. Dua orang Pustakawan Gred S41 telah dinaikkan pangkat secara fleksi ke jawatan Pustakawan Gred S44. Kakitangan Perpustakaan juga berjaya memenangi beberapa anugerah pada 2016. Encik Mohd. Faizal Hamzah telah memenangi Anugerah Pustakawan Harapan Persatuan Pustakawan Malaysia 2015. Cik Sutarni Kasimun telah memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2016 bagi kategori Staf Pengurusan & Profesional Terbaik (Bukan Akademik) Gred 48-54 dan Puan Shamsiah Abu Bakar telah memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2016 bagi kategori Staf Pengurusan & Profesional Terbaik (Bukan Akademik) Gred 41-44.

Bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna untuk mendapat akses kepada maklumat terkini, Perpustakaan meneruskan usaha membangun koleksi melalui pembelian bahan cetak dan elektronik serta langganan kepada pangkalan data elektronik. Walau bagaimana pun, peningkatan harga langganan pangkalan data elektronik secara tahunan telah memaksa Perpustakaan untuk melihat kembali kadar penggunaan kesemua pangkalan data elektronik yang dilanggan. Justeru, Perpustakaan telah menamatkan langganan kepada 22 buah pangkalan data elektronik. Walau bagaimana pun, Perpustakaan masih meneruskan usaha untuk membina koleksi melalui program hadiah dan pertukaran serta mendapatkan sumbangan bahan dari organisasi dan orang persendirian di dalam dan luar negara.

Perpustakaan telah berjaya mendapat beberapa anugerah sepanjang 2016 iaitu Emerald Group Publishing High Research Output Award 2016; Pingat perak bagi projek COLA : *an Innovation through Physical Space* dan Pingat gangsa bagi projek Interaktif Portal : *Innovation for Information Needs* di *International Innovation & Design in Library & Information Science Competition* pada 26 Mei 2016; Pingat gangsa bagi Projek Pemantapan Koleksi Nadir Cina Sebagai Sumber Warisan for Projek Penambahbaikan Berterusan UM 2015-2016; dan Amalan Positif - Audit Kualiti Dalam Bil. 17/2016 bagi Usaha-usaha gigih Perpustakaan di dalam memastikan staf Perpustakaan diberi kesedaran tentang pengurusan risiko melalui beberapa bengkel dan taklimat yang dijalankan.

Berketepatan dengan 111 tahun penubuhan UM, Perpustakaan telah berjaya mewujudkan lagi satu mercu tanda bagi UM dengan pelancaran Arkib Universiti Malaya (*University of Malaya Archives*) pada 1 Jun 2016. Arkib ini adalah repositori bagi kesemua hasil karya warga UM serta dokumen dan artifak mengenai UM. Perpustakaan juga telah mengadakan beberapa aktiviti lain.

Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya beroperasi dengan empat orang kurator profesional dengan bantuan tujuh orang kakitangan sokongan. Sepanjang 2016, kedua-dua organisasi telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran khalayak umum terhadap peranan muzium dan galeri di institusi pengajian tinggi. Muzium Seni Asia telah berjaya mengadakan pameran *Malaysia Puppet Shadow Exhibition - A Special Collection from the Museum of Asian Art, Kuala Lumpur, Malaysia* di *National Cheng Kung University Museum* di Tainan, Taiwan dari 12 November 2015 hingga 30 September 2016. Pameran ini adalah hasil dari *Memorandum of Understanding* di antara Muzium Seni Asia dan *National Cheng Kung University (NCKU) Museum* yang ditandatangani pada 26 Ogos 2011.

Sepanjang 2016 Perpustakaan, Muzium Seni Asia dan Galeri Seni telah berusaha dengan sebaiknya untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti Universiti Malaya. Usaha-usaha akan diteruskan bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti Malaya.

7.2. PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Rangkaian Perpustakaan Universiti Malaya merangkumi Perpustakaan Utama, tiga perpustakaan cawangan (Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Perubatan T.J. Danaraj dan Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim) dan sembilan perpustakaan khusus (Alam Bina, Pergigian, Kejuruteraan, Pendidikan, Pengajian Melayu, Pengajian Islam di Kuala Lumpur dan di Nilam Puri, dan Bahasa & Linguistik) dengan pembukaan semula Perpustakaan Pendidikan. Perpustakaan Pengajian Asia Timur dan Perpustakaan Pengajian India berfungsi sebagai sebahagian daripada Perpustakaan Peringatan Za'ba. Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan kepada pelajar perubatan di Hospital Tengku Ampuan Rahmah Kelang tetapi telah menutup perkhidmatan perpustakaan di Hospital Banting.

7.2.1. Perkhidmatan

Pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh Perpustakaan dan boleh diakses dari laman sesawang <http://www.umlib.um.edu.my>. Kesemua penerbitan ilmiah Universiti dijejak melalui pelbagai pangkalan data sitasi dan dimuat naik ke *Universiti Malaya: Staff Portal* untuk makluman dan rujukan kakitangan. Pembangunan dan pencapaian Perpustakaan pula didokumentasi melalui *Kekal Abadi: University of Malaya Library Bulletin*. Perpustakaan menyediakan Katalog Atas



Talian (OPAC) yang dikenali sebagai *Pendeta Discovery* (<http://pendeta.um.edu.my/client/default>) bagi memudahkan pencarian bahan yang terdapat di Perpustakaan. Selain daripada itu, Perpustakaan juga mengguna *EBSCO Discovery Service* sebagai enjin pencarian setempat.

Perpustakaan telah mengadakan 14 sesi latihan penggunaan pelbagai pangkalan data elektronik bagi memperkenalkan pengguna kepada pangkalan data yang dilanggan. Perpustakaan telah menerima dan melatih 8 orang pelajar sains maklumat dan perpustakaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi program latihan industri. Perpustakaan juga telah menerima dan melatih 6 orang pelajar Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia bagi Prakteik Pengalaman Lapangan Pelajar.

Perhubungan dengan pengguna secara maya dilakukan melalui Facebook, Google+, Instagram, Twitter dan Youtube. Facebook Perpustakaan (*The University of Malaya Library*) mendapat 24,361 *likes* sementara Twitter Perpustakaan (@UMalayaLib) mempunyai 772 pengikut dan Instagram pula mempunyai 428 pengikut. Perpustakaan juga menyenggara blog (<http://umlibweb.wordpress.com>) dan pada penghujung 2015, 82 *posts* telah dimuat naik dengan 58,352 *hits*.

7.2.2. Pembangunan Koleksi

Sepanjang 2016, Perpustakaan telah memperoleh sebanyak 3,258 tajuk (5,708 naskhah) bahan bukan elektronik. Sebanyak 8,402 judul (13,089 naskhah) bahan bukan elektronik diterima dalam bentuk hadiah dari orang perseorangan dan institusi. Ini telah meningkatkan jumlah koleksi Perpustakaan kepada 1,262,847 tajuk (2,011,357 naskhah). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui *Malaysian Online E-Resources Consortium* (MOLEC), telah memberi akses kepada empat pangkalan data iaitu *Academic Search Premier*, *Business Source Complete*, *ProQuest Digital Dissertations & Theses* dan *Scopus*. Mulai 2016, Perpustakaan telah menghentikan langganan kepada pangkalan data berikut : *Annual Reviews*, *Biological Abstracts*, *Biomed Central*, *BioOne*, *CAB Abstracts*, *Cambridge University Press Journal*, *Cochrane Library*, *Ebrary*, *EconLit*, *Geobase*, *Global Capital (IFIS)*, *Islamic Finance News (IFN)*, *Al Manhal*, *Library Literature & Information Science*, *Journal of Visualized Experiments (JOVE)*, *Justis*, *Nature Publishing Group Journals*, *Oxford University Press Journals*, *ProQuest Education Journals*, *PsycArticles*, *Taylor & Francis Journals* and *Wiley Online Library*. Bagi tahun 2016, jumlah akses kepada Interaktif Portal Perpustakaan (<http://www.digilib.um.edu.my/interaktif>) menurun sebanyak 15.6% dari tahun sebelumnya kepada 665,052.

Jadual 7.1: Koleksi Perpustakaan Universiti Malaya pada 31 Disember 2016

SUMBER BERCETAK		
Monograf	666,860 tajuk	1,173,530 naskhah
Jurnal berjilid	11,490 tajuk	237,062 naskhah
Manuskrip	319 tajuk	403 naskhah
Braille	47 tajuk	358 naskhah
Jumlah	678,716 tajuk	1,411,353 naskhah
SUMBER BUKAN-BUKU		
Cakera padat	8,712 tajuk	14,713 keping
Video (VCD & DVD)	1,154 tajuk	2,014 keping
Filem	193 tajuk	194 gelendung
Jalur filem	29 tajuk	161 keping
Kit	23 tajuk	26 set
Mikrofilem	6,963 tajuk	8,817 gelendung
Mikrofis	17,483 tajuk	27,959 keping
Mikrofis ERIC	439,102 tajuk	439,102 keping
Peta	28 tajuk	28 halaman
Piawaian	13,103 tajuk	16,612 naskhah
Piring hitam	1,616 tajuk	2,008 keping
Pita audio	3,180 tajuk	5,186 gelendung
Pita gulung	12 tajuk	12 gelendung
Pita video	1,739 tajuk	2,507 gelendung
Poster	37 tajuk	275 halaman



Slaid	21 tajuk	33 keping
Jumlah	493,395 tajuk	519,647 bahan
SUMBER ELEKTRONIK		
Jurnal elektronik	32,252 tajuk	32,252 tajuk
Buku elektronik	37,186 tajuk	37,186 tajuk
Tesis elektronik	10,919 tajuk	10,919 tajuk
Jumlah	80,357 tajuk	80,357 tajuk
Jumlah	1,252,468 tajuk	2,011,357 bahan
Pangkalan Data atas talian	89 tajuk	

Kesemua repositori institusi yang dibangunkan oleh Perpustakaan mengumpul, memelihara dan menyebarkan hasil ilmiah Universiti untuk meningkatkan visibiliti penerbitan ilmiah Universiti. Terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan bahan yang dimasukkan ke dalam repositori institusi sepanjang 2016 jika dibandingkan dengan 2015.

Jadual 7.2: Koleksi Digital Perpustakaan Universiti Malaya pada 31 Disember 2016

REPOSITORI EPRINTS	
Research Repository	12,682 bahan
Students' Repository	5,959 bahan
Common Repository	6,263 bahan
Jumlah	24,904 bahan
REPOSITORI LAIN	
UM Memory	6,978 imej
UM in the News	15,630 keratan
Malaysian Arts	2,944 keratan
Malaysian Libraries and Librarians	270 keratan
Kertas Peperiksaan	38,629 bahan
Jumlah	64,451 bahan
JUMLAH	89,355 bahan

7.2.3. Pengguna

Perpustakaan telah mendaftar seramai 8,121 orang ahli baru yang terdiri daripada 4,770 orang prasiswazah, 3,053 orang pascasiswazah, 396 orang ahli akademik, 42 orang pentadbir dan 160 orang ahli luar.

Perpustakaan juga menerima 234 orang pelawat antarabangsa dari Indonesia dan Jepun. Seramai 1,712 orang pelajar dan guru dari sekolah rendah dan menengah dari Malaysia telah berkunjung ke Perpustakaan. Selain daripada itu, Perpustakaan juga menerima 5,410 orang pelawat harian dari universiti tempatan, kolej swasta serta sektor awam dan swasta.

7.2.4. Pendidikan Pengguna

Perpustakaan telah mengendalikan pelbagai program pendidikan pengguna untuk membentuk ahli akademik dan pelajar menjadi warga celik maklumat. Di penghujung 2016, seramai 5,841 orang ahli akademik dan pelajar telah menghadiri program yang dikendalikan oleh Perpustakaan iaitu:

- i. Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Utama
- ii. Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Pergigian
- iii. Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Undang-undang
- iv. Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Perubatan
- v. Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Khusus
- vi. Sesi Metodologi Penyelidikan
- vii. Bengkel ISI
- viii. Bengkel EndNote
- ix. Sesi Kemahiran Maklumat
- x. Latihan Pangkalan Data

Mulai Sesi Akademik 2016/2017, Perpustakaan menawarkan kursus Literasi Maklumat (GIG1004) yang bernilai dua kredit kursus wajib Universiti bagi menggantikan kursus Kemahiran Maklumat (GXEX1401). Kursus ini telah mendaftar seramai 3,704 orang prasiswazah. Seramai 2,066 orang pascasiswazah dan 71 orang ahli akademik telah menghadiri Sesi Kemahiran Maklumat.

7.2.5. Aktiviti

Perpustakaan telah mengadakan beberapa aktiviti dalam usaha untuk mempelbagaikan kegiatan di kalangan pengguna dan kakitangan. Aktiviti berikut telah diadakan sepanjang 2016:

- i. Pelancaran Arkib Universiti Malaya pada 1 Jun 2016.
- ii. Pelancaran dan Gotong-royong Perdana 5S pada 12 Ogos 2016.
- iii. *A Day with Our Clients* pada 6 September 2016.
- iv. *6th International Conference on Libraries, Information and Societies 2016* dari 20 hingga 21 September 2016.
- v. Program Bicara Buku: Mentaliti Jamban oleh Khairul Abdullah pada 5 Oktober 2016.



- vi. Pameran #UM111: Manuskrip dan Koleksi Nadir Perpustakaan Universiti Malaya dari 2 November hingga 31 Disember 2016.
- vii. My10K@UM *Urban Intensity Run* 2016 pada 18 Disember 2016.
- viii. Projek Komuniti Perpustakaan UM - *Knowledge Transfer for Better School Resource Management UM Cares* pada 11 Ogos 2016 dan 8 September 2016.

7.2.6. Penerbitan

Kakitangan profesional Perpustakaan, Muzium dan Galeri juga bergiat aktif dalam penulisan dan mereka juga sering diundang sebagai penceramah jemputan.

Artikel dalam Jurnal

1. Adida Mohd. Amin dan Adlina Norliz Razali. Impak perubahan peranan pustakawan penghubung di institusi pengajian tinggi masa kini. *Kekal Abadi*, 34(1), 11-14.
2. A'dillah Mustafa, Intan Nurbaizura Zainuddin, Sufy Rabea Adawiya Idris and Muhamad Faizal Abd Aziz. Social media promotional tools in academic library. *International Journal of Computer Theory and Engineering*, 8(3), 260.
3. Goh Sok Boon and Kiran Kaur. A comparative study of leadership competencies of academic librarians. *Kekal Abadi*, 34 (2), 16-24
4. Hanani Fauzi. Planning and design of library furniture in the Built Environment Library, University of Malaya. *Kekal Abadi*, 34 (2), 33-35.
5. Haniza Adnan dan Nurul Hasni Abu Hassan. Managing in kind gifts in an academic library. *Kekal Abadi*, 34 (2), 25-32.
6. Haslan Tamjehi dan Maziah Salleh. Seni reka grafik sebagai komunikasi visual di perpustakaan akademik. *Kekal Abadi*, 34 (1), 15-18.
7. Haslina Husain. Penglibatan pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Nilam Puri) dalam penulisan jurnal: tumpuan Jurnal al-Basirah (Tahun 2011-2014) & Jurnal KIAS (Tahun 2004-2014). *Kekal Abadi*, 34 (1), 19-23.
8. Juhaida Abd Rahim. Arkib Universiti Malaya: Sejarah penubuhan dan perkembangan. *Kekal Abadi*, 34 (2), 5-15.
9. Mohd. Samsul Ismail. Implementing knowledge sharing programs in non-sharing culture organisation. *Kekal Abadi*, 34 (2), 47-54.
10. Norishah Abdul Rahman. Understanding the concept of discovery tools. *Kekal Abadi*, 34(2), 36-42.
11. Sabariah Basir. Dentistry and oral surgery collection in the University of Malaya Dental Library. *Kekal Abadi*, 34 (2), 43-46.
12. Noorsuzila Mohamad. Bibliometric analysis of publications from the Academy of Islamic Studies, University of Malaya indexed in the

- Web of Science (WoS): 2010-2014. *Kekal Abadi*, 34 (1), 5-10.
13. Vijayalatchumy. *Inaiya Valangkalai Mathippidu Seithal*. <http://vallinam.com.my/version2/?p=3043>.
14. Vijayalatchumy. *Fernando Sorentino Sirukathaikal*. <http://vallinam.com.my/version2/?p=2936>.
15. Vijayalatchumy. *Information Anxiety: Thakaval Todarpana Kalakkam*. <http://vallinam.com.my/version2/?p=2778>.
16. Vijayalatchumy. *Australia Puurvap Palangkudikalin Kanavu Kaalak Kathaikal*. <http://vallinam.com.my/version2/?p=3131>
17. Zanaria Saupi Udin and Ilna Syazwani Musa. LibGuides @ University of Malaya Library. *UMR Bulletin*, 16 (1), 18-19.
18. Zanaria Saupi Udin. Survivability of libraries. *Tinta*. 25 (4), 80-86.

Kertas Persidangan

1. Goh Sok Boon and Kiran Kaur. A comparative study of leadership competencies of academic librarians. *8th International Conference on Qualitative and Quantitative Methods in Libraries (QQML 2016)*, 24-27 May 2016, London.
2. Mohd. Faizal Hamzah. *Services to library users with disabilities: University of Malaya*. 31 August-3 September 2015, Nakhon Ratchasima, Thailand.
3. Mohd. Faizal, H. and Annur Thahirah, A. H. *Information needs by special disabled users: Visual impaired students. International Conference on Library and Information Science, Kyoto*.
4. Mohd Faizal Hamzah and Ilna Syazwani Musa. *Students repository: Online archive for academic exercise, dissertation and theses. 8th International Conference on Qualitative and Quantitative Methods in Libraries*, 24-27 May 2016, London.

Bab dalam Buku

1. Hasnita Ibrahim, Rozlen Mustapa, N.N. Edzan and Wan Ahmad Hanis Wan Yahya Profiling Prominent Malaysians in Bernama Library and Infolink Service IN: *Special Library Administration, Standardization and Technological Integration*. Joseph M Yap; Martin Julius V Perez; Maria Cecilia I Ayson; Gladys Joy E Entico (Editors). Hershey, PA: IGI Global, 2016. pp. 315-336. doi:10.4018/978-1-4666-9542-9
2. Nor Edzan Che Nasir, Mahbob Yusof dan Pauziaah Mohamad. Perpustakaan dan pustakawan dalam transformasi universiti. *DLM: Pentadbir Pemangkin Transformasi Universiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2016. ms. 118-125. ISBN 9789673446155



Buku

1. Vijayalatchumy. *Kavalanukkul Oor Ilakkivavathi*. Chennai: Kalainjan Pathippakam, 2016.

Pembentangan

1. Edzan, N.N. *Providing a first class service with a diminishing budget: Malaysian public university libraries*. Cambridge Librarians' Day, 11-12 January 2016, Seoul National University.
2. Mahbob, Y. *Innovations and creativity in challenging times: A librarian's perspectives*. Kolokium Pelajar Semester Akhir Program Pengurusan Perpustakaan, 12 Mei 2016, UiTM Shah Alam.
3. Edzan, N.N. *Understanding the hybrid model for open access publication*. IOP APAC LAB Meeting, 28-29 July 2016, Bangkok.
4. Edzan, N.N. *Research data management and the university library*. Forum Indonesia – Malaysia: Kolokium Sains Informasi Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta, 20 Disember 2016, Jogjakarta.
5. Shamsiah Abu Bakar. *Interpersonal communication skills for librarians*. 7th Information Professionals Colloquium: Empowering Future Librarians Through Interpersonal Skills, 14 December 2016, UiTM Puncak Perdana.
6. Shamsiah Abu Bakar. *TOT literasi maklumat kepada pustakawan*. Bengkel TOT Literasi Maklumat, 26 hingga 27 Oktober 2016, Kuala Lumpur.
7. Zanaria Saupi Udin. *Knowledge transfer program: keeping the young people engaged in the library*. [Video File]. 4 October 2016. Retrieved from <https://youtu.be/LZ5XpngstF4>
8. Zanaria Saupi Udin. *Engaging the young. Lightning Talk Video*. 8th OCLC Asia Pacific Regional Council Meeting and Conference 2016: Libraries at the Crossroads : Tracking Digital Footprints, 30 November-2 December 2016, Hong Kong.
9. Zanaria Saupi Udin and Juhaida Abd Rahim. *Of IRs and OA at the University Malaya Library*. Asia Open Access Summit 2016, 14-15 November 2016, INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam.

7.3. MUZIUM SENI ASIA

Muzium Seni Asia mengumpul artifak dari Thailand, Cambodia, Vietnam, China, Jepun, India dan Iran. Artifak ini diperolehi melalui pembelian atau sumbangan dari penderma. Pada akhir 2016, Muzium mempunyai 7,685 buah artifak termasuk kepingan tembikar. Koleksi Muzium merangkumi ukiran batu, lukisan Islam dari negara-negara Asia, bahan anyaman, bahan tembaga, senjata dan layang-layang. Buat masa ini, Muzium diurus oleh dua orang kurator yang mana seorang daripadanya

adalah Ketua Muzium, dan dibantu oleh enam orang kakitangan sokongan.

Muzium Seni Asia telah mengadakan pameran khas bertajuk Malaysia Puppet Shadow Exhibition - A Special Collection from the Museum of Asian Art, Kuala Lumpur, Malaysia di National Cheng Kung University Museum di Tainan, Taiwan dari 12 November 2015 hingga 30 September 2016. Pameran ini adalah hasil dari MoU yang telah dimeterai di antara Universiti Malaya dan National Cheng Kung University pada 2011. Langkah seterusnya ialah untuk menghantar kakitangan Muzium Seni Asia dan juga Perpustakaan bagi mendapatkan latihan kuratorial di Muzium berkenaan.

Pada penghujung 2015, Muzium telah menandatangani MoU dengan Jabatan Muzium Malaysia dengan memberi tumpuan kepada pembangunan program dan juga kemahiran insaniah. Hasil yang dapat dilihat pada 2016 adalah cadangan untuk penyediaan program *augmented reality*, modul memperhebatkan aktiviti pemuziuman dan konsultasi bagi penyediaan platform penyelidikan haiwan.

Sepanjang 2016, Muzium telah menerima kunjungan 2,814 orang pelawat tempatan dan antarabangsa serta menjalankan 14 aktiviti:

- i. Pameran Bilah: *Design by Nature* – 28 Disember 2015 hingga 28 Januari 2016
- ii. *Independence Day Celebration Sudan 60th: Unity in Diversity* – 26 hingga 30 Januari 2016
- iii. *5 Continents Ceramic: Ceramic Collections by Professor Emeritus Datuk Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem* – 22 Februari hingga 23 Mac 2016
- iv. *Role of Reasoning in Understanding Religion Seminar* – 24 Mac 2016
- v. *UM Education Carnival 2016* – 25 hingga 26 Mac 2016
- vi. *Juyi Exhibition Ceramic Collection* – 29 April hingga 1 Mei 2016
- vii. Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016 – 16 hingga 21 Mei 2016
- viii. Pameran *Mindmaps* – 23 Mei hingga 23 Jun 2016
- ix. Pameran Solo *Stephen Menon* – 12 Julai hingga 12 Ogos 2016
- x. *Juyi Exhibition dan Asian Heritage Museum* – 11 hingga 15 Ogos 2016
- xi. Pameran Merdeka – 20 Ogos hingga 30 September 2016
- xii. Pameran *Photography - Thai Community in Northern Malaysia* – 7 hingga 30 November 2016
- xiii. Pameran *Liu Cheng Hua (Sculpture)* – 2 hingga 25 Disember 2016
- xiv. *Juyi Exhibition dan Asian Heritage Museum* – 27 Disember hingga 1 Januari 2017



7.4. GALERI SENI UNIVERSITI MALAYA

Galeri Seni Universiti Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai pameran dan telah mengambil bahagian dalam banyak aktiviti. Pada awal 2016, Sam Karuna dan Stephen Menon masih kekal sebagai artis residen di Galeri. Walau bagaimana pun, pada akhir September 2016, Stephen Menon telah ditamatkan khidmat sebagai artis residen. Galeri kini diketuai oleh Ketua Muzium Seni Asia dan beliau dibantu oleh dua orang kurator.

Pada Januari 2016, cokmar Universiti Malaya telah mendapatkan tempat simpanan kekal di Galeri. Cokmar yang selama ini hanya boleh dilihat secara dekat pada setiap konvokesyen kini boleh dilihat secara langsung di Galeri. Turut dipamerkan adalah dengan sejarah pembuatannya yang diletakkan bersama dengan cokmar di Ruang Pameran Kekal Cokmar UM.

Selain daripada itu, Galeri telah membantu Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dalam penyediaan *Homecoming Time Tunnel Exhibition* dan juga bergiat aktif dalam program *Window to Malaysia* di antara Malaysia dan Korea. Galeri juga menyediakan ruang bagi pelukis tempatan menpamer dan menjual hasil lukisan mereka melalui Art Bazar @ UMAG.

Sepanjang 2016, Galeri telah dikunjungi lebih kurang 12,392 orang pelawat tempatan dan antarabangsa dan telah terlibat dalam 15 aktiviti:

- i. A'Jami *Handmade Art from Syrians Heart Exhibition* – 2 Februari 2016
- ii. Persembahan KL Kita Je – 1 hingga 26 Mac 2016
- iii. *Kick Start PETRON Art Competition* - 28 Mac 2016
- iv. *Modern Flashback Scoot, Sound and Style* – 4 hingga 28 April 2016
- v. Pameran Pua Kumbu: *The Sacred Journey* – 10 Mei hingga 30 Jun 2016
- vi. *UM111 Permanent Collection Exhibition* – 12 Ogos hingga 12 September 2016
- vii. Pameran Lukisan Keroncong Maamor Jantan – 15 Ogos sehingga 15 September 2016
- viii. *Summer Enrichment Program* (Fakulti Sastera) – 25 hingga 26 Ogos 2016
- ix. Hari Penjurian Sempena Pertandingan Lukisan ke-4 PETRON – 5 dan 6 September 2016
- x. Pameran Sempena *World Mental Health Awareness* (Jabatan Perubatan Psikologi, PPUM dan UMAG) – 1 Oktober hingga 30 November 2016
- xi. Program Eksplorasi Galeri Universiti Malaya bersama Murid Tingkatan 3 SM Sains Selangor – Oktober 2016
- xii. Pameran Taichung *City Da-Dun* Taiwan – Oktober 2016
- xiii. *Bio Art Exhibition* – 25 November hingga 2 Disember 2016
- xiv. *Catharsis 2016 Exposition Exhibition* – 6 Disember hingga 31 Disember 2016
- xv. *Korean Society of Basic Design and Art (KSBDA) Exhibition Kuala Lumpur International Invitational Exhibition* – 19 Disember 2016

8. LAMPIRAN





PENCAPAIAN WARGA UNIVERSITI

Jadual 8.1: Senarai Pencapaian Warga Universiti Malaya Bagi Sepanjang Tahun 2016

BIL.	BUTIRAN
Ranking & Pengiktirafan	
1.	UM mencapai ranking Quacquarelli Symonds (QS), 27 di Asia dan 146 di dunia, menunjukkan peningkatan berterusan dalam tempoh lima tahun.
2.	UM berjaya menempatkan diri dalam kelompok 50 terbaik dalam ranking QS mengikut subjek menerusi subjek Pengajian Pembangunan.
3.	Tujuh (7) subjek berjaya menempatkan diri dalam kelompok 100 terbaik berbanding 6 pada 2014.
4.	UM berjaya menempatkan diri dalam kelompok ranking 401-500 Shanghai Jiao Tong.
Akademik	
1.	Professor Dr. Esther Gnanamalar Sarojini Daniel dianugerahkan anugerah UNESCO-Hamdan atas penyelidikannya dalam merangka kaedah latihan efektif guru yang disampaikan oleh Pengarah UNESCO di Paris.
2.	Dr. Renee Rajasuriar dari Fakulti Perubatan dianugerahkan anugerah Wanita dalam Sains L'Oreal-UNESCO.
3.	Lapan (8) akademik dipilih sebagai penerima Emerald Literati Network Awards for Excellence 2016.
4.	Flexilicate Sdn. Bhd. memenangi anugerah berprestij Dengue Tech Challenge.
5.	Pensyarah Jabatan Fizik, Professor Dr. Ramesh T. Subramaniam menerima "International Association of Advanced Materials Scientist Medal."
6.	Navin Kumar Loganadan dari Fakulti Sains menjadi saintis tunggal Malaysia antara 20 saintis untuk dipilih sebagai Novartis Next Generation Scientist.
7.	Profesor Datuk Dr. Looi Lai Meng dari Jabatan Patologi menerima Anugerah Merdeka 2016.
Sukan	
1.	Pelajar Sains Sukan, Pandelega Rinong Pamg bergandingan dengan Cheong Jun-Hoong dari Universiti Putra Malaysia untuk memenangi pingat perak dalam acara terjun wanita platform seirama pada Sukan Olimpik Rio 2016.
2.	Sejumlah tujuh (7) atlet UM tersenarai dalam kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Rio 2016 – Pandela, Wendy Ng, Ahmad Amsyar Azman (terjun), Vivian Hoo Kah Mun, Woon Khe Wei (badminton), Navraj Singh Randhawa (trek & padang), Haziq Kamaruddin (memanah).
3.	Sanjay Singh Chal & Mohd Addeen Idrakie membantu pasukan skuasy negara menjuarai Kejohanan Skuasy Universiti Dunia buat julung kalinya di Kuala Lumpur.
4.	Pasukan bola sepak menjuarai Liga Institusi Pengajian Tinggi Divisyen Satu.
Pelajar	
1.	Pasukan debat dinobatkan sebagai juara bagi kategori Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dalam Australasian Intersity Debating Championship 2016 yang berlangsung di Perth, Australia.
2.	Lima (5) pelajar daripada Fakulti Perniagaan & Perakaunan dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam kejohanan perancangan kewangan MFPC 2016.
3.	Awatif Abdul Majid dari Akademi Pengajian Islam menjuarai Majlis Tilawah Al-Qur'an antara universiti peringkat kebangsaan kategori qariah.
4.	Pasukan UM UN dinobatkan sebagai juara keseluruhan delegasi institusi Model Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Universiti Monash 2016.

9.KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaya telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulanwang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 44.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Malaya, 1961.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.



Emphasis Of Matter

Tanpa menjejaskan Pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut :

Kumpulan Wang Penyelidikan menunjukkan baki defisit berjumlah RM92,753,265 (2015: RM19,897,635) di mana defisit Kumpulan Wang Penyelidikan ini telah meningkat sebanyak 366% berbanding tahun sebelumnya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Malaya, 1961. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya



boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaya dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.



